



*Agenda 1996*

**ANWAR**  
*Lawan*  
**MAHATHIR**

**TINTA MERAH**  
**KUALA LUMPUR**  
**1995**

PERPUSTAKAAN NEGARA



1000327447



*Agenda 1996*

**ANWAR**  
*Lawan*  
**MAHATHIR**

**MOHD SAYUTI OMAR**

**AGENDA 1996 - ANWAR LAWAN MAHATHIR**  
Cetakan Pertama November, 1995

© MOHD SAYUTI OMAR(MSO)

Hakcipta terpelihara. Mana-mana bahagian dalam penerbitan ini tidak boleh dihasilkan semula, disimpan dalam sistem simpan-kekal atau dipinda sebarang bentuk atau sebarang cara sama ada cara elektronik, sawatan, salinan foto, rakaman dan sebagainya tanpa terlebih dahulu mendapat izin daripada Penerbit.

Penerbit

**TINTA MERAH**

304 Block A1 Seksyen 4,

Wangsa Maju

53300 Kuala Lumpur.

Tel - 03-4122301

Pencetak

**ISTIRAMAI ENTERPRISE SDN. BHD.**

No 6 & 12 Jalan Nirwana 37

Taman Nirwana

68000 Ampang Selangor.

ISBN : 983-9032-16-X M

**HARGA : 12.00**

856633

14 MAY 1997

*Perpustakaan Negara  
Malaysia*

32A.2895U

RISD

## KANDUNGAN

---

1. PERMULAAN	1
2. MENANTI SAAT PERSARAAN DR. M	9
3. BUKAN MUDAH ANWAR NAK JADI PM	29
4. NAJIB DIPAKSA LAWAN ANWAR?	41
5. IMPLIKASI KALAU TAK LAWAN DR. M	53
6. PENGARUH DR. M SEMAKIN BERKURANGAN?	83
7. SIAPA PIMPIN PEMUDA 1996	97
8. APA AGENDA SANUSI SELEPAS KALAH?	111
9. CALON NAIB PRESIDEN 1996	127
10. HIKAYAT PERBALAHAN ANWAR - MAHATHIR	141



## PERMULAAN

---

**SUBJEK** yang berada di hadapan seluruh warga Malaysia sekarang ini ialah Agenda 1996. Agenda ini dikira penting dan sungguh menarik, dan setiap pihak tentu ingin memperkatakannya. Kerana ianya ada kaitan langsung dengan masa depan negara; pembangunan material, pendaulatan agama serta kedudukan kuasa politik bangsa Melayu pada tahun 2000 kelak.

Agenda yang maha penting itu berbunyi; "*ANWAR IBRAHIM* lawan *Dr. MAHATHIR MOHAMMAD*" untuk jawatan Presiden UMNO. Mungkin ramai terperanjat apabila agenda ini sudah dikemukakan sedangkan ia masih dianggap embargo. Dan tidak kurang pula ia dianggap sebagai suatu gimmik untuk tujuan tertentu. Pengakuan Dr. Mahathir dan Anwar Ibrahim kononnya, tidak ada pertandingan untuk jawatan Presiden dan Timbalan Presiden pasti akan dijadikan alasan oleh pihak yang merasakan agenda ini tidak akan menjadi kenyataan.



Pengakuan itu diisytiharkan oleh Dr. Mahathir Mohamad pada mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO pada 19 September, 1995. Katanya; "*Anggapan kononnya ada seolah-olah selisih faham antara Presiden dan Timbalan Presiden dan Timbalan Presiden nak cabar, nak lawan Presiden dalam pemilihan 1996 yang disebut-sebutkan oleh calon (yang bertanding di peringkat bahagian yang bankrap) adalah tidak benar sama sekali.*" Manakala Timbalan Perdana Menteri pula berkata, perkara itu dibangkitkan oleh mereka yang bankrap dan sakit jiwa!

Tetapi kenapa agenda ini saya kemukakan juga untuk dibahaskan? Apakah kepentingannya? Dan apakah ianya suatu permainan penulis politik untuk menghuru harakan politik negara di samping untuk melariskan buku? Dengan tegas saya menjawab... tidak! Saya kemukakan agenda ini bukan tujuan itu. Apa lagi untuk mengharubirukan politik tanah air. Itu bukan kerja orang-orang seperti saya. Komitmen kita semua ialah untuk mendamai dan mensejahterakan negara. Untuk melihat negara dalam keadaan stabil dan harmoni. Dan antara tujuan agenda ini dibentangkan pun ialah demi kepentingan bangsa Melayu dan negara.

Pada saya agenda ini sungguh menarik dan penting. Ia sama penting dengan agenda lain. Kita tidak boleh membiarkan agenda itu terawang-awangan tanpa menanganinya. Pertempuran diantara puak Perdana Menteri dan Timbalannya adalah serius. Gara-gara spekulasi inilah maka indeks BSKL turun mendadak hari ini dibawah paras 1,000 mata. Alasan saya pengumuman dan pengakuan yang dibuat oleh Anwar Ibra-

him di Tampin, yang memberi jaminan tidak akan menentang Dr. Mahathir, tidak boleh diambil kira untuk meletakkan agenda ini tidak penting apa lagi untuk terus memansuhkannya. Baik kenyataan Dr. Mahathir di mesyuarat MT UMNO tempoh hari dan juga kenyataan Anwar di Tampin itu ialah kenyataan politik yang kita semua sudah arif benar apakah erti dan maksudnya.

Anwar semasa merasmikan persidangan UMNO Bahagian Tampin pada 23 September, 1995 menegaskan sokongan beliau kepada Presiden tidak berbelah bahagi. Katanya; "*pendirian saya tidak berbelah bagi menyokong penuh kepimpinan Dr. Mahathir.*" Untuk menguatkan penegasannya itu beliau berkata; "*kita (dia) bukan bangsa yang tidak mengenang budi.*"

Satu hal yang perlu diingatkan kenyataan politik sering kali menyimpang daripada landasannya. Misalnya sifir orang politik, kalau  $2 \times 2$  bukan 4 jawabnya. Jawabannya boleh sahaja, 9, 10... hatta 100. Dalam erti kata lain sifir orang politik tergelecah jauh dari landasan ilmu matematik yang anak-anak kita pelajari di sekolah.

Untuk membenarkan kata-kata saya, cuba kita lihat kepada sejarah dan pengalaman politik masa lalu. Tentu kita semua masih ingat, dan peristiwa ini kejam menunjang dalam kepala kita. Menjelang pemilihan pucuk pimpinan UMNO tahun 1993.... berkali-kali Anwar menafikan tuduhan dan spekulasi mengatakan dia akan menentang Tun Ghafar untuk kerusi Timbalan Presiden. Semua orang yakin Anwar tidak akan cabar Tun Ghafar. Sehingga kenyataan Anwar itu melunakkan telinga Tun Ghafar Baba dan melenakan

tidurnya. Akhirnya apa jadi, Anwar lawan Ghafar Baba yang baru terjaga dari tidur. Akhirnya Tun Ghafar Baba tersingkir dari jawatannya. Apakah ketika itu Anwar sudah lupa kepada soal-soal budi, ada, kesopanan dan kesusilaan?

Begitu juga dengan Dr. Mahathir sendiri, kenyataan politiknya sukar untuk dibaca dan apa lagi untuk dipercayai. Orang politik banyak berbohong, dan pembohongan itu adalah sebahagian daripada juzu-juzu dalam politik. Kenyataan Dr. Mahathir selalu bercabang-cabang dan mempunyai makna berlapis-lapis. Macam kuih lapis dan tidak boleh dipegang begitu sahaja tanpa penilaian serta pembacaan yang mendalam.

Dr. Mahathir pernah menyatakan dia tidak terlibat dalam pertandingan diantara Tengku Razaleigh dengan Datuk Musa Hitam tahun 1981 dan 1984. Tetapi hakikatnya semua orang tahu yang Dr. Mahathir diam-diam *endorse* agar pilih Musa. Pendeknya kenyataan dan pengakuan orang politik penuh muslihat dan helah serta berbelit-belit. Sekiranya kita mempercayai secara lurus kita akan kecewa dan hampa dengan mereka.

Disini bolehlah dianggapkan kenyataan orang politik, dari satu pihak ke satu pihak untuk melalakan satu pihak yang lain. Ataupun untuk mengelirukan pihak lain. Ia bukan ikhlas dan kata-kata mereka tidak memberi jaminan tentang kebenarannya. Dalam kes Mahathir itu, pengumuman beliau tersebut dilihat semata-mata untuk memerhati reaksi orang-orang Anwar. Dan begitu juga kenyataan Anwar itu untuk melihat reaksi orang-orang Mahathir. Kenyataan

mereka berdua mempunyai makna yang tersimpul dan tersirat.

Bagi Mahathir dengan membuat kenyataan itu, beliau mahu melihat gelojak nafsu orang-orang Anwar yang tidak sabar-sabar ingin melihat Anwar jadi PM, menurun ataupun tidak. Apakah dengan pengumuman itu mereka akan menyarung balik keris yang sudah terhunus di tangan. Apakah segala kelengkapan perang akan disimpan semula sebaik sahaja kenyataan itu dibuat. Kenyataan Dr. Mahathir itu untuk menyedapkan hati orang kampung sahaja?

Demikian juga kenyataan Anwar di Tampin tempoh hari semata-mata ingin menguji sejauh manakah kesetiaan Mahathir pada kata-katanya. Apakah dengan membuat pengakuan begitu, askar-askar Mahathir akan memberhentikan pengaturan strategi untuk membatasi pengaruh Anwar. Apakah dengan kenyataan itu tindakan mereka mengendur?

Pendeknya kedua kenyataan itu saling untuk menguji diantara satu sama lain. Mahathir ingin melihat gelagak orang Anwar, dan Anwar ingin melihat gelagak orang Mahathir. Mahathir mahu menguji kemaraan orang Anwar, dan Anwar mahu menguji sekebal mana benteng pertahanan Mahathir!

Berdasarkan kepada sejarah dan pengalaman masa lalu itulah, maka pengumuman Dr. Mahathir itu dan juga kenyataan Anwar tidak boleh dijadikan satu hujah dan sandaran untuk mengatakan bahawa pertandingan untuk jawatan Presiden dan Timbalan pada tahun hadapan tidak ada. Orang-orang UMNO amnya dan para penyokong kedua belah pihak khususnya, tidak harus tidur lena dan cuci tangan untuk tidak "ber-

perang". Mereka seharusnya senantiasa berada dalam keadaan siap siaga.

Apapun Agenda 1996 - *Anwar lawan Dr. Mahathir* adalah penting. Adalah satu subjek yang menarik perhatian. Agenda yang patut dibincang oleh semua pihak. Agenda yang menentukan hala cara masa depan politik negara.

Untuk menentukan apakah agenda ini menjadi kenyataan ataupun tidak, yang rasional dipegang ialah kepada perlembagaan UMNO. Dalam perlembagaan UMNO tidak ada mana-mana *clause* yang melarang jawatan Presiden dan Timbalan Presiden daripada dipertandingkan. Jadi macam mana hendak kita berpegang kepada apa-apa yang tidak diikat oleh perlembagaan? Tidak tahulah kalau ahli-ahli UMNO bersetuju untuk tidak sama-sama menghormati perlembagaan yang mereka gubal sendiri dan bersedia untuk melanggarnya?

Perlembagaan UMNO tidak boleh menghalang ahlinya daripada menukar dan memilih pemimpin. Perlembagaan UMNO telah menetapkan setiap tiga tahun sekali, pemilihan pucuk pimpinan parti hendaklah dibuat. Jika tidak dibuat ia sudah melanggar peraturan parti dan parti berhak diharamkan sekali lagi. Dan jika pertandingan itu disekat dengan kompromi diantara kedua pihak, itu bermakna demokrasi dalam UMNO sudah tidak ada lagi.

Sebenarnya jika berlaku demikian pun tidak aneh lagi, sebab ada beberapa artikal tertentu dalam perlembagaan telah dirogol dan dihomoseksualkan oleh ahli UMNO sendiri. Banyak peraturan yang mereka buat, mereka tidak hormati. Dalam UMNO apa-apa

jua yang tidak terfikir boleh terjadi.

Misalnya masalah politik wang, UMNO telah mengadakan persidangan khas membincangkan perkara itu. Satu ketetapan dan kod etika mengenainya juga telah diambil. Tetapi sejauh mana ahli UMNO mematuhi peraturan yang mereka sendiri tetapkan menjadi tanda tanya. Dalam persidangan lalu masalah itu bangkit kembali. Sehingga ada yang didakwa telah menggunakan wang sampai RM6 juta.

Apakah perkembangan itu menunjukkan ahli-ahli UMNO sekarang ini tidak mematuhi peraturan yang mereka sendiri buat? Ataupun masalah politik wang itu sudah menjadi semacam masalah dadah, bohsia dan perbuatan membuang anak dikalangan masyarakat kita hari ini? Fenomena yang tidak dapat dibendung lagi!

Satu hal lagi adalah terlalu bodoh kalau semua orang berpegang kepada pengakuan dan jaminan Mahathir dan Anwar. Mahathir sendiri bodoh kalau dia mempercayai apa yang Anwar katakan. Begitu juga dengan Anwar, dia juga bodoh kalau dia menyakini apa yang dikatakan oleh Dr. Mahathir. Apa akan jadi seandainya Mahathir mempercayai kepada Anwar, sedangkan dalam diam-diam Anwar menyusun bala tenteranya? Bukankah itu satu hal yang "samrawit" dan sial. Pun begitu juga, apa akan terjadi kepada Anwar, dalam saat dia mempercayai kata-kata Mahathir itu tiba-tiba Mahathir *endorse* seorang Naib Presiden untuk menentangnya! Tidakkah cara itu memendekkan usia politiknya?

Hari ini kalau dilihat sudah ada tanda-tanda salah seorang Naib Presiden sedang bersiap sedia untuk

mara. Tokoh itu sudah menunjukkan kehebatannya dan membayangkan kesanggupan untuk melawan Anwar apabila dikehendaknya nanti. Untuk menampakkan beliau juga seorang tokoh Islam, tokoh itu sudah pandai menyebut sepatah dua kata istilah dalam bahasa Arab.

Justeru itu kenyataan mengenai tidak ada pertandingan jawatan Presiden dan Timbalan Presiden itu hanya satu pernyataan untuk menguji market dan mengendurkan emosi penyokong masing-masing. Tegasnya kenyataan itu tidak menjadi satu hukum yang *rigid* dalam UMNO. Seperti yang diutarakan tadi kenyataan itu sebagai helah dan muslihat sahaja dan bukan janji sejati, dimana ianya boleh dimungkiri pada bila-bila masa sahaja.

Lantaran itu agenda ini pada saya penting dan amat menarik untuk dibahaskan oleh sekalian warga Malaysia khasnya oleh ahli-ahli UMNO dan orang-orang Melayu seluruhnya. Sama ada agenda ini dilaksanakan ataupun tidak, itu perkara lain. Yang harus kita lakukan sekarang ini ialah membahaskan agenda ini dengan penuh prihatin, bebas dan terbuka.

Sama-sama kita membahaskannya.

**MOHD SAYUTI OMAR**

Wangsa Maju,

25hb. September, 1995.

## MENANTI SAAT PERSARAAN DR. M

---

**S**ELAIN daripada menunggu kepastian sama ada jadi ataupun tidak Anwar melawan Dr. Mahathir, satu lagi detik-detik yang ditunggu ialah, bilakah Dr. Mahathir akan berundur dari memimpin negara. Bilakah masa dan ketikanya beliau akan mengucapkan selamat tinggal kepada kerusi Perdana Menteri dan bersedia pula untuk memasuki keranda persaraan yang sudah lama terbuka?

Detik-detik ini ditunggu sejak lima tahun dahulu. Dalam masa lima tahun lalu sudah beberapa kali terdengar kononnya beliau akan berundur. Tetapi setiap kali timbul isu itu, setiap kali itu juga beliau muncul dengan penuh *confident*, menunjukkan dia masih mampu, sihat serta masih diperlukan untuk memimpin negara.

Hari ini ketika ramai para hulubalanganya kecundang satu demi satu di bahagian masing-masing, Dr. Mahathir telah mengeluarkan kenyataan sinis dengan berkata beliau akan terus menjadi Perdana Menteri



Malaysia selagi dikehendaki oleh rakyat. Katanya ketika menjawab pertanyaan wartawan CNN, berdasarkan kepada mandat besar yang diberikan oleh rakyat dalam pilihanraya lalu, beliau akan kekal sebagai Perdana Menteri seperti mana Deng Xioping di China.

Sebenarnya banyak sebab kenapa Dr. Mahathir perlu berhenti dan menyerahkan kuasa kepada timbalannya. Sebab paling besar sekali ialah mengenai kepincangan dan kecacatan dasar librealismenya dan sekularismenya dalam bidang ekonomi, sosial, pendidikan dan agama.

Dasar Mahathir terlalu *super* liberalisme itu telah banyak merosakkan negara. Banyak mendatangkan keburukan daripada kebaikan kepada negara dan bangsa Melayu. Benar... dasar itu boleh merubah sikap rakyat, menaikan imej negara, tetapi... pada segi lain *modernization* itu telah menyebabkan wujudnya pelbagai penyakit, merebaknya berbagai bakteria dan kuman yang boleh melemahkan bangsa dan merosakkan aqidah ummah.

Bukti paling jelas sekali ialah mengenai penekanan Dr. Mahathir terhadap MEGA PROJEK. Kejayaan 'Mega Projek' fasa pertamanya seperti Daya Bumi, Hicom, Jambatan Pulau Pinang, Langkawi (freeport) Lebuh raya Utara Selatan, Labuan, Proton dan lain-lain, menyebabkan Mahathir obses memulakan projek raksasa fasa kedua, seperti KLCC, KLIA, LRT, Sukom, Hidroelektrik Bakun dan Pergau dan lain-lain.

Satu segi kita berbangga dengan kejayaan projek yang berharga berbilion itu. Tetapi apakah kita pernah mempersoalkan untuk siapakah projek itu? Dan apakah implikasi daripada projek tersebut.

Kini kesan daripada projek-projek raksasa tersebut sudah mula dirasainya. Defesit dalam akaun semasa negara sebanyak RM13.8 juta sehingga September, 1995 merupakan satu 'nikmat' untuk rakyat hasil daripada projek tersebut. Defesit itu telah menganugerahkan bebanan kepada rakyat bila mana kadar inflasi semakin tinggi dan harga barangan asas meningkat secara mendadak.

Nilai mata wang kita juga semakin turun semantara kepercayaan para pelabur asing kepada negara kita semakin tipis. Hakikat ini ternyata walaupun Perdana Menteri dan timbalannya telah mengadakan promosi BSKL di London, namun ia tidak sedikitpun dapat mengubati keadaan BSKL yang semakin hari semakin sakit itu.

Masalah ini akan berterusan selagi tidakan susulan yang pratikal tidak dibuat. Keadaan inflasi masih tidak berganjak walaupun kerajaan sudah mengadakan kempen untuk membasmikannya dengan moto 'Infalasi Sifar' namun hasilnya tetap sifar!

Orang kampung mungkin tidak mengerti apa benda defesit atau imbangan bayaran itu. Pemimpin UMNO tidak bersedia untuk memperjelaskan masalah ini. Mereka tidak akan ceritakan kepada rakyat apakah sebab akibatnya. Yang diceritakan ialah pembangunan... pembangunan sahaja. Apa menyebabkan berlaku defesit ialah kerana terlalu banyak wang kita mengalir di luar negeri ekoran pelaksanaan mega projek, apabila kita kena beli barangan moda, membayar gaji para pekerja profesional, mahir dan separtuh mahir.

Kemasukan boroh asing yang mendatangkan

pelbagai penyakit itu adalah hasil daripada mega projek. Sebagai contohnya untuk membina Delima Resort di Langkawi sahaja telah menggunakan 1,000 tenaga pekerja Thailand. Bayangkan berapa ratus ribu bilion wang kita mengalir ke luar negara!

Selain itu dasar librelisme Dr. Mahathir ini juga telah wujud diskriminasi dalam ekonomi. Ia telah menetaskan beberapa orang korporat Melayu di negara ini. Sebelum ini golongan korporat hanya dimiliki oleh orang-orang bernama; Datuk Yong Thiong Ley, Datuk Vincent Tan, Tan Sri Lim Goh Tong, Datuk Ananda Krishnan, Tan Sri Ting Pek King dan lain-lain. Tetapi sejak wujudnya dasar itu baru orang-orang Melayu berpeluang menjadi korporat. Nama-nama seperti Tan Sri Azman Hashim, Tan Sri Rashid Hussain, Tan Sri Tajuddin Ramli, Tan Sri Abdul Halim Saad, Datuk Tengku Adnan Mansor dan lain-lain termasuk dua tiga orang wartawan akhbar yang hidup kais pagi makan pagi, kais petang makan petang, pun kini telah berjaya menjadi ahli korporat.

Tetapi apa yang malangnya hanya beberapa golongan sahaja yang mendapat manfaat dari dasar itu. Ahli korporat yang muncul pula bukan atas usaha sendiri, tetapi korporat yang disuntik dengan berbagai kemudahan. Keadaan ini seolah ada satu macam penipuan (*khilas*) semata-mata untuk menjadikan bangsa Melayu sebagai korporat.

Bolehkah kita berbangga dengan kelahiran tokoh-tokoh korporat *instant* begitu? Rasanya kalau dengan cara *khilas* begitu sesiapa pun menjadi Perdana Menteri dapat melahirkan tokoh korporat "bangat" sebegitu. Justeru itu kejayaan Dr. Mahathir melahirkan ribuan

korporat bukanlah satu kejayaan yang membanggakan bangsa.

Misalnya ada korporat Melayu yang tidak mempunyai modal mencukupi dan membuka syarikat dengan modal berbayar hanya RM 2.00. Mereka hanya menjadi *proxy* kepada orang tertentu. Mereka cuma pakai nama sahaja, segala modal dan semua kemudahan disediakan oleh orang lain. Korporat begini tidak bezanya dengan sindrom *Alibaba* yang pernah muncul tidak lama dahulu. Jadi apakah kewujudan ahli korporat itu boleh dianggap sebagai korporat sejati?

Kalau diperhatikan dasar yang diperkenal oleh Mahathir seperti penswastaaan itu hanya memberi kekayaan kepada orang tertentu. Ia tidak banyak menyumbang bantuan kepada umum. Tidak dinafikan mereka yang sempat mengambil kesempatan ini hidup kaya raya. Tetapi berapa orang? Siapa mereka? Kebanyakannya mereka ialah kaum keluarga menteri-menteri kabinet sendiri - terdiri daripada anak, isteri, rakan, menantu, mertua, abang ipar, kakak ipar, adik ipar dan sebagainya.

Dalam lambungan kekayaan itu, rakyat bawahan masih berada di takah dahulu juga. Sebaliknya di zaman korporat ini rakyat kena bayar bermacam cukai, hasil dan yuran. Yang paling terasa sekali ialah kenaikan harga barangan asas dan juga pembayaran tol. Dimana-mana ada lebuh raya baru dibina, kita dapat lihat ada plaza tol. Tol seolah-olah menjadi lukah yang dipasang di pergentingan untuk mengaut wang rakyat.

Dasar penswastaaan seperti Tenaga Nasional, Telekom, Pos, Lebuhraya dan sebagainya itu juga tidak berapa ikhlas untuk membantu rakyat, sebaliknya ia

lebih bertujuan untuk 'membiayai' kos pelaksanaan mega projek fasa pertama yang masih belum mendaftarkan hasil.

Dalam erti kata lain, dasar Mahathir hari ini tidak ada lagi kebajikan kepada rakyat. Ia lebih mirip kepada kapitalisme. Rakyat diajak berlumba untuk mendapat keuntungan. Sesiapa yang tidak cekap, dia akan tertinggal ke belakang. Dasar ini juga menyebabkan kerajaan tidak bersimpati dengan rakyat. Ini berbeza dengan kerajaan pimpinan Tunku Abdul Rahman, Tun Razak dan Tun Hussein Onn sebelum ini. Benar, sewaktu pemerintahan Allahyarham bertiga rakyat tidak mewah, tetapi semua rakyat mendapat perhatian daripada kerajaan. Di zaman mereka negara kelihatan miskin, tetapi rakyat mewah, tidak seperti sekarang negara mewah tetapi sebilangan besar rakyat bawahan menderita dan tertindas dengan pelbagai cukai.

Keadaan ini dirasakan tidak adil. Dr. Mahathir meminta rakyat berlumba sedang kekuatan tidak sama rata. Yang tertinggal ialah orang kampung yang kebanyakan orang-orang Melayu. Fikirkan macam mana hendak menerjunkan diri dalam perniagaan, sedangkan modal tidak ada! Kemahiran tidak ada dan kemudahan amat terhad. Modal yang diberikan hanya dikalangan mereka sahaja. Untuk mendapat pinjaman berbagai syarat dan peraturan dikenakan.

Selain itu juga berbagai birokrasi sedang menanti di hadapan. Misalnya usah hendak mendapatkan projek beratus juta, untuk dapatkan gerai menjual pisang goreng pun belum tentu dapat kalau tidak menjadi ahli UMNO dan baik dengan orang-orang tertentu. Dalam hal ini bukan kepakaran dan kemahiran yang

diutamakan, tetapi "ahli UMNO" dan kaum kerabat sendiri - jika jadi ahli UMNO walaupun tidak mempunyai kepakaran dalam bisness pun akan diberi permit perniagaan. Soal mereka akan mengalibabakan ataupun apa, itu soal lain!

Perhatikan siapa-siapa yang mendapat tender projek-projek raksasa di negara ini? Yang dimiliki oleh orang Melayu boleh dibilang dengan jari. Siapa yang mendapat tender untuk Projek Empangan Bakun di Sarawak? Siapa yang dapat projek KLCC, siapa yang dapat projek Menara Kuala Lumpur. Siapa yang dapat tender projek Laluan Kedua Gelang Patah dan siapa yang dapat projek membangunkan bandar baru Petra Jaya?

Semua projek itu diberikan kepada mereka yang dekat dengan pemimpin UMNO. Dan sesetengah projek itu diberikan kepada anak dan kaum kerabat Perdana Menteri dan para menteri sendiri. Misalnya Ekran yang mengendalikan projek Empangan Bakun di Sarawak salah seorang ahli lembaga Pengarahnya ialah anak Perdana Menteri dan anak Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud. Siapa yang dilantik menjadi Pengerusi Lembaga Kemajuan Pulau Langkawi (LADA) yang bertanggungjawab memajukan pulau legenda itu? Bukankah orang itu sahabat baik Dr. Mahathir bernama Tun Daim Zainuddin?

Sikap diskriminasi dan mementingkan anak beranak sendiri nampak begitu jelas. Dasar yang diperkenalkan oleh Dr. Mahathir kini ialah dasar untuk menyelamatkan dan memberi kesenangan kepada keluarga sendiri. Dasar kepentingan peribadi mengatasi kepen-

tingan rakyat dan negara. Dasar *perutisme!* Penyambungan landasan *airport* Langkawi misalnya, ada dua tujuan. Selain daripada untuk membesarkan *airport* tersebut ia juga untuk memberi kemudahan kepada projek anak Perdana Menteri di Pulau Rebak. Projek resort anak PM menghadapi masalah di Pulau itu kerana tidak ada air, elektrik dan jalan ... justeru itu *airport* itu terpaksa diperpanjangkan menghalakan ke pulau itu. Dengan cara itu... jambatan pendek boleh disambungkan diantara *airport* dengan pulau tersebut.

Menurut kacamata Anwar Ibrahim pemimpin yang mementingkan soal peribadi tidak sah jadi pemimpin. Ketika berucap merasmikan mesyuarat perwakilan Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO Bahagian Bayan Baru pada 1 Oktober, 1995, beliau berkata;

*"Para pemimpin UMNO telah diberi amanah untuk menerajui parti dan perjuangan mereka adalah mengikut asas agama Islam serta tidak lari daripada landasan itu.*

*"Kalau pemimpin berkenaan hanya berjuang untuk kepentingan peribadi.. mereka tidak sah menjadi pemimpin."* - Utusan 10 Oktober, 1995.

Dasar *Malaysia Malaysian* yang dipraktikan secara perlahan-lahan juga benar-benar merugikan bangsa Melayu. Melalui dasar tersebut orang Melayu akan kehilangan jatidiri bila mana kepentingan-kepentingan Melayu dihapuskan. Hari ini pun banyak nilai-nilai Melayu telah terkorban sejak dasar tersebut dilaksanakan. Masalah bahasa dan budaya yang menjadi teras identiti negara selama ini dihakis secara perlahan-lahan.

Tumpuan kepada bahasa Inggeris - bahasa asing atas alasan untuk mempertingkatkan pengetahuan agar setaraf dengan dunia antarabangsa, secara tidak langsung menyebabkan bahasa Melayu terpinggir. Langkah ini dilihat sebagai cara halus untuk merendahkan martabat bahasa Melayu yang natijahnya untuk melenyapkan rupa diri Melayu.

Kehilangan jatidiri bangsa Melayu ini sudah semakin ketara. Kenapa tema hari kebangsaan tahun ini berbunyi; "Jatidiri Penggerak Wawasan", menunjukkan identiti Melayu sudah mula terhakis. Kalau jatidiri masih tebal, sudah tentu persoalan jatidiri tidak akan dijadikan tema hari kebangsaan. Masalah itu tidak akan dipedulikan sama sekali.

Hakikat itu jelas bila mana DAP yang memperjuangkan *Malaysia Malaysian* selama ini, tidak perlu risau lagi kerana tuntutan mereka melalui dasar tersebut telah dipenuhi oleh UMNO. Sepatah kata Lim Kit Siang;

*"Kami telah berusaha untuk memainkan peranan ke arah membawa kemajuan kepada negara, misalnya menegakkan hak pelbagai masyarakat yang terdiri daripada berbilang bangsa, agama dan budaya. Kami juga telah memainkan peranan besar dalam maturization of Dr. Mahathir (mematangkan Dr. Mahathir), dari seorang ahli politik yang kurang berpengalaman kepada seorang pemimpin politik yang menyeluruh (rounded). Itu adalah kesimpulan yang terbaik tentang kejayaan perjuangan DAP"*



Apa yang dimaksudkan oleh Lim Kit Siang sebagai *maturization of Dr. Mahathir* itu ialah tentu sekali dapat mengubah pemikiran Dr. Mahathir supaya bersikap super liberal dalam segala hal sehingga apa-apa juga kepentingan dan hak mutlak Melayu dihakis, seperti bahasa Melayu, institusi raja berpelembagaan, budaya dan sebagainya. Kematangan yang dimaksudkan oleh DAP itu ialah kematangan dan menyeluruh (*rounded*) yang menguntungkan mereka!

Pihak DAP juga mengakui banyak tuntutan perjuangannya telah dilunasi oleh kerajaan hari ini. Segala itu dilaksanakan oleh kerajaan melalui dasar liberalisme dalam pembangunan negara, kebudayaan dan dasar pendidikan negara yang diperkenalkan dizaman Mahathir.

Presiden Parti Melayu Semangat 46, Tengku Razaleigh Hamzah ketika merasmikan persidangan partinya pada 23 Oktober, 1995 mengatakan dasar perjuangan nasionalisme Melayu dalam UMNO semakin pudar.

*"Dasar dan tindakan mereka (UMNO) semakin tidak memperlihatkan kecintaan mereka pada perjuangan ini. Perjuangan mereka lesu kerana keliru tentang makna kemajuan dan juga kerana minat mereka untuk berkuasa bukan lagi didorong oleh faktor ideologi dan perjuangan, tapi oleh kepentingan diri."*

*"Kemajuan yang dikemukakan oleh Dr. Mahathir hanya untuk memperbanyakkan pencakar langit dan perindustrian. Konsep kemajuan yang keliru ini dikaitkan dengan kelahiran masyarakat"*

*penggunaan dan kosmopolitan yang berbahasa Inggeris dan berbudaya Barat. Dasar ekonomi mereka, dasar sosial mereka, dasar bahasa mereka, dasar budaya mereka dan usaha untuk melahirkan bangsa Malaysia lari dari perjuangan asal".*

Mengenangkan segala perubahan itulah kita merasakan pelik dan aneh. Para pejuang terdahulu bermati-matian telah menentang gagasan *Malayan Union* yang cuba hendak menghapuskan jatidiri dan kepentingan Melayu. Sehingga ada pejuang kita ditahan dan dipenjarakan berpuluh-puluh tahun. Tetapi setelah 38 tahun merdeka, apa yang ditentang oleh datuk nenek kita dulu dihalalkan. Gagasan dan cita-cita *Malayan Union* dilaksanakan. Inilah satu keganjilan dan kepelekan yang menunjah minda kita.

Satu segi rakyat Malaysia boleh berbangga dengan perubahan dan peralihan paradigma itu, tetapi kalau dihalusi dengan fikiran yang dingin ia banyak merugikan bangsa Melayu sendiri. Ambil sahaja contoh berhubung dengan langkah kerajaan untuk mengkorporatkan pusat pengajian tinggi (IPT). Langkah itu sudah tentu memberi bebanan yang amat tinggi kepada bangsa Melayu. Orang Melayu khususnya yang tinggal di luar bandar tidak mungkin akan dapat menikmati kemudahan pembelajaran seperti sebelum ini. Jurang perbezaan yang wujud hari ini diantara orang bandar dengan orang luar bandar akan jadi semakin besar dan jauh.

Banyak pihak menyuarakan keraguan mereka terhadap keberkesanan dan baik buruk langkah mengkorporatkan pusat pengajian tinggi itu. Presiden Per-

satuan Kakitangan Akademik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Madya Dr. Wan Mokhtar Wan Yusuf, menolak cadangan itu berkata ; "*Soal mendidik anak bangsa adalah dibawah tanggungjawab kerajaan dan bukannya mana-mana sektor swasta, ahli korporat atau individu sendiri.*" Beliau bimbang apabila IPT dikorporatkan secara tidak langsung kerajaan telah melepaskan tanggungjawab murni itu kepada anak bangsa, sebaliknya menyerahkan bulat-bulat kepada swasta atau ahli korporat yang jelas lebih mementingkan keuntungan daripada memartabatkan ilmu.

Dr. Wan Mokhtar juga melahirkan kebimbangan menerusi pengkorporatan itu nanti kemungkinan sistem kuota kemasukan penuntut bumiputera akan dihapuskan, penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di IPT terabai dan hanya golongan yang mempunyai wang banyak layak belajar di IPT.- *Utusan 1 Oktober, 1995.*

Manakala para penuntut Universiti Malaya telah pun menyatakan rasa tidak setuju dan bangkangan mereka terhadap program itu. Dalam satu soal selidik dibuat dikalangan 1,110 penuntut sebanyak 94.23% menyatakan tidak setuju IPT dikorporatkan.

Bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Musa Hitam turut memberi ingatan agar jangan mempolitikkan dasar pendidikan. Katanya unsur-unsur politik harus dielakkan dalam membuat dasar pendidikan demi kepentingan para pelajar.

Beliau yang juga bekas Menteri Pendidikan (Pelajaran), menyarankan penyelidikan yang mendalam amat penting sebelum membuat sesuatu dasar bag

mempastikan pelajar mencapai matlamat untuk memenuhi wawasan 2020. Ingatan itu jelas berkaitan dengan langkah kerajaan untuk mengkorporatkan IPT.

Tetapi malangnya pandangan dan teguran itu sedikitpun tidak dipedulikan? Langkah mengkorporatkan IPT ini sekali lagi timbul keanihan kepada kita apabila ia terjadi pada waktu Najib menjadi Menteri Pendidikan. Betapa bapanyalah memperkenalkan dasar pendidikan kebangsaan yang memberi keutamaan kepada orang Melayu. Tetapi apabila tiba gilirannya, segala dasar itu dimusnahkan. Tindakan Najib ini seolah ingin mengkhianat amanah dan pesaka bangsa bapanya sendiri.

Disamping itu ketidakseimbangan diantara pembangunan manusia (insan) dengan pembangunan material (duniawi) kerana terlalu obses kepada projek raksasa (mega projek) menyebabkan wujudnya berbagai penyakit kronik di kalangan masyarakat. Kalau diperhatikan semakin hari semakin meningkatnya masalah dadah, bohsia, pelancuran kelas atasan, gay, homoseks, sakit jiwa, rasuah, bodek dan sebagainya adalah hasil dari pembangunan negara yang tidak seimbang. Gejala ini berlaku ialah kerana kelalaian dan kealpaan Dr. Mahathir terhadap pembangunan insan. Beliau begitu syok dan terdodoi kepada pembangunan material, sampai terlupa kepada pembangunan insan.

Disebabkan alpa itulah maka akhlak generasi muda semakin hari semakin runtuh. Generasi muda menjadi tidak menghormati orang tua, kurang bersemangat untuk membela agama dan negara. Kelemahan ini nampaknya sudah dapat dikesani oleh Timbalan Per-

dana Menteri.

Menurut Imam Besar Masjid Negara, Ustaz Taib Azamuddin Mohd Taib; *"Sejak akhir-akhir ini kemerosokan akhlak begitu ketara sekali, sama ada pemimpin atasan maupun rakyat biasa. Selagi tamadun dunia yang diasaskan kepada kebendaan, maka agak sukar kelakuan yang menyeret negara sekarang hendak diubah"*. Harakah 27 Oktober, 1996.

Menurut Anwar pula tidak guna kita mempunyai gedung yang tinggi, tetapi didalamnya kosong. Apa yang kita mahu ialah, kekuatan generasi kita mencakupi kedua-dua aspek tersebut. Nampaknya aspirasi Anwar itu ada rasionalnya dan perlu diberikan perhatian segera.

Tetapi hakikat ini dilupai oleh para perancang dasar Dr. Mahathir. Kepentingan pembangunan manusia tidak dititik berat langsung. Seolah Dr. Mahathir sedikit pun tidak menaruh kebimbangan terhadap kepincangan dan kecacatan sosial ini. Masalah kejelekan moral dikalangan remaja kita tidak diberi perhatian berat. Apakah yang dapat disebutkan program global Dr. Mahathir ke arah pembinaan akhlak remaja kita? Tidak ada satu pun! Kita tidak mahu kepesatan pembangunan duniawi meruntuhkan pembangunan insan.

Pembangunan insan sangat penting kerana ia menjadi sendi kepada pembangunan sesebuah negara. Kecemerlangan Islam 1400 tahun lalu ialah kerana ketinggian akhlak serta ketebalan iman para pemimpin dan pengikutnya. Akhlak dan keperibadian Nabi Muhammad SAW, menjadi ikutan para sahabat dan mujahid Islam. Semua orang kanan baginda mempunyai akhlak dan sahsiyyah yang luhur dan sanga

ikhlas dalam perjuangan. Mereka meletakkan kepentingan agama dan negara di hadapan.

Para sahabat seperti Syaidina Omar, Abu Bakar, Othman sangat terkenal sebagai pemimpin Islam yang tinggi akhlak dan budi pekertinya. Mereka juga terkenal sebagai dermawan. Itulah yang membawa keagungan Islam. Apakah model manusia seperti mereka itu ada dalam jemaah kabinet negara hari ini? Itulah perkara yang tidak sempat diperhatikan oleh Dr. Mahathir Mohamad!

Itulah sebab-sebab kenapa golongan nasionalisme dan Islamik kecewa dengan dasar Dr. Mahathir dan merasakan sudah sampai masanya untuk Dr. Mahathir berundur dari memimpin negara. Sebelum keadaan negara menjadi lebih parah, maka eloklah kalau Dr. Mahathir bersara. Apa lagi disaat Malaysia dinobatkan sebagai negara pemacu kepada kebangkitan Islam, ia sangat memerlukan seorang pemimpin yang sesuai dan dapat mengolahkannya citarasa Islam.

Selain sebab-sebab itu Dr. Mahathir juga diminta berhenti kerana sudah terlalu lama berada di kerusi PM. Walaupun beliau masih menunjukkan beliau seorang pemimpin mempunyai idea dan wawasan, tetapi beliau tidak menyedari dalam keadaan itu orang sudah bosan. Kebosanan itu tidak mungkin disuarakan oleh ahli UMNO. Pada ahli UMNO apa jua yang Mahathir buat semuanya elok. Tetapi jika kita lihat kritikan demi kritikan daripada pembangkang khususnya parti PAS dan Parti Melayu Semangat 46, yang menjadi jurucakap atas kepentingan Melayu dan Islam, jelas membuktikan kewujudan Dr. Mahathir hari ini sudah dibosani.

Menjelang tahun 2000 Dr. Mahathir sudah tidak sesuai lagi untuk memimpin negara ini. Di era kemuncak kebangkitan Islam ini, pemimpin sekular seperti Dr. Mahathir yang meletakkan kebendaan (*maddiyah*) sebagai matlamat perjuangan sudah tidak tepat lagi. Dr. Mahathir juga dikira tidak mampu untuk menggarap agenda yang selaras dengan kebangkitan global Islam pada abad ke 21 kerana beliau tidak mempunyai kepakaran dan ilmu yang tinggi dalam bidang agama.

Kita bimbang jika Mahathir tetap enggan untuk turun takhta, kita takut beliau akan digulingkan. Jika beliau terpaksa turun dengan paksaan betapa aibnya seorang Mahathir. Justeru itu disaat beliau berada dipuncak keagungan dan masih disanjung, baiklah beliau mengundurkan diri. Kerana dengan cara itu beliau akan dihormati sepanjang hayatnya.

Soalnya akan turunkah Dr. Mahathir. Akan akurkah beliau dengan desakan itu. Akan dengarkah Mahathir dengan segala pekikan dan luapan kebencian orang kepadanya itu? Apakah beliau menyedari hakikat itu. Inilah persoalan dan merupakan satu agenda yang patut direnungkan disini?

Banyak pihak berpendapat Dr. Mahathir tidak akan turun dari jawatannya. Lebih ironis lagi ada yang berpendapat Dr. Mahathir akan mati dikerusi Perdana Menteri.

Pendapat itu walaupun agak melampau, tetapi ada benarnya juga. Saya tidak fikir Dr. Mahathir mahu mengakhiri hayatnya sebagai Perdana Menteri di atas kerusi. Mati diatas kerusi jawatan, melambang seorang diktator. Imej ini tentu tidak diingini oleh Mahathir.

Beliau tidak rela kalau dicap sebagai diktator dalam demokrasi.

Tengku Razaleigh Hamzah dalam satu pertemuan dengannya, tiga tahun lepas, berpendapat beliau tidak fikir Mahathir akan berhenti dalam masa terdekat. Dan menurutnya, Mahathir juga seorang yang tidak pernah peduli siapa bakal penggantinya. Apa yang dia fikir ialah dirinya sahaja.

Sebelum tamat tempoh penggal parlimen ke sembilan ini, saya tidak fikir Dr. Mahathir akan berhenti. Walaupun tidak menerima Dr. Mahathir akan kekal selagi hanyatnya masih ada, tetapi saya berani mengatakan, Dr. Mahathir tidak akan berhenti sebelum terbitnya suria abad ke 21. Suatu masa dahulu saya pernah mengatakan dia tidak akan menjadi PM selepas 1995. Mungkin ramalan dan firasat saya itu akan meleset?

Ada beberapa sebab kenapa Mahathir tidak mudah mengundurkan diri. Antaranya ialah kerana beberapa agenda peribadinya masih belum diberesi lagi. Inilah yang menyebabkan Dr. Mahathir menjadi liat untuk pamit.

Kita tahu empat tahun sahaja lagi akan menjelang abad ke 21. Tahun 2000 akan menjelma dalam masa kurang 2,000 hari sahaja lagi. Seluruh pemimpin dunia menanti ketibaan abad itu. Satu abad yang diduga akan membawa perubahan baru kepada dunia. Dalam hal ini abad 21 di sebut sebagai abad berulangnya tamadun Islam di seluruh dunia. Dan golongan "Melayu Baru" yang dicanangkan oleh Anwar pula menjadikan ketibaan abad ke 21 sebagai detik bermulanya kebangkitan Asia Baru (*renaissance of Asia?*)

Dalam hal ini tentu Dr. Mahathir ingin mencatat



sejarah tersendiri buatnya. Beliau tentu mahu menjadi PM dua abad. Sekurang-kurangnya beliau mahu juga merasai berkuasa di abad ke 21. Kalau pun tidak sampai suku abad, setakat dua tiga bulan pun sudah mencukupi?

Itu merupakan *sentimental value* untuk peribadinya. Jadi dengan masa tidak berapa lama lagi, saya tidak fikir Mahathir mahu melepaskan detik bersejarah begitu sahaja. Sekurang-kurang beliau akan memimpin negara sebelum berakhirnya tempoh parlimen ke sembilan ini iaitu pada tahun 2000. Beliau sering menekankan semua projek raksasa yang sedang berjalannya sekarang seperti Lapangan Terbang Antarabangsa Sepang (KLIA), Pusat Pentadbiran Badar Petra Jaya, Aliran Transit Rengan (LRT) dan lain-lain mesti disiapkan sebelum tahun 1998.

Sudah tentu beliau mahu semua projek itu siap pada masa pemerintahannya. Yang penting Dr. Mahathir mahu merasmikan segala projek raksasa itu, dan namanya dicatat dengan tinta emas sebagai perancangannya. Dia mahu semuanya dicatat dalam era pemerintahannya.

Jadi kalau kita mengharapkan Dr. Mahathir akan meninggalkan jawatannya dalam masa setahun dua ini sepertilah kita mengharapkan tanduk di kepala kucing adalah sungguh mustahil! Kecualilah ada desakan dan *konspirasi* yang mantap untuk tujuan itu. Nampaknya orang yang bercita-cita untuk menyambut kehadiran tahun 2000 dengan jawatan baru kenalah berusaha lebih keras untuk memastikan Dr. Mahathir berundur.

Anwar dan Dr. Mahathir pada hari ini sedang merebut detik-detik sejarah untuk diri masing-masing.

Dr. Mahathir merebut untuk menjadi PM dalam dua abad dan begitu juga dengan Anwar. Salah seorang dari mereka akan kecewa, kerana tidak mungkin keduanya akan menjadi Perdana Menteri serentak dalam satu masa.



## **BUKAN MUDAH ANWAR NAK JADI PM**

---

**P**ERJALANAN dan cita-cita Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk sampai ke puncak kekuasaan dan kejayaan bukan mudah seperti mana yang diramalkan. Hasrat Anwar untuk menduduki kerusi PM tidak semudah yang dibayangkan. Anwar terlebih dahulu terpaksa melalui liku-liku perjalanan yang sulit. Beliau tidak terlepas mesti menempuh gelombang dan ombak yang besar. Dalam pada itu juga beliau harus mengaturkan taktik dan strategi yang canggih.

Kejayaan masa lampau bukan merupakan satu ukuran tepat untuk melihat kejayaan Anwar masa kini dan seterusnya. Kejayaan muncul menjadi hero dalam UMNO dan tokoh popular dan pujaan ramai, tidak boleh diambil kira dalam kita meletakkan kejayaan Anwar untuk menjadi PM.

Iya, Anwar seorang tokoh bernasib baik. Sekejap sahaja menyertai UMNO, beliau sudah menjadi raja sehari. Dipuja dan disanjung segenap lapisan ahli UMNO. Beliau dengan mudah merampas kerusi

Pemuda daripada Datuk Suhaimi Kamaruddin. Beliau dengan senang menganjakkan diri menduduki kerusi Naib Presiden pada tahun 1990. Dan beliau dengan "sim silabim" sahaja menyingkirkan Tun Ghafar Baba daripada kerusi Timbalan Presiden tiga tahun kemudian.

Pendeknya kejayaan Anwar, masa lalu adalah seperti kejayaan dalam mimpi. Tidak payah menempuh gelombang dan menuruni lembah dan mendaki gunung yang curam. Seperti ada kuasa super "wali" yang membantu Anwar dalam mencapai kejayaannya masa lalu.

Apa menyebabkan Anwar mudah mendapat tempat dalam UMNO, ialah kerana *trade mark* Islam yang dipakai olehnya. Anwar berjaya meletakkan dirinya sebagai seorang tokoh Islam nombor wahid. Walau pun dalam hal ini Datuk Abdullah Ahmad Badawi dilihat lebih afdal, tetapi Anwar pandai menangguk air keruh, mendominasi dirinya sebagai mujahid Islam. Kecemerlangan Anwar dalam ABIM tentu membayangi Anwar walaupun dia menyertai parti nasionalis UMNO.

Seperti dikatakan tadi, kejayaan masa lalu itu bukannya boleh diambil kira dalam usaha Anwar menuju puncak. Mungkin teori dan taktik perjuangan untuk mencapai kejayaan sebelum ini tidak boleh digunakan lagi dalam perjuangan masa akan datang. Kata orang lain ulu lain parang, lain dulu lain sekarang. Lain padang lain belalang, lain lubuk lain ikannya.

Apa bila kita meneliti dan memperhitungkan nasib Anwar, untuk menduduki puncak dan menyingkirkan "singgahsana" Perdana Menteri, sesuatu yang subjektif

Ada kalanya kita optimis dengan kemampuan Anwar dan adakala kita merasakan sukar untuk Anwar sampai ke kerusi itu.

Sebelum itu elok kalau diturunkan hasil tinjauan rambang yang saya buat dikalangan orang ramai mengenai nasib Anwar. Tinjauan ini terbatas kepada tiga golongan. Golongan pertama ialah, golongan bawahan, kedua golongan pertengahan dan ketiga golongan politik atasan yang berjawatan.

Golong pertama ini terdiri daripada ahli-ahli UMNO kampung, nelayan, pemandu teksi, penjaja dimana mereka ini tidak terpengaruh dengan mana-mana *group* dan buta mengenai klik. Golongan ini telah meletakkan Anwar Ibrahim mempunyai peluang begitu besar untuk menjadi PM. Kepada mereka sudah tidak ada lain-lain tokoh yang boleh menandingi kewibawaan dan iltizam Anwar khususnya untuk melaksanakan Islam.

Golongan kedua pula ahli-ahli UMNO yang sederhana, seperti para guru, pegawai kerani dan para peniaga. Golongan ini juga meletakkan Anwar sebagai orang yang layak menjadi PM. Peluang Anwar menurut mereka ialah lebih 60%. Tidak ada apa-apa halangan lagi bagi Anwar untuk menduduki kerusi Perdana Menteri. Golongan ini lebih terbuka serta rasional berbanding dengan golongan pertama tadi, walaupun keduanya sependapat.

Golongan ketiga ialah ahli politik, yang memegang jawatan peringkat pusat dan bahagian dan juga merupakan tokoh korporat, serta ahli veteran UMNO yang masih aktif. Mereka tidak yakin untuk mengatakan peluang Anwar cerah. Walaupun hampir 70% mereka

berani mengatakan mengikut tradisinya Anwar boleh menjadi Perdana Menteri, tetapi kenyataan itu bukan muktamad. Mereka masih memberi beberapa alasan serta meletakkan syarat-syarat tertentu kepada Anwar.

Pendapat mereka dibayangi oleh pengalaman yang menimpa Tan Sri Musa Hitam dan Tun Ghafar. Mereka merasai apa yang menimpa kedua bekas TPM itu tidak mustahil... kalau tidak kena gaya akan turut menimpa sama Anwar Ibrahim. Menurut mereka badi Ghafar dan Musa mungkin terkena kepada Anwar. Anwar akan jadi TPM ketiga yang tidak berjaya menjadi Perdana Menteri.

Ketiga golongan itu mempunyai alasan tersendiri. Golongan pertama, berpendapat peluang Anwar untuk menjadi PM memandangkan kehebatan dan kewibawaan Anwar tidak terlawan oleh sesiapa. Baik disegi ilmu, konteks dan juga persediaan menjadi pemimpin. Dalam hal ini pengalaman dan juga *track record* Anwar dalam ABIM benar-benar menyakinkan mereka untuk merasakan optimis Anwar layak untuk menjadi PM.

Manakala golongan kedua lebih melihat kepada visi yang dibentangkan oleh Anwar. Mereka cenderung untuk mengatakan kemampuan Anwar memandangkan kepada hubungan Anwar dengan dunia luar. Selain itu, tidak ada tokoh seangkatan dengannya yang bersemangat seperti Anwar dan boleh menandinginya.

Bagi mereka Anwarlah tokoh yang mampu untuk menggantikan Dr. Mahathir serta meneruskan Wawasan 2020 yang dibentangkan oleh Dr. Mahathir itu. Mereka mengira Anwar berkelayakan untuk mengisi kekosongan roh Islam dalam pentadbiran kerajaan hari ini, yang tertekan oleh dasar liberalisme Dr. Mahathir.

Manakala alasan dan hujah golongan ketiga pula yang merasakan peluang Anwar untuk naik tipis memandangkan kepada karektor Anwar itu sendiri. Dalam hal ini menurut mereka Anwar terlalu ambisi dan kerana itu beliau banyak melangkah adat-adat dalam organisasi bernama UMNO itu. Keangkuhan sikap yang ada kepada Anwar menyebabkan beliau kurang mendapat *support* dan doa daripada veteran UMNO yang sudah kesekian lama berjuang membangun UMNO. Mereka dakwa walaupun golongan veteran tidak dapat menghalang Anwar.... tetapi sisa-sisa pengaruh mereka yang tertinggal dalam UMNO sedikit sebanyak boleh menjejaskan impian Anwar.

Begitulah pendapat dan pandangan tiga golongan terhadap peluang dan masa hadapan Anwar Ibrahim yang ditinjau secara rambang. Kesimpulannya meletakkan Anwar sebagai bakal PM, kecuali golongan ketiga yang masih agak ragu-ragu dan *reserve* pendapatnya untuk menyatakan Anwar akan jadi Perdana Menteri.

Seandainya, pendapat itu boleh dijadikan hipotesis, maka bolehlah dikatakan peluang Anwar untuk menjadi PM adalah cerah. Apa lagi dengan kedudukannya, hanya setangga sahaja lagi untuk naik, menambahkan lagi keyakinan itu.

Tetapi, dalam hal ini saya masih berpegang kepada realiti bahawa bukan senang untuk Anwar menuju puncak. Untuk menduduki di tempat teratas Anwar masih memerlukan kebijaksanaan dan bertindak dengan penuh hati-hati. Beliau terpaksa berhadapan dengan segala macam rintangan, yang mana kalau silap dalam menanganinya ia boleh menyebabkan Anwar



kecewa. Tidak mustahil Anwar akan jadi TPM ketiga yang gagal untuk menjadi Perdana Menteri!

Dalam melihat rintangan ini, kita dapat mengetahui beberapa *handicap* yang ada dihadapan Anwar. *Handicap* umum yang orang nampak ialah, sejauh manakah keakraban beliau dengan Dr. Mahathir. Dan keduanya sejauh manakah kekuatan para musuhnya (Dr. Mahathir) bersatu untuk menentang Anwar Ibrahim.

Inilah dua halangan atau cabaran menjadi ukuran kepada kita untuk melihat kemampuan Anwar dan juga kesempatan Anwar untuk menjadi Perdana Menteri.

Keakraban diantara Anwar dengan Dr. Mahathir menentukan sama ada beliau berpeluang atau pun tidak menjadi PM. Keakraban ini mempengaruhi peluang itu. Satu perkara yang sudah pasti, orang bakal menggantikan beliau (Dr. Mahathir) akan ditentukan oleh beliau. Jika Mahathir tidak bersetuju ia boleh menyingkirkannya? Dr. Mahathir tentunya mahukan orang yang dapat memberikan penghormatan kepada beliau sesudah nisan dipacak di atas pusaranya. Orang yang akan menjaga segala kebajikan serta anak beranaknya.

Apa yang berlaku kepada Tun Ghafar boleh diambil sebagai iktibar. Sekiranya Mahathir mahukan Tun Ghafar, Mahathir boleh menghalang Anwar daripada meneruskan hasratnya menentang Tun Ghafar, tetapi kerana Mahathir tidak berapa berminat bertimbalkan seorang seperti Ghafar, maka dia tidak memberi sokongan kepada Ghafar.

Pendeknya, peluang untuk orang nombor dua naik, bergantung kepada *blessing* orang nombor satu. Jika

orang nombor satu tidak merestuinnya, keadaanya agak sukar sedikit. Keadaan yang sama berlaku kepada PM yang terdahulu. Naiknya Tun Razak kerana kepercayaan dan keyakinan Tunku Abdul Rahman kepadanya. Naiknya Tun Hussein Onn ialah kerana hubungan kekeluargaan dengan Tun Razak. Dan begitu juga naiknya Dr. Mahathir kerana kepercayaan Tun Hussein Onn kepada beliau setelah persetujuan daripada Tengku Razaleigh yang ketika itu lebih senior daripada Dr. Mahathir Mohamad. Tidak ada timbalan yang naik, tanpa ada perestuan orang nombor satu setakat ini. Lainlah kalau Anwar bersedia untuk memecah tradisi itu dan mencatat satu lagi rekod kejayaannya.

— Apa yang membimbangkan perkembangan hari ini menunjukkan hubungan Anwar dengan Mahathir dilihat tidak berapa akrab. Ia bukan seperti tahun-tahun sebelum 1990. Dalam kata lain Dr. Mahathir dan Anwar ada sedikit masalah. Kedua mereka sudah saling curiga mencurigai diantara satu lain.

— Tanda-tanda kerenggangan hubungan diantara mereka berdua sudah kelihatan. Kenyataan-kenyataan Dr. Mahathir berkaitan dengan politik dilihat ditundingkan kepada Anwar. Kerenggangan itu ditambah lagi oleh orang-orang kuat masing-masing. Kenyataan dan cakap-cakap diantara *hard core* Mahathir tidak sama dengan cakap-cakap *hard core* Anwar Ibrahim. Contohnya pertentangan pendapat diantara Rafidah Aziz dan Nazri Aziz mengenai undi bonos. Rafidah mahukan sistem undi bonos dihapuskan, manakala Nazri pula mahu sistem itu dikekalkan.

— Perselisihan kepentingan diantara Tun Daim Zai-

nuddin, Penasihatannya Ekonomi Negara dengan Anwar juga melambangkan ketidakserasian diantara Anwar dengan Dr. Mahathir. Orang semua tahu Tun Daim ialah bukan sahaja bendahari UMNO, tetapi beliau juga "bendahari" Dr. Mahathir. Segala kepentingan ekonomi Dr. Mahathir turut sama diuruskan oleh Tun Daim?

Pergaduhan diantara Anwar dengan Daim adalah pergaduhan Anwar dengan Mahathir! Ketidaksebuluan diantara Anwar dengan Daim bukan satu dongengan lagi. Teguran terbuka Anwar terhadap Daim membuktikan Anwar cukup tidak senang dengan peranan Daim. Tegur Anwar; "*bukan semua pandangan Tun Daim perlu ditimbang. Pandangan beliau sebagai seorang ahli perniagaan, ada yang boleh diterima dan ada yang tidak.*" Kritikan Anwar terhadap Daim ini menunjukkan sikap berani beliau. Padahal semua orang tahu siapa Daim kepada Dr. Mahathir. Tetapi dalam hal ini Anwar nampaknya tidak menjadikan keakraban Daim dengan Mahathir sebagai tembok untuk beliau tidak berani mengkritik Daim. Disinilah keberanian Anwar yang boleh dipuji dan harus dimiliki oleh setiap pemimpin.

Tetapi kerenggangan Anwar dengan PM bukan sahaja disebabkan Daim, tetapi juga ekorannya timbulnya rasa tidak puas hati Datin Paduka Siti Hasmah Mohd Ali, isteri PM ke atas Anwar.

Itulah punca menyebabkan Anwar dihebutkan tidak lagi berapa intim dengan Dr. Mahathir Mohammad. Kalau hendak dikira tindakan Anwar itu alah relevan. Satu tindakan yang berani demi menyelamatkan khazanah negara.

Selain dari dua faktor itu pergeseran diantara Anwar dengan Mahathir juga disebabkan perbezaan dalam pandangan (perspektif) berhubung dengan sesuatu polisi dan juga dasar kerajaan. Langkah Mahathir terlalu menumpukan kepada pembangunan material tidak disenangi oleh Anwar. Mengikut Anwar dasar pembangunan yang diamalkan Dr. Mahathir tidak seimbang (*inbalance*). Pandangan Anwar ini benar, kerana masalah sosial akhir-akhir ini sungguh membimbangkan sekali.

Sikap Anwar ini amat jelas sekali terutama dalam hal-hal berhubung dengan kepentingan Islam dan bangsa Melayu. Kenyataan agresif Dr. Mahathir mengenai Islam seperti penolakan hukum hudud yang dicadangkan oleh kerajaan Kelantan, dan mahukan Quran agar dinilai semula, sungguh mencabar iltizam Anwar Ibrahim terhadap Islam selama ini. Dalam masalah hukum hudud misalnya pemimpin UMNO lain riuh rendah memperkatakannya, tetapi Anwar diam membisu. Sikap membisu itu bermakna Anwar bersimpati dengan hasrat kerajaan Kelantan.

Pergeseran ini jelas sekali. Berkali-kali Anwar menyebut, pembangunan material tidak memberi faedah kalau pembangunan manusia tidak dibina. "*Apa guna gendung yang hebat kalau di dalamnya kosong.*" Itulah sabda Anwar dalam mengenenepikan pendekatan Mahathir.

Selain daripada faktor akrab dengan Dr. Mahathir yang boleh menentukan sama ada Anwar berpeluang menjadi Perdana Menteri ataupun tidak, ia juga bergantung kepada sejauh manakah kekuatan musuh-musuh Anwar. Musuh-musuh Anwar dalam UMNO

dan di luar UMNO menjadi penentu kepada kejayaan Anwar. Jika musuh-musuh politiknya berjaya membentuk benteng bagi menyekat kemaraannya Anwar akan kecundang.

Sejak dari dahulu lagi Anwar mempunyai beberapa kerat musuh dalam UMNO. Mereka ini ialah orang yang iri hati dengan kejayaan Anwar. Mereka sentiasa sahaja berdendam dan mencari peluang untuk memusnahkan Anwar. Musuh-musuh ini terdiri daripada mereka yang gagal meranapkan cita-cita Anwar. Musuh terbaru tentulah orang-orang Tun Ghafar Baba. Penyingkiran Ghafar Baba menyebabkan golongan veteran dalam UMNO merasakan mereka dihina. Ghafar adalah lambang kepada golongan veteran.

Musuh-musuh lain ialah Datuk Sanusi Junid. Sanusi dikenali sebagai tokoh yang tidak boleh berkompromi dengan Anwar, dan sebaliknya juga. Kekalahan Sanusi di Langkawi yang dikatakan turut sama melibatkan Anwar menyebabkan tembok pemisahan diantaranya semakin tebal. Usaha keduanya untuk berbaik tidak ada sama sekali. Kenyataan Anwar sewaktu mengulas kekalahan Sanusi di Langkawi tempoh hari sedikitpun tidak menggambarkan beliau bersimpati dengan Sanusi.

Selain Sanusi, Datuk Abdullah Ahmad Badawi juga merupakan orang yang cemburu dengan Anwar dan tidak senang dengan tingkah laku dan sikap angkuhnya. Pada Pak Lah kehadiran dan kecemerlangan Anwar boleh mematahkan cita-cita politiknya. Walaupun beliau tidak menunjukkan penentangan secara nyata seperti Sanusi, tetapi serangan secara senyap masih dilakukan. Sepatah kata salah seorang bekas Naib

Presiden UMNO... *"Pak Lah macam kura-kura semasa orang ada dia akan melindungi kepalanya dan selepas orang tidak ada dia akan mengeluarkan kepalanya."*

Golongan terbaru yang kurang senang ialah orang-orang korporat yang mengekori Daim Zainuddin. Mereka ini tidak memikirkan masa depan politik negara, sebaliknya lebih mementingkan masa depan perniagaan mereka. Mereka tidak senang dengan kemunculan Anwar. Kalau Anwar naik mereka merasakan peluang mereka tergugat. Boleh menyebabkan empayar korporat mereka runtuh. Justeru itu dengan apa cara jua mereka berusaha menghalang Anwar daripada menerajui negara sebelum empayar mereka berakar umbi dalam ekonomi negara. Mereka menyedari Anwar tidak akan bersubahat dengan mereka yang menggunakan kekuasaan untuk mengumpul kekayaan dan kemewahan untuk keluarga sendiri.

Adalah tidak mustahil empat klik ini bersatu hati untuk menghalang kemaraan Anwar. Mereka mempunyai satu niat yang sama. Mereka tidak mahu Anwar memegang kuasa kerana ia menyusahkan mereka. Mereka lebih pentingkan kepada keuntungan peribadi daripada lain-lain?

Jadi, kekuatan musuh-musuh Anwar ini juga menjadi faktor kepada kejayaan Anwar untuk menjadi Perdana Menteri. Apakah musuh ini kuat? Kekuatan dan kelemahannya nanti bergantung kepada sejauh mana Anwar bijak menanganinya. Kesimpulannya dalam melihat liku-liku Anwar naik untuk menjejak kaki dipuncak takhta Perdana Menteri adalah sesuatu yang masih abstrak buat masa ini. Sesiapa pun sukar

untuk membuat telahan dan pandangan yang tepat. Dan ini juga menjadi agenda penting kepada Anwar dan menarik minat kita semua untuk menganalisisnya.

Kesimpulannya jalan untuk Anwar naik ke atas (menjadi PM) bukan semudah beliau mencapai kejayaan-kejayaan yang telah lepas. Harapan Anwar untuk menjadi Perdana Menteri pada waktu ini seperti impian seorang kanak-kanak yang ingin memanjat gunung. Walaupun gunung sudah berdiri tegak dihadapannya, tetapi kekuatannya masih belum mencukupi!

## NAJIB DIPAKSA LAWAN ANWAR?

---

**SPEKULASI** kerenggangan hubungan diantara Dr. Mahathir dengan Anwar Ibrahim menyebabkan muncul satu lagi spekulasi yang tidak kurang menariknya. Spekulasi itu ialah kononnya sudah ada calon yang bersiap sedia, ataupun "ditagang" untuk menentang Anwar Ibrahim dikerusi Timbalan Presiden. Ini juga menjadi satu agenda yang tidak kurang penting menjelang pemilihan pucuk pimpinan UMNO tahun hadapan.

Kemungkinan Anwar ditentang ini berkembang seiring dengan riuh rendah kononnya Dr. Mahathir akan dicabar pada tahun hadapan - 1996. Bila terdengar cerita Anwar akan tentang Dr. Mahathir, maka akan bergemalah juga cerita Anwar puñ akan diserang.

Meskipun pengisytiharan telah dibuat; tidak ada pertandingan jawatan Presiden dan Timbalan Presiden, namun ia tidak mampu untuk membunuh spekulasi itu. Malahan sepekulasi itu menjadi semakin



meluas dan orang yang menghebutkannya menjadi semakin bersemangat lagi untuk menyebarkan spekulasi itu. Kemungkinan jawatan Timbalan Presiden ditentang samalah juga dengan kemungkinan jawatan Presiden akan dilawan. Pengakuan Anwar di Tampin, yang beliau tidak akan tentang Dr. Mahathir tidak boleh menyakinkan pemerhati politik. Sebaliknya penegasan Anwar itu dilihat sebagai satu keterpaksaan sahaja.

Siapakah tokoh yang disediakan untuk menentang Anwar itu? Ia tidak lain dan tidak bukan ialah Datuk Seri Najib Tun Razak, salah seorang Naib Presiden UMNO? Mulanya orang tercengang dengan spekulasi ini dan sukar untuk dipercayai, kerana mereka berada dalam bahtera sama bernama team wawasan pada tahun 1993 dahulu. Namun apabila team wawasan telah pecah dan berkecai tidak sempat sampai ke pulau impian, maka spekulasi itu tidak merupakan satu yang diluar jangkauan minda pemerhati politik. Sebaliknya dirasakan amat munasabah.

Umum sudah tahu team wawasan yang bergerak bagaikan taufan pada tahun 1993 telah berkecai. Team yang membawa arus perdana itu telah berkecai bila mana salah seorang nakhodanya telah dikaitkan dengan skandal melibatkan seorang murid sekolah. Bermula dari situlah team itu pecah.

Anwar selaku ketua nakhoda tidak membela langsung seorang awak kapalnya bernama Tan Sri Rahim Tamby Chik itu. Malah menurut cerita, Anwar sangat gembira dengan apa yang berlaku ke atas Rahim itu. Tindakan itu juga dikatakan atas arahan Anwar sendiri yang mahu melakukan pembersihan ke atas personaliti-personaliti dan tokoh-tokoh tertentu dalam team

wawasan. Anwar kurang senang dengan tingkah laku dan perilaku rendah moral yang berlaku ke atas Tan Sri Rahim Tamby Chik itu.

Seorang orang kanan Anwar Ibrahim ketika berjumpa dengan saya di Holiday Inn... pada 28 September, 1995 menjelaskan Anwar sudah beberapa kali menasihati Rahim agar tinggal perangai buruknya itu. Tetapi Rahim tetap juga dengan tabiat lamanya. Jadi, menurutnya hendak tak hendak Anwar terpaksa juga pejam mata bertindak ke atas Rahim.

Apa yang kita hairankan kenapa langkah pembersihan ini dilakukan selepas pemilihan pucuk pimpinan. Kenapa Anwar tidak lakukan sebelum itu? Padahal saya sendiri sudah awal-awal menasihati Anwar mengenai Rahim. Saya telah mendedahkan mengenai perangai buruk Rahim. Mustahil Anwar ataupun orang-orangnya tidak mengetahui perkara ini. Disini jelas bahawa dalam kes Rahim ini Anwar telah meletakkan kepentingan dirinya melebihi daripada kepentingan lain.

Maka terkontang kantinglah Rahim seseorang, tanpa ada sesiapa membelanya. Mengingatnkan kepada nasib Rahim ini saya teringat kepada apa yang saya tulis dalam buku *Siapa Pemuda UMNO Ke 10?* Saya sudah pesan awal-awal lagi, bersahabat dengan Anwar, hendaklah hati-hati. Kalau tidak pandai mereka akan kecewa dengan Anwar. Dalam bab "*Benarkah Anwar Sokong Rahim*" saya telah meragui sokongan Anwar ke atas Rahim. Dalam tilikan saya sokongan Anwar pada Rahim sebagai ada udang dibalik batu.

*"Memang Rahim bukan "najis" yang tidak*

boleh didekati oleh Anwar. Tetapi orang merasa bingung kerana keduanya banyak mempunyai perbezaan. Keduanya kalau diibaratkan kepada alat muzik, Anwar sebagai "gitar" manakala Rahim adalah "gong" yang tidak boleh digandingkan sekali, kalau digabungkan muzik itu akan pincang dan sumbang. Jauh bezanya. Perbezaan mereka bukan sahaja pada kulit budaya tetapi semangat perjuangan juga. Orang tahu Anwar dikenali sebagai seorang tokoh Islam, manakala Rahim pula dikenali sebagai tokoh playboy yang pincang dan sumbang kalau bercakap pasal Islam." - Muka Surat 78

"Anwar nampaknya ada motif tertentu. Dia menyokong Rahim bukan bererti dia suka dengan sikap dan perangai Rahim. Apa yang kita nampak, Anwar terpaksa menyokong Rahim demi politiknya.

"Anwar memberi sokongan kepada Rahim, kerana kedudukan Rahim! Rahim mempunyai pengaruh politik di Melaka kerana kedudukannya sebagai Ketua Badan Perhubungan, sedangkan Syed Hamid tidak ada apa-apa pengaruh atau kuasa. Disebabkan Anwar bertanding dia sangat memerlukan banyak sokongan. Jadi walaupun bersalahan dan bertentangan dengan prinsip peribadinya brother kita ini terpaksa menyatakan sokongan kepada Rahim." Muka surat 83 - 84.

Sewaktu Rahim dihempas pulas oleh gelombang dalam lautan ciptaanya sendiri, Anwar dan rakan-rakan tidak berbuat apa-apa. Malah mereka mengejek Rahim dan mendoakan agar Rahim tenggelam sahaja

dalam arus gelombang maha dasyat itu. Sewaktu Rahim terkial-kial mengharapkan pertolongan politik semua suku sakat dalam team wawasan lepas tangan tidak mahu terpalit dengan noda Rahim. Tidak siapa berani tampil ke hadapan untuk menghulurkan tangan membantu Rahim. Selepas Rahim hilang segala-galanya baru Nazri hulur tangan pada Rahim untuk menolong bekas Ketua Menteri yang malang itu.

Datuk Nazri yang sebelum ini menjadi adik kembar kepada Rahim pun memerhati dari jauh... menegaskan pemuda UMNO tidak boleh menolong Rahim.

Satu cerita yang tersembunyi daripada pengetahuan umum penyingkiran Rahim itu dikatakan telah dirancang demikian rupa. Ianya adalah atas restu Anwar sendiri. Masalah Rahim dikatakan dibincang di China sewaktu Anwar mengadakan lawatan ke sana. Anwar telah mengarahkan salah seorang Exco Pemuda UMNO agar menyelesaikan masalah Rahim. Exco berkenaan telah mengatur satu strategi untuk menyingkirkan Rahim secara terhormat.

Exco yang bersama rombongan Anwar itu bergegas pulang ke Malaysia. Satu majlis sambutan Exco itu diadakan di airport, sebagai menyatakan sokongan ke atas apa jua tindakan Exco berkenaan. Mesej yang dibawa oleh Exco tersebut ialah meminta agar Rahim meletakkan jawatannya sebagai Ketua Pemuda. Tetapi misi yang dibawa oleh Exco berkenaan tidak berjaya, apabila Rahim enggan meletakkan jawatannya pada masa itu.

Itulah akal budi, dan balasan team wawasan kepada Rahim Tamby Chik. Dalam hal ini kita bukan hendak mempertahankan apa yang Rahim lakukan, memang

pun patut dia menerima hukum karma demikian, tetapi dimanakah letaknya kesetiaan dan pengorbanan dalam perjuangan yang dibentuk melalui team wawasan?

Bala yang menimpa Rahim itu ada hikmahnya tersendiri. Mereka yang bersama menjadi tukang dayung dalam team wawasan mula mengenali siapa Anwar. Mereka mula tahu hati budi Anwar. Terutamanya Rahim cukup mengenali kesetiaan Anwar kepadanya. Tahu sejauh mana pengorbanan Anwar terhadapnya yang menjadi regu dalam team wawasan. Mengerti politik dolak dalih yang menjadi amalan Anwar selama ini setelah beliau ditimpa musibah itu.

Bagaimanapun pada suatu segi, tindakan Anwar hendak membersihkan team wawasan itu merupakan satu tindakan yang patut dipuji. Tindakan itu dirasakan perlu diambil memandangkan sesetengah pemimpin UMNO telah terlampau sangat. Penglibatan mereka dengan kegiatan rendah moral (*immoral*) sudah tidak dapat diselindungi lagi. Pemimpin yang demikian bukan menjadi kandil bangsa untuk membawa masyarakat ke era kecemerlangan, sebaliknya menjadi *virus* yang merosak dan melemahkan sendi akal budi bangsa Melayu.

Ekoran nasib malang yang menimpa Rahim itu terdengar desas desus ada pula tokoh lain akan diambil tindakan yang sama. Tokoh-tokoh yang disebut dan dinanti-nanti untuk diambil tindakan ialah, Datuk Najib dan Tan Sri Muhammad Taib. Heboh timbul cerita kononnya Najib dalam proses pembersihan oleh Anwar Ibrahim selepas Rahim. Segala rahsia dan skandal Najib dan Mat Taib akan ditelanjang bulatkan...?

Bertolak dari spekulasi inilah dikatakan hubungan Najib dengan Anwar mulai renggang. Najib mula menunjukkan sikap tidak berapa mempercayai Anwar. Najib menjadi cukup takut setelah melihat nasib Rahim Tamby Chik yang jatuh terjelapak seorang diri. Najib bimbang dirinya pula akan menjadi korban kubra Anwar Ibrahim.

Kenapa Najib takut kepada Anwar? Sepatutnya Najib tidak perlu takut kepada pembersihan itu kalau beliau tidak mempunyai kesalahan. Tetapi kerana Najib dua kali lima sahaja dengan Rahim sebab itulah beliau menjadi ketar lutut. Waktu skandal Rahim dengan budak sekolah tersebar, Najib pula dikatakan kena tangkap khalwat dengan seorang artis di Negeri tidak sampai 10? Nasib baik Tok Penghulu negeri tidak sampai 10 itu menyelamatkannya. Kalau tidak Najib sudah pun terbungkus macam Rahim.

Bertolak dari peristiwa itulah maka dari sehari ke sehari hubungan dan kemesraan diantara Najib dan Anwar berkurangan. Hingga pada satu masa mereka dikatakan tidak dapat duduk semeja. Najib tiba-tiba menjadi hilang kepercayaan kepada Anwar Ibrahim.

Dalam pada itu tanda-tanda kononnya Anwar lebih mirip kepada Muhyiddin menjadi Najib *jealous*. Kononnya Anwar lebih berminat untuk meletakkan Muhyiddin di belakangnya menyebabkan Najib merasakan terhina. Najib berperasaan begitu kerana beliau tahu diantara dirinya dengan Muhyiddin... Muhyiddin lebih bersih. Bacaan fatimah Muhyiddin pun lebih baik daripada Najib.

Keadaan yang sudah berkudis itu menjadi semakin merebak, bila mana Mahathir pula tiba-tiba men-

curi kesempatan diantara kerenggangan hubungan diantara kedua sang tokoh itu. Mahathir telah bertindak menangguk di air keruh membela Najib. Mahathir ada tujuan tersendiri dalam hal ini, iaitu dia mahu memecahkan benteng kekuasaan dan kekebalan team wawasan yang dibentuk oleh Najib dan suku sakat lain.

Pembelaan Dr. Mahathir kepada Najib ialah dengan memberi imej baik kepada Najib. Pertukaran kementerian daripada pertahanan kepada pendidikan, menunjukkan bahawa Mahathir sudah mula mengasah bakat Najib untuk menjadi pemimpin pada masa akan datang. Kalau hendak diukur disegi kelayakan Najib tidak layak memegang apa-apa jawatan berhubung dengan pendidikan dan pembelajaran. Usahkan menteri, menjadi guru Tadika pun tidak layak. Perangainya masa muda-muda dahulu serta kegagalan dalam rumah tangga menyebabkan Najib langsung tidak wajar menjadi menteri yang bertanggungjawab membentuk generasi penentu masa hadapan. Tetapi kerana perlantikan itu atas motif tertentu, maka seribu kali tidak layak pun, boleh dibuat juga. Teringat kita kepada kata-kata sindiran Allahyarham Tun Datu Mustapa Datu Harun; kalau mahu tukang sapu pun boleh jadi menteri!

Kewibawaan Najib sebagai Menteri Pendidikan sekarang ini sudah dipertikaikan. Sejak kebelakangan berbagai kes membabitkan murid sekolah dilaporkan oleh media massa. Hari-hari media massa baik cetak atau eletronik melaporkan mengenai kejadian cikgu pukul murid dan sebagainya. Kepincangan dan masalah yang berlaku di sekolah hari ini secara tidak lang-

sung ia menggambarkan kelemahan menteri berkenaan.

Kebenaran bahawa persengketaan diantara keduanya, Anwar - Najib semakin jelas, apabila sebaik saja Najib memegang jawatan menteri pendidikan, seluruh dasar pendidikan yang dirangka oleh Anwar dirombak dan dirabakkan. Pertukaran sesi persekolahan kepada sesi lama itu menunjukkan sikap Najib untuk memperlekehkan idea Anwar Ibrahim.

Mungkin dalam hal ini Najib tidak menyedari yang secara diam-diam dirinya telah menjadi alat kepada Mahathir. Mahathir memang mahu sangat agar team wawasan yang dibentuk sebelum pemilihan pucuk pimpinan tahun 1993 pecah, untuk mengimbangkan kuasanya. Mahathir telah sedar pengaruh dan wibawa team itu begitu kuat. Keadaan itu membimbangkannya. Mahathir merasai cemas dengan kedudukan itu. Jadi untuk meredakan, satu jalan terpaksa dicari. Cara paling ampuh ialah dengan "mengehelkan" salah seorang nakhoda bahtera wawasan.

Dalam hal ini Najib berjaya diperalatkan oleh Dr. Mahathir. Walaupun Najib juga mendapat *political mileage*, tetapi yang jelas Dr. Mahathir mendapat keuntungan paling banyak. Najib untung seguni Mahathir untung selori.

Melihat "perbalahan" Najib - Anwar ini juga seperti ada pihak lain yang melaga-lagakan mereka. Cerpen pendek tulisan Subky Latiff dalam ruangnya di *Harakah* pada 13 Oktober, 1995 ada kebenarannya. Elok kalau saya turun cerpen tersebut;

*"Tun Daim memanggil Datuk Najib. Ujarnya, "You lawan timbalan kali ini." Datuk Najib tidak*



*membantah. Tetapi bimbang jika timbalan tahu, maka dia pun mengadap sang timbalan. Dia menyampaikan, "Tun Daim suruh I lawan you." Tun Daim mendapat tahu yang Datuk Najib bertemu dengan sang timbalan. Maka segera Tun Daim pula mengadap dan mengingatkan, "You jaga sikit, Najib nak lawan you."*

Dalam hal ini Najib telah melakukan kesilapan. Langkahnya untuk "bersengketa" dengan Anwar dan merasa kerdil adalah silap. Langkah itu juga kurang bijak. Apa lagi dalam saat sekarang ini. Tidak sepatutnya Najib bersikap demikian. Beliau seharusnya pintar membaca masa depan Anwar.

Najib patut mengukur kekuatan yang ada kepadanya. Beliau sepatutnya sedar bahawa pergantungannya kepada Mahathir tidak berapa selamat. Mahathir kini diibarat sebagai dahan yang sudah repuk. Bilabila masa sahaja ianya akan jatuh. Pantang ada angin yang menggoncangkannya, dahan buruk itu akan terjunam ke bawah.

Selain dari beliau perlu kekuatan sendiri, dia harus mempunyai tempat pergantungan yang kukuh. Anwar adalah seelok-elok dahan untuk beliau bergayut dan tumpang berteduh. Tetapi dengan perkembangan terbaru ini meletakkan diri Datuk Najib dalam keadaan tidak menentu.

Benar Najib mempunyai hubungan yang baik dengan ahli UMNO. Beliau diterima oleh semua golongan; veteran, pemuda dan terutamanya wanita. Dan seluruh negeri dapat menerima Najib dengan baik. Tidak seperti Muhyiddin atau Mat Taib hanya negeri

tertentu sahaja dapat menerima mereka. Tetapi Najib harus ingat beliau tidak mempunyai apa-apa keistimewaan selain daripada itu.

Apakah aset peribadinya? Idea, visi, ilmu, akhlak... semuanya tidak ada pada Najib. Yang baik pada Najib hanya batang tubuh yang besar panjang. *Handsome*.... kalau perempuan tengok boleh jadi terliur dan termimpikan Najib. Sedangkan segala kelebihan dan aset itu, banyak dipunyai Anwar. Manis pun juga ada kepada Anwar, kalau tidak takkan Dr. Wan Azizah boleh tergilakannya? Dan seorang guru jelita di Jeli beriya untuk bergambar dengan Anwar ketika beliau turun berkempen di Jeli dalam pilihanraya lalu.

Dilihat kepada zahiriah, Najib siang-siang lagi kena *surrender* kepada Anwar. Najib tidak mempunyai apa-apa kelebihan dan kepakaran dalam kepimpinan. Kalau diukur segi moral sahaja, Najib sudah kalah. Awal-awal lagi Najib kena tarik diri. Siapa tidak kenal Najib? Apa yang berlaku kepada pemuda di zaman Najib semua orang tahu. Pemuda zaman Najib adalah Pemuda yang cukup cemar imejnya. Pemuda yang hanya tahu berdisko, berdansa... dan berhibur! Pemuda yang mandul dan kekeringan idea. Pemuda yang menjadi gengstar kepada kepentingan politik Perdana Menteri.

Lantaran itu maka Najib harus banyak beristikhras, sembahyang hajat dan merenung ke dalam diri. Jika beliau hendak panjang nafas dalam politik beliau tidak harus mengikut nasihat orang yang *desperate*. Beliau harus sabar dan melangkah dengan tenang di belakang Anwar Ibrahim. Paling penting beliau jangan menjadi alat kepada Dr. Mahathir untuk

menyelamatkan kuasanya seperti mana yang pernah dilakukan kepada Tun Ghafar Baba dahulu.

Dan paling penting Najib juga harus menyedari harga dirinya. Jangan mudah menjadi alat dan senang diperalatkan oleh orang-orang tertentu demi kepentingan politik mereka. Sebagai seorang *politician* kita harus *conscious* terhadap perkembangan politik dan diri sendiri.

Najib patut mempunyai pandangan serta penilaian politik sendiri. Beliau tidak sepatutnya menjadi alat kepada sesiapa. Lantaran itu jika ada pihak yang mendorongnya untuk menentang Anwar, beliau hendaklah berfikir semasak-masaknya. Beliau harus tahu apa dia implikasi dan baik buruknya. Langkahnya menentang Anwar dalam keadaan sekarang tak ubah seperti menggali lubang kubur sendiri.

Seandainya Najib ditakdirkan juga menentang Anwar, maka jelas penentangan itu bukan diatas kehendaknya sendiri, tetapi kerana desakan dan paksaan oleh orang lain.

Apapun yang afdalnya janganlah Najib terperangkap dalam jerat politik yang rapuh seperti mana yang pernah menjerut leher Tengku Razaleigh Hamzah, Tan Seri Musa Hitam, dan Tun Ghafar. Cukuplah mereka yang menjadi mangsa kezaliman dan permainan politik "ular tedung" Dr. Mahathir.

## IMPLIKASI KALAU TAK LAWAN DR. M

---

**K**AATA pepatah orang tua-tua; binasa santan kerana pulut, binasa badan kerana mulut. Lebih baik terlepas kain daripada terlepas cakap. Dalam politik yang penuh dengan serba mungkin (*possibility*) kenyataan dan ucapan kadang kala boleh merosakan diri seseorang. Kadang-kadang hanya dengan sepatah kata sahaja, ia boleh membunuh masa depan politik seseorang. Politik itu sendiri hidup dan berkembang kerana spekulasi, interpretasi yang tajam serta analisis mendalam. Politik demokrasi yang menjadi amalan negara kita hari ini jarang sangat berjalan di atas landasan yang betul.

Hal inilah yang menimpa diri Anwar Ibrahim pada masa kini. Spekulasi yang mengatakan dia akan menentang Dr. Mahathir menyebabkan hubungan beliau dengan Mahathir dipertikaikan. Menjadikan para pemerhati politik keluh kesah dan mencari apakah puncanya dan bagaimanakah kesudahannya.

Hari ini umum sedang menunggu perkembangan seterusnya ke atas kedua mereka. Apa sahaja kenyata-

an Anwar dan juga Dr. Mahathir akan diulas serta dinilai dari pelbagai sudut. Akan diandai dan diramalkan dengan berbagai cara dan pendekatan. Inilah natijah dan juga kesan daripada tercetusnya spekulasi tersebut.

Justeru kerana "terlanjurnya" sepekulasi itu maka orang kini sedang menilai sejauh manakah kemampuan Anwar untuk berhadapan dengan Dr. Mahathir. Apakah alasan, hujah dan juga sandaran yang ada kepada Anwar. Isu ini tidak mungkin diperkatakan orang kalau ia tidak wujud. Masakan pokok bergoyang tanpa ada angin. Dalam kes Anwar dan Dr. Mahathir ini ada munasabahnyanya kalau mereka dikatakan akan berentap.

Berita ini bukan lagi dongengan ataupun satu gimik yang bukan-bukan. Spekulasi ini bukan spekulasi semut ingin berlaga dengan harimau. Tetapi spekulasi ini harimau akan berlaga dengan singa. Kedua haiwan itu bersesuaian untuk beradu tenaga diantara satu sama lain. Sama-sama mempunyai kekuatan fizikal dan mental, sama-sama jaguh rimba. Begitu juga sepekulasi dan khabar angin yang bertiup mengatakan Anwar kemungkinan akan cabar Mahathir ada logik dan asasnya. Tetapi kalau orang menyebarkan berita Sabaruddin Chik hendak lawan Mahathir sampai kiamat pun orang tidak percaya!

Soalnya sekarang sejauh manakah kekuatan yang ada pada Anwar? Dr. Mahathir bukan calang-calang tunggul buruk untuk dirempuh begitu sahaja. Kalau dilihat kepada susunan kabinet yang dibentuk selepas pilihanraya umum lalu, jelas menunjukkan Anwar tidak mempunyai kekuatan. Anggota kabinet banyak ber-

pihak kepada Dr. Mahathir. Seperti yang saya sebut dalam buku "*Analisis Pilihanraya 95*" kabinet yang dibentuk pada 19 Ogos, 1995 itu ialah kabinet Dr. Mahathir bukan kabinet negara.

*"Apabila kita membuat bedah siasat dan mencari maknawi dalam kabinet baru Dr. Mahathir itu kita tidak akan menemui apa-apa keistimewaannya. Tidak ada apa-apa pembaharuan dalam kabinet Dr. Mahathir. Kemenangan yang didakwa gemilang dalam pilihanraya tidak mendorong Mahathir untuk membentuk kabinet yang bersih dengan membuang segala macam menteri yang berperangai buruk, hipokrit dan korup. Kabinet Mahathir masih juga ditakuk lama. Menteri-menteri yang oportunistik, kuat nafsu, yang "mambung" masih lagi dikekalkan.*

*"Persoalan timbul kenapa Dr. Mahathir berminat mengekalkan menteri-menteri yang demikian? Sepatutnya dengan kemenangan itu serta terdapat banyaknya ahli-ahli parlimen baru yang muda, berpendidikan tinggi, Mahathir boleh membentuk kabinet yang benar-benar berwawasan. Kabinet yang boleh membawa kepada kemakmuran dan kerahmatan kepada negara.*

*"Lantaran melihat ketakutan serta ketidakpekaan Mahathir itulah maka ada orang menyifatkan kabinet yang dibentuk baru-baru ini bukan sangat untuk negara dan rakyat, sebaliknya untuk mengukuhkan kedudukan Dr. Mahathir sendiri.*

*"Selain untuk mengukuhkan kedudukannya, pembentukan kabinet itu juga dilihat sebagai untuk*

*membatasi kuasa dan menyekat pengaruh Anwar Ibrahim. Kabinet itu sebagai empangan, yang mengempung pengaruh Anwar serta orang-orangnya. Kalau diperhatikan, bukan sahaja Anwar dipagari dengan kawat berduri, tetapi orang-orang Anwar juga turut sama dikapit dan dijempit agar tidak bergerak bebas dan melebarkan pengaruh dan kekuasaan Anwar. Post-post penting semuanya diisi oleh orang-orang Dr. Mahathir. Pintu-pintu depan istana, pintu belakang dan balai tengah diisi oleh panglima yang setia kepada Dr. Mahathir. " - Muka Surat 76 - 77.*

Anwar tidak berapa gemar dengan pembentukan kabinet pagar-pagar itu. Pembentukan kabinet itu lebih merupakan penyusunan untuk menjagautuhkan kekuasaan Dr. Mahathir disamping membatasi pengaruh Anwar. Dan dengan "pagar" itu sudah pasti digunakan untuk mengawasi gerak geri Anwar daripada masuk mencerooboh istana UMNO?

Orang-orang Anwar tidak diberi banyak kesempatan. Hanya ada dua tiga orang sahaja. Datuk Dr. Ibrahim Saad, Datuk Ali Rustam dan Datuk Nazri, Aziz, itu pun dilantik menjadi timbalan menteri yang dikawal rapi oleh Dr. Mahathir. Yang lain, seperti Datuk Ahmad Zahid Hamidi, dan lain-lain tidak diberi peluang. Ramai bakal-bakal calon yang disenaraikan Anwar digugurkan oleh Dr. Mahathir pada saat-saat akhir. Dan mereka yang diberi peluang pula, seperti Kamaruddin Jaffar dan Kamarudin Mohd Nor di Kelantan, kalah.

Berdasar kepada hakikat itu Anwar tidak ada

banyak teman dalam kabinet. Tidak ada menteri yang bersama beliau. Orang-orang seperti Datin Paduka Rafidah Aziz, Datuk Abu Hassan Omar, Datuk Abdullah Ahmad Badawi, Datuk Mustapa Mohamed, Datuk Annuar Musa, Datuk Sabaruddin Chik, bukan orang-orang yang berada di belakang Anwar. Mereka ini lebih merupakan para biduanda Dr. Mahathir Mohamad. Annuar Musa misalnya terang-terang mengakui dia hanya mempunyai seorang ketua saja, iaitu Mahathir. Selagi Dr. Mahathir jadi Perdana Menteri maka Mahathirlah ketuanya.

Begitu juga dengan beberapa Timbalan Menteri. Datuk Megat Junid Megat Ayub, Idris Jusuh, Datuk Afifuddin Omar, Datuk Drs Sulaiman Mohamed dan lain-lain, bukan merupakan orang-orang Anwar. Jadi kalau berdasarkan kepada keadaan itu Anwar tidak mempunyai kekuatan di peringkat kerajaan untuk menentang Dr. Mahathir Mohamad.

Begitu juga dengan kebanyakan Menteri Besar dan Ketua Menteri. Tidak semua yang berpihak kepada Anwar. Kalau pun ada yang mirip kepada Anwar ialah mereka yang ada masalah dengan Dr. Mahathir. Yang dijangkakan akan digugurkan oleh Dr. Mahathir. Begitu pun sikap mereka masih kelihatan takut-takut dan berselindung.

Sehingga kini yang dianggap berpihak kepada Anwar ialah MB Perlis Shahidan Kassim, Tan Seri Osman Arof, Tan Seri Wan Mokhtar Ahmad, Tan Seri Mohd Isa Abdul Samad, Tan Seri Ramli Ngah Talib. Osman Arof baru sahaja berpihak kepada Anwar apabila timbul isu beliau hendak ditukar dengan Datuk Seri Sanusi. Sebelum ini beliau adalah pemuja Dr.



Mahathir nombor satu di Kedah.

Wan Mokhtar pula dalam kemabukan dan bingung sama ada hendak duduk sebelah Mahathir ataupun Anwar. Pada satu masa beliau menampakkan condong kepada Anwar dan pada ketika lain nampak lebih mirip kepada Dr. Mahathir. Wan Mokhtar juga ada kepentingan peribadi. Sesiapa diantara Dr. Mahathir dan Anwar dapat menjamin dia dapat berkuasa, dia akan berpihak kepada orang itu. Perkembangan hari ini menunjukkan Ayah Wan gigi ronggak itu lebih condong kepada Anwar setelah menyedari Datuk Yusof Nor tidak berapa "ngam" dengan Anwar.

Ramli dan Isa Samad pun masih 50 - 50. Ada khabar mengatakan Isa sudah menyeberang kepada Anwar. Apa alasan walahualam? Kononnya Anwar telah menggunakan Datuk Kamaruddin Jaffar untuk menarik Isa ke dalam *jemaah Anwariyah*. Hubungan kekeluargaan isteri Kamaruddin Jaaffar dengan isteri Mohd Isa, Puan Sri Hazizah Tumin, dijadikan jambatan untuk membawa Mohd Isa.

Lain-lain MB berpihak kepada Mahathir. Ghani Othman di Johor, Datuk Mohd Zain Ghani di Melaka, Datuk Khalil Yaacob, di Pahang, Tan Sri Muhammad Taib dan Mohd Salleh Keruak di Sabah dikatakan masih "mereng" ke arah Dr. Mahathir. Walaupun ada pinangan oleh orang Anwar terhadap Ghani, tetapi beliau masih mengenang budi Mahathir. Penghantaran Ghani ke Johor oleh Dr. Mahathir ialah untuk memecah pengaruh Muhyiddin di Johor. Usaha Ghani nampaknya telah berhasil apabila sudah kedengaran ada desakan agar beliau mengambil alih jawatan Ketua Perhubungan Johor menggantikan Muhyiddin.

■ Dengan realiti itu bagaimanakah Anwar hendak berlawan dengan Dr. Mahathir? Apakah kuasa yang bakal digunakan olehnya? Kalau didasarkan kepada keadaan ini beliau ternyata tidak mampu untuk melawan Dr. Mahathir.

■ Pada hari ini sokongan yang bakal Anwar terima ialah daripada golongan *grassroot*. Golongan bawahan dalam UMNO sangat mengharapkan kepada Anwar. Slogan dan iltizamnya untuk menjamin kesamarataan, menitik beratkan soal akhlak, untuk membela keadilan, dan membantu orang miskin telah menambat hati mereka untuk menyertai jemaah *Anwariyah*. Mereka menjadi gila kepada Anwar... dan meletakkan harapan tinggi menggunung kepadanya.

■ Golongan intelektual yang terdiri daripada para akademis, pegawai tinggi kerajaan, pegawai tadbir yang dikenali sebagai Melayu Baru juga berada dalam jemaah *Anwariyah* untuk menangani agenda membangun Asia Baru yang mula digemakan oleh Anwar.

■ Mereka ini begitu tertarik dan yakin bangsa Melayu akan muncul sebagai penggerak tamadun kedua Islam/Melayu. Manakala Anwar adalah dikira tokoh paling sesuai dan berkemampuan untuk menguruskannya.

■ Kebanyakan para pemikir Melayu Baru ini komited dengan Islam dan mereka adalah bekas-bekas ahli ABIM. Antara mereka ialah; Dr. Mohd Nur Manuty, Dr. Siddiq Fadzil, Anwar Tahir, Sidik Baba dan lain-lain. Golongan Melayu Baru inilah yang menjadi tenaga dan perangsang kepada Annuar. Mereka inilah yang ghairah untuk melihat bentuk dan gaya

kepimpinan (*leadership*) Anwar. Adakalanya golongan inilah juga yang mencacatkan perancangan Anwar kerana terlalu *excited*. Dan golongan inilah juga yang digembar gemburkan menjadi dalang dalam perancangan untuk mengAbimkan UMNO.

Tetapi ada alasan diberi oleh penyokong kuat Anwar, katanya yang menentukan kalah menang Anwar kelak bukan menteri ataupun menteri besar. Mereka itu beberapa orang sahaja. Yang menentukan kalah menang ialah perwakilan. Ini ada logik juga. Hujah ini boleh diterima akal. Tetapi apakah Anwar boleh menguasai perwakilan?

Inilah taktik dan strategi Anwar. Beliau memastikan bahawa perwakilan berpihak kepadanya. Lantaran itu semasa persidangan UMNO Bahagian orang-orang Anwar telah bekerja keras bagi memastikan agar ketua bahagian dari jemaahnya.

Sesetengah persidangan UMNO Bahagian kecoh sampai ada yang bertumbuk, tampar menapar menunjukkan telah berlaku pertembungan diantara golongan muda yang mewakili Anwar dengan golongan tua yang mewakili Dr. Mahathir. Masing-masing mahu memastikan ketua terdiri dari orang mereka, untuk mengaut undi bonos yang diperuntukan kepada calon Presiden dan Timbalan Presiden nanti.

Dalam hal ini sekali lagi orang-orang Anwar mahu menggunakan taktik penyingkiran Tun Ghafar tiga tahun lalu untuk mengenyahkan Dr. Mahathir. Ghafar dikalahkan bukan dengan undi perwakilan, tetapi dengan undi pencalonan (bonos) sahaja, apabila Anwar mendapat lebih 100 pencalonan berbanding dengan Ghafar yang mendapat lebih 30 pencalonan.

Apakah taktik itu sekali lagi akan membawa tuah kepada Anwar?

Setelah wujudnya spekulasi itu... dan orang-orangnya makin galak menyebabkan kedudukan Anwar terjejas, dan jadi serba salah. Kerana sorak sorai itu juga Anwar sesekali melenting dan merasakan dia sudah mampu untuk bebas dari kepompong Dr. Mahathir. Lantaran itu terhemburlah kata-kata untuk menyingkir mana-mana ahli yang menimbulkan kecauan dan yang tidak berkualiti.

*"Daripada 2.3 juta ahli UMNO yang berperangai kurang waras ini hanya beberapa kerat sahaja, tetapi kita tidak boleh membiarkan golongan ini menjadi barah yang merosakkan kekuatan kita.*

*"UMNO terpaksa mengambil tindakan menyingkir golongan ini kerana adalah lebih baik mempunyai ahli yang sedikit daripada 'memelihara' golongan yang bermasalah ini. - Utusan 1 Oktober, 1995.*

Dalam keadaan hari ini sekiranya Anwar tidak jadi menentang Dr. Mahathir ia boleh mendatangkan implikasi yang tidak baik kepadanya. Perkembangan hari ini hendak tak hendak telah memaksa Anwar melawan Dr. Mahathir. Dari segi psikologi, kalau Anwar tidak menentang Dr. Mahathir sekalipun, orang tetap beranggapan Anwar tentang Dr. Mahathir. Keheningan hubungan keduanya tidak mungkin pulih semula. Apa jua usaha ia tidak dapat mengembalikan kedamaian yang telah retak. Usaha untuk mendamaikan keduanya sepertilah usaha untuk menyatukan kepingan-kepingan kaca yang pecah berselerak.

Satu perkara lagi Anwar harus ingat ialah bahawa Dr. Mahathir seorang pendendam dan sensitif. Dr. Mahathir seorang yang sukar untuk memaafkan kesilapan seseorang. Pengalaman yang menimpa Tengku Razaleigh adalah cukup baik untuk diambil sebagai iktibar. Kenapa Ku Li tidak mendapat kepercayaan Mahathir menjadi Timbalan Presiden tahun 1981, ialah kerana dendam. Menurut Ku Li Mahathir marahkannya, kerana beranggapan beliaulah (Ku Li) menyebabkan Dr. Mahathir mendapat undi terendah dalam pertandingan Naib Presiden tahun 1976.

Anwar juga perlu berhati-hati dengan sikat licit Mahathir. Janji-janji politiknya tidak boleh dipegang dan sangat rangup. Apa yang terjadi kepada Ku Li adalah contoh paling baik. Walaupun pada lisannya sudah ada persetujuan bahawa lepas beliau (Mahathir) Ku Li, tetapi persetujuan itu boleh dimungkiri begitu sahaja.

Dengan langkah berjaga-jaga oleh para pengikutnya, memberi gambaran bahawa mereka bila-bila masa sahaja akan menyerang Mahathir. Keadaan ini disedari oleh Mahathir. Apakah pula tidak mungkin Mahathir akan mengambil sikap bertindak balas - mematahkan serangan Anwar terlebih dahulu? Ini membahayakan Anwar. Mahathir sudah tentu akan bertindak menyembelihkan orang-orangnya satu persatu. Dalam masa dua tahun (1997-1998) Mahathir akan bersihkan orang-orang Anwar. Dikala itu kedudukan Anwar tidak kuat dan bertenaga lagi. Masa dua tahun ini musuh-musuh Anwar sempat untuk mengumpul stamina bagi menyerang Anwar balik.

Sesuatu yang tidak mustahil juga untuk menjamin kedudukannya Dr. Mahathir akan panggil persidangan khas UMNO untuk meminda perlembagaan bagi menghapuskan sistem undi bonos kepada calon Presiden dan Timbalan Presiden itu. Penubuhan jawatan kuasa *Adhoc*....dilihat sebagai perisai untuk mempertahankan kuasa Dr Mahathir dan mengukuhkan kedudukannya apabila beliau menyedari banyak orang-orangnya tewas di peringkat bahagian.

Kenyataan peribadi Datin Paduka Rafidah Aziz pada 11 Oktober, 1995 yang menyatakan tidak perlu undi bonos untuk Presiden dan Timbalan Presiden merupakan satu saranan dan permulaan kempen ke arah untuk memansuhkan sistem undi bonos tersebut.

Justeru itu hendak tak hendak Anwar terpaksa juga melawan Dr. Mahathir pada saat dan ketika dia mempunyai kekuatan dan sokongan padu ini. Pada saat ini ketika yang cukup baik bagi Anwar. Apa yang Anwar perlu ingat, dalam politik jarang ada kemaafan. Kemaafan hanya digunakan sebagai muslihat untuk berundur atau pun berehat mencari kekuatan. Maaf sejati tidak ada dalam politik. Dan istilah menunggu dan sabar juga tidak ada dalam kamus politik. Dalam politik sekular seperti UMNO, sesiapa yang cepat dan licit dia akan dapat walaupun terpaksa melangkah adat dan kesopanan serta melanggar batas-batas agama?



*PENING -... Sayuti dah nasihatkan Sanusi agar lupakan saya! Dia tu (Sayuti) sayangkan pada Sanusi. Dia tak tahu apa yang sedang saya hadapi sekarang. Anwar sudah beri kata dua kepada saya. Pilih Sanusi ataupun dia. Kalau saya lantik Sanusi jadi MB Kedah, pasti Anwar akan tentang saya tahun hadapan. Takkan saya nak jaga Sanusi.... nasib saya pun belum tahu bagaimana. Kalau agenda 1996 berjalan, kan aniaya saya....! Inilah... yang mememingkan kepala, banyak sangat penasihat politik tidak bertauliah. Depa ni pun (penulis politik) macam juga akhbar asing... hidup dengan spekulasi! Kalau saya kata depa penulis pelacur marah! Kata saya memperlekehkan merekalah tak hormat mereka lah... macam-macam*

**RAHSIA - ... Dalam ini bukan saja rahsia budget tahun 1996, tetapi terkandung rahsia agenda 1996. Agenda budget telah diketahui umum... kalau nak tahu apa rahsiannya, baca buku Sayuti ini. Apa yang beliau sebutkan itu ada betul... sikit-sikit tapi tak semua. Tukang nujum katakan. Apa yang beliau tulis hanya boleh dikaji, bukan boleh dipercayai. Tetapi benar seperti dia katakan itu... kalau PM tak ikut apa yang saya kehendaki, mungkin saya akan cabarnya. Walaupun saya kata... tak akan cabar kerana saya jenis manusia ada budi... tetapi bukan boleh percaya sangat. Tahun 1981, 1983 saya dah mungkir apa yang saya kata. Janji dalam politik tidak ada yang benar? Bukan begitu Ustaz Fadzil Nor?**








**BUBUR - Hasmah - "Apa ni bang? Mahathir -  
"Bubur. Hasmah - "Untuk apa bubur ni, bang?  
Mahathir - "Untuk kenduri! Hasmah - "Kenduri Apa  
bang? Mahathir - "Kenduri kesyukuran? Hasmah -  
Syukur abang bang, kerana anak kita dapat saham  
ke? Mahathir - "Bukan, syukur kerana Anwar ! -  
Hasmah - Kenapa dengan Anwar? Mahathir - "Dia  
tak sempat nak tumbangkan kita! Hasmah - "Ohhh..**



**KENDURI - Dr Azizah - "Buat apa tu.. bang? Anwar - "Kukur kelapa? Azizah "Untuk apa kukur kelapa? Anwar - "Nak bergulai? Azizah - "Gulai apa? Anwar - "Gulai kenduri. Azizah - "Kenduri apa? Anwar - "Kenduri kesyukuran. Azizah - "Kesyukuran Apa? Anwar -**



**BAHTERA** - Dr. Mahathir sedang mencuba bahtera bernilai RMI.5 juta yang dihadiahkan oleh seorang usahawan Kelantan. Apakah Dr. Mahathir mengerti simbolik disebalik hadiah itu untuk meminta beliau bersara? Semoga selepas bersara nanti Mahathir dan anak beranak akan berehat-rehat di atas bahtera ini.



**MAKKAH - Siapa kata Dr. Mahathir tidak pernah ke Makkah? Gambar ini membuktikan segala-galanya. Sekarang ini Dr. Mahathir sedang bersiap sedia untuk ke Makkah sekali lagi. Sama ada sebelum atau selepas persaraanya, sama-sama kita tunggu. Semoga Dr. M selamat dunia dan akhirat. Amin**



**KECEWA** - Ku Li pernah dikecewakan oleh Dr. Mahathir tahun 1981. Menurut perjanjian lisan dengan Tun Hussein Onn.. selepas Mahathir adalah Ku Li. Tepi Mahathir mungkir janji, dia ambil Musa Hitam. Apa yang berlaku kepada Ku Li juga berlaku kepada Musa Hitam dan Ghafar Baba. Dan tidak mustahil Anwar mungkin akan terkena badi mereka.



**KORBAN** - *Datuk lupakanlah Dr. Mahathir. Sudah banyak Datuk tolong beliau, apa yang dia tolong Datuk? Janganlah kita jadi hidung tak mancung pipi pula yang tersorong-sorong. Mari kita mulakan agenda baru... Saya tidak fikir Dr. Mahathir akan peduli nasib Datuk dalam politik. Dia sekarang lebih memikirkan anak beranaknya. Apa yang baru berlaku dalam Hicom... jelas apa yang saya katakan itu.*



**KEBERANIAN** - Kelebihan yang ada kepada Annuar Musa ialah keberanian. Beliau menegur sesiapa saja demi kebenaran dan kebaikan kepada parti dan negara. Tidak pandai untuk bergurau. Orang lebih mengenali kehebatannya dalam politik daripada peribadinya. Sebab itu banyak orang menganggap Annuar sombong dan ego.



**SENANG** - Ahmad Zahid Hamidi senang didekati dan punyai pro yang baik. Tidak sombong dan seorang tokoh korporat yang sedang meningkat naik! MP yang tercicir dalam kabinet Dr. Mahathir. Zahid adalah pembawa panji-panji jemaah Anwariyah.






**WANG** - Tengku Adnan banyak wang. Bellau tidak mencari kesempatan untuk dirinya melalui politik. Tawaran untuk bertanding Ketua Pemuda untuk membolehkan beliau berkhidmat kepada bangsa dan negara lebih berkesan. Nampaknya Ku Nan berhati-hati sebelum membuat keputusan. Politik matang!



**PERBALAHAN** - Inilah orang yang menimbulkan perbalahan diantara Anwar dengan Mahathir. Daim lebih mementingkan empayar bisnensnya daripada UMNO dan negara? Dasar ekonomi negara yang membebankan rakyat adalah buah fikiran Daim. Daimlah yang menjadi duri dalam daging kepada Anwar.



**NOSTALGIA** - Najib Tun Razak bergambar dengan  
Bapa Kemerdekaan, Allahyarham Tunku Abdul  
Rahman. Perjuangan orang dulu sepatutnya Najib  
teruskan bukan melupakannya. Tapi sayang bukan  
setakat lupa, malah amanah bapaknya sendiri Najib  
tidak peduli? Khabarnya Najib akan dijadikan meriah  
oleh Mahathir untuk tembak Anwar?



**BERSIH - Mohd Isa Menterl Besar yang paling bersih, tidak terlibat dengan sebarang skandal dan penyelewengan. Hampir-hampir menewaskan Rahim Tamby Chik. Khabarnya tahun depan beliau akan mencuba di kerusi Naib Presiden. Peluang untuk Isa menang payah, tetapi daripada Syed Hamid lebih baik beliau sikit. Walaupun Isa pendek tetapi dia lebih jantan daripada Syed Hamid.**




**JANDA** - Ini gambar Ku Yah janda Muhammad Haji Muhamad Taib. Kewibawaan Mat Taib menjadi tanda tanya. Tuntutan mutaah Ku Yah sebanyak RM 16 juta masih belum beres lagi. Dan kalau sudah beres dimana Mat Taib ambil duit sebanyak itu, komisyen...? Kata Mat Taib 1000 orang Melayu Selangor akan jadi jutawan. Salah seorangnya Ku Yah. Dulu saya dah kata jangan jadi kuda Anwar... hari ini bila kena cendeh ke Anwar... baru sedar...



**HARAPAN** - *Muhyiddin ada harapan untuk mengekalkan kedudukannya. Tetapi untuk meraih undi terbanyak sukar sikit. Masalah kurang senyum menjadi penyebab kenapa Muhyiddin tidak popular. Muhyiddin harus banyak belajar body language dengan Anwar Ibrahim.*



**BIDUK** - Pak Lah menjadi biduk di tengah perpecahan kiambang (UMNO). Tetapi ingat Pak Lah tahun ini gerhana penuh matahari nampak di Matunggong, janganlah politik Pak Lah turut sama gerhana? Kalau mengikut firasat hari ini peluang Pak Lah untuk kembali memegang Naib Presiden adalah cerah. Keperibadian mengatasi kebendaan.



**MAHSURI** - Inilah replika keris yang digunakan untuk membunuh Mahsuri. Langkawi penuh dengan replika... yang terbaru replika burung helang yang gagah perkasa. Sempena 'kematian' Sanusi baru ini rakyat Langkawi harus juga bina satu lagi replika. Saya cadangkan replika wajah Yusuf Kamaruddin yang Sanusi sebut namanya 57 kali dalam ucapan perasmian dan dituduh sebagai master mind untuk menghancurkan politiknya.





**SOKONG** - *Tenguk siapa yang mengelllingi Ghafar Baba? Mat Rahmat, Najib dan Rafidah Aziz. Hanya Rafidah Aziz yang mempertahankan Ghafar sampai ke akhir. Mat Rahmat beluk di tengah jalan. Najib pula lebih mementingkan kedudukannya. Katanya sejak akhir-akhir ini Dr. Mahathir sering bertemu dengan Ghafar. Apa tujuannya. Mungkin kerana keadaanya dalam kritikal, maka Ghafar dijadikan bomoh sekali lagi?*

## **PENGARUH DR. M MAKIN BERKURANGAN?**

---

**A**PABILA wartawan dan media luar mentafsirkan pengaruh Dr. Mahathir sejak akhir-akhir ini berkurangan ekoran kekalahan beberapa orang penyokong kuatnya, Perdana Menteri itu enggan untuk melayan pertanyaan itu. Sebaliknya beliau memulangkan persoalan itu kepada wartawan berkenaan. Katanya, wartawan bebas untuk membuat pentafsiran dan tuduhan.

Sekurang-kurangnya enam orang kuat Dr. Mahathir tewas dalam pertandingan merebut jawatan di peringkat bahagian baru-baru ini. Mereka termasuklah bekas Menteri Pertanian, Datuk Seri Sanusi Junid, kalah di Langkawi, Timbalan Menteri Pendidikan Datuk Khalid Yunus, kalah di Jelebu, Datuk Hussein Ahmad, tertumus di Rantau Panjang, Tun Ghafar Baba merana di Jasin, Tun Daim Zainuddin dimalukan dengan dilantik menjadi pemeriksa kira-kira sehingga menarik diri sebelum berjuang, di Merbok dan Tan Sri Rahim Tamby Chik, terjelapak di Alor Gajah

ditangan anak buahnya sendiri - Nordin Yaani.

Memang tidak boleh dinafikan, tokoh-tokoh yang kalah itu adalah merupakan penyokong kuat Dr. Mahathir. Orang yang berada di belakang Mahathir selama ini. Seperti Sanusi Junid terkenal sebagai penyokong Mahathir nombor satu. Jasa Sanusi terhadap Dr. Mahathir tidak cukup kalau hendak dibilang dengan jari. Sewaktu krisis perlembagaan tahun 1983, Sanusilah menjadi hero mempertahankan Mahathir. Sewaktu berkrisis dengan Tan Sri Musa tahun 1982 Sanusilah yang mempertahankan Mahathir. Bila Dr. Mahathir berkrisis dengan Tengku Razaleigh Hamzah sehingga menyebabkan UMNO berpecah menjadi Team A dan B tahun 1987, Sanusilah juga yang menyokong Mahathir mati-matian. Pendeknya sewaktu Sanusi menjadi Setiausaha Agung UMNO, Sanusi adalah "Syaidina Omar Al Khatab" kepada Dr. Mahathir.

Begitu juga dengan Tun Daim. Beliaulah yang memainkan peranan penting dalam mengembangkan ekonomi negara di zaman Mahathir. Dr. Mahathir mengundang Daim aktif dalam politik adalah untuk membantunya dalam bidang ekonomi. Menjadikan Daim sebagai kilang pemikir untuk membangun negara. Sehingga hari ini walaupun Daim sudah tidak menjadi menteri kewangan lagi, tetapi kepala Daim masih diperlukan oleh Dr. Mahathir. Daim dilantik menjadi penasihat ekonomi negara.

Pendeknya pergerakan ekonomi negara Malaysia ditentukan oleh Daim. Daimlah yang menjadi tukang fikir. Datuk Seri Anwar walaupun menjadi menteri, hanya pada namanya sahaja. Segalanya diuruskan oleh

Daim. Anwar hanya menjadi *announcer* sahaja bila ada sesuatu projek baru ataupun perubahan di kementerian kewangan. Nasib Anwar di Kementerian Kewangan sama dengan bilal-bilal di surau yang menjadi tukang azan, tetapi tidak bersembahyang. Setiap penghujung tahun menjadi tukang baca teks belanjawan. Setakat ini nampaknya sumbangan paling ketara Anwar dalam "pembangunan ekonomi negara" ialah berjaya menestablisikan istilah dan perkataan baru pada setiap kali beliau membentangkan belanjawan.

Begitu juga Datuk Hussein yang digelar Seri Rama di Kelantan. Adalah tokoh yang banyak berkorban untuk Dr. Mahathir. Orang yang rela menderhaka kepada sultan sendiri kerana untuk mempertahankan Dr. Mahathir. Gara-gara menyokong Mahathir dan Musalah menyebabkan darjah kebesaran yang dianugerahkan oleh Sultan Kelantan kepadanya ditarik balik. Sebagai membalas kesetiaan itu Dr. Mahathir melantik beliau menjadi Ketua Penerangan UMNO Malaysia hingga kini, walaupun orang tidak tahu apakah tugas sebenar Hussein melalui jawatan itu?

Kalau bukan kerana itu sukar untuk Hussein duduk ditempatnya hari ini. Siapa tidak kenal dengan Hussein, seorang cikgu sekolah atap yang naik betul-betul dengan semangat dan kegigihan. Beliau hanya pandai bercakap tetapi tidak pandai merancang. Kalau suruh berceramah dan mengata orang sehari semalam pun Hussein boleh, tetapi kalau suruh berfikir bagai mana hendak majukan bangsa dan negara, Hussein mengaku kalah.

Begitu juga dengan Tun Ghafar, jasa dan bakti beliau kepada Dr. Mahathir bukan sedikit. Sewaktu

UMNO menghadapi perpecahan sengit 1987 "orang tua buruk" itulah yang menjadi tempat pergantungan Dr. Mahathir. Orang tua itulah yang menjadi bomoh dan tabib menyelamatkan UMNO dan Dr. Mahathir.

Ghafar menjadi titian reput untuk Mahathir lari menyelamatkan diri. Tetapi apabila beliau sudah selamat, ditinggalkan Tun Ghafar terkial-kial macam kura-kura tua kehausan air. Akhirnya Ghafar dilemparkan macam gerabak buruk oleh UMNO.

Pendeknya tokoh-tokoh itu adalah orang yang berjasa dan berkhidmat penuh kesetiaan kepada Dr. Mahathir. Orang yang rela mati dahulu sebelum Mahathir mati. Orang yang sanggup mengadaikan nyawa demi *survival* politik Dr. Mahathir. Orang yang sanggup timbul dan tenggelam bersamanya.

Jadi diatas hakikat dan realiti itulah maka wartawan asing dan termasuk juga pemerhati politik yang sihat fikirannya mula berpendapat, pengaruh dan kekuatan politik Dr. Mahathir mulai merosot dan lemah ekoran kekalahan tokoh-tokoh berkenaan. Dengan kekalahan itu, tokoh berkenaan tidak dapat lagi menjadi tukang-tukang dodoi dan pengayun buaian pemujaan terhadap Dr. Mahathir. Kekalahan itu menyebabkan mereka tidak lagi akan menjadi "turus pagar" untuk mempertahankan Dr. Mahathir.

Soalnya kini benarkah Mahathir tidak rungsing dengan kekalahan para sang setianya itu? Apakah beliau sedikit pun tidak bimbang dengan kehilangan beberapa orang panglimanya itu? Bukankah kehilangan orang-orang itu menyebabkan beliau kehilangan pahlawan yang akan mempertahankan dirinya daripada sebarang serangan? Dan apakah dengan hanya

beberapa orang sahaja lagi panglima yang ada beliau mampu untuk menyekat armada perang yang kini sedang menghala ke arahnya? Satu-satu "Datuk Panglima Tua" yang dikira bersama Dr. Mahathir ialah Datuk Mohamed Rahmat. Panglima ini pun belum tentu lagi akan setia kepadanya. Panglima ini boleh sahaja bertukar pengkalan kalau sudah terdesak. Apa yang berlaku kepada Tun Ghafar pada tahun 1993 menguji kesetiaan Mohamed Rahmat. Tiba-tiba sahaja beliau *swing* kepada Anwar Ibrahim setelah menyedari Tun Ghafar sudah nazak. Secepat kilat Mat Rahmat masuk team wawasan dan bertindak menjadi *mediator* majlis pengumuman Anwar untuk bertanding melawan Ghafar.

Apabila kita berhadapan dengan agenda ini, kita dapat merasakan Dr. Mahathir tidak dapat tidak tentu beliau cemas dengan kekalahan orang-orangnya itu. Cuma egonya sahaja tidak mahu mengakui hakikat di hadapan orang-orang surat khabar. Beliau kini berada dalam keadaan ketar lutut. Beliau sebenarnya takut kepada situasi hari ini. Beliau tidak boleh menafikan lagi bahawa pengaruhnya kini semakin hari semakin mengecil. Kekuasaannya kini seperti ais yang berada di atas aspal panas terik. Makin lama makin kecil dan cair.

Dr. Mahathir cukup sedar tidak lama lagi ketul air batu itu akan hilang. Kekuasaannya akan lenyap dan kehebatannya akan sirna. Dia cukup airf mengenai evolusi itu. Seorang doktor sangat tahu perubahan ke atas dirinya - luar dan dalam. Kenapa saya berkata demikian? Ada bukti yang jelas menunjukkan Dr. Mahathir kini seperti orang diserang *Aids* - yang sudah

kehilangan daya tahan dan keadaanya semakin hari semakin lemah.

Tragedi yang menimpa Datuk Sanusi Junid dan Tun Daim Zainuddin membuktikan segala-galanya. Apa yang menimpa Sanusi menunjukkan Dr. Mahathir tidak kuat lagi. Apa yang berlaku ke atas Daim, membuktikan lidahnya tidak masin lagi. Orang sudah "jeh" kepada kata-kata dan nasihatnya. Berkali-kali beliau menasihatkan ahli UMNO agar mempertahankan Daim, tetapi kata-kata itu seperti mencurahkan air ke daun keladi.

Tragedi yang menimpa Sanusi dan Daim itu juga secara tidak langsung menguji sejauh manakah kesetiaan kawan seorang Mahathir. Nasib yang bakal menimpa Sanusi dalam politik akan menunjukkan apakah Mahathir seorang ikhlas, jujur dan berpegang kepada janji?

Dalam kes Sanusi, nampak sekali Dr. Mahathir terkial-kial dan serba salah. Jelas sekali beliau seperti orang yang hilang upaya untuk melakukan sesuatu bagi membantu Sanusi. Apa yang dapat dilakukan hanya dengan bermain kata-kata, membuat kenyataan yang berbelit-belit dan berlapis-lapis macam kuih lapis.

Apakah komen Dr. Mahathir terhadap Sanusi selepas pemuda Aceh itu kalah? Katanya untuk menjadi Menteri Besar tidak semestinya seorang itu menjadi Ketua Bahagian. Tetapi dalam ayat lain pula beliau berkata, rancanganya untuk membangun Kedah terbantut dengan kekalahan Sanusi itu. Katanya beliau kini tidak ada kekuatan (*grip*) lagi!

Umum mengetahui perpindahan Datuk Seri Sanusi Junid dari parlimen ke Dewan Undangan Negeri

Kuah dalam pilihanraya lalu ialah kerana sesuatu sebab. Perpindahan itu kononnya untuk membolehkan beliau dilantik menerajui kerajaan negeri Kedah menggantikan Tan Seri Osman Arof. Mahathir khabarnya mempunyai agenda tersendiri dengan Sanusi dan Daim di Kedah.

Kerana misi itulah Sanusi bersedia untuk beralih ke negeri. Mungkin juga kebetulan beliau tidak tahan menatap muka Anwar terlalu kerap sangat di Kuala Lumpur - sekali seminggu bila ada mesyuarat kabinet. Apabila beliau dipindah ke Kedah maka dia tidak lagi akan bersua muka dengan Anwar.

Tetapi agenda Dr. Mahathir untuk melantik Sanusi menjadi MB Kedah tidak menjadi. Ianya tertangguh-tangguh sampai kini. Sudah pening kepala Sanusi dibuatnya. Sudah beberapa kali kedengaran beliau akan membuat perlantikan, tetapi tidak juga menjadi kenyataan. Penangguhan itu menyebabkan karier politik Sanusi tidak menentu. Tokoh kelapa muda dan ulam kampung itu sudah banyak kehilangan aset dalam politik termasuk jawatan Ketua UMNO Bahagian Langkawi yang dipegang selama 16 tahun.

Pada mulanya ramai orang menduga Dr. Mahathir akan membuat perlantikan sebelum berlangsungnya persidangan bahagian Langkawi. Saat itu dikira amat sesuai memandangkan keadaan Sanusi dalam kritikal. Perlantikan itu juga nanti dikira boleh membantu Sanusi di Langkawi. Tetapi... tunggu punya tunggu.... tidak juga menjadi kenyataan. Akhirnya Sanusi kalah.

Seandainya Dr. Mahathir membuat keputusan pantas, mungkin Sanusi tidak tersumpah di Langkawi tempoh hari. Mungkin Sanusi tidak menjadi korban



fitnah yang kedua di pulau lagenda itu. Tetapi kerana kelewatan dan sikap tunggu dan lihat, (sabar sat), maka akhirnya Sanusi karam di Langkawi di tangan Datuk Abu Bakar Taib yang dikatakan didalangi oleh pihak Alor Star dan Kuala Lumpur menerusi manusia bernama Mohd Yusuf Kamaruddin?

Berbagai andaian dan tanggapan dibuat berhubung dengan kelewatan Dr. Mahathir melaksanakan agendanya terhadap Sanusi itu. Ada pihak mengatakan, Mahathir sengaja membiarkan begitu. Sanusi sendiri pernah membayangkan kepada Mahathir keadaan di Langkawi mencemaskannya. Tetapi aduan itu dijawab dengan kata-kata; sabar... kita tenguk tari mereka.

Bagi saya apa yang berlaku di Langkawi dan telah menimpa Sanusi bukan satu kesengajaan Dr. Mahathir. Tetapi satu hakikat dimana Dr. Mahathir sudah tidak dapat berbuat apa-apa lagi. Saya yakin kalau Dr. Mahathir masih merasakan dia kuat, sudah lama dia melantik Sanusi menjadi MB Kedah sebaik sahaja selesai pilihanraya umum lalu.

Bukan orang tidak kenal dengan stail Dr. Mahathir. Kalau beliau inginkan sesuatu beliau akan buat walaupun siapa yang membantahnya. Tengok apa yang berlaku pada tahun 1983.... walaupun Tengku Razaleigh Hamzah kalah kepada Datuk Musa Hitam, tetapi Mahathir tetap lantik Ku Li menjadi anggota kabinet, walaupun Musa Hitam tidak bersetuju.

Pindaan perlembagaan melibatkan imuniti raja-raja tahun 1993, diteruskan juga walaupun ianya hampir-hampir mencetuskan insiden menyebabkan negara huru-hara. Kenapa Dr. Mahathir berani bertindak dan melaksanakan agenda peribadinya ketika itu, jawabnya

ialah kerana pada masa itu dia berkuasa. Dia kuat dan hebat. Dia *powerful*.

Itulah sikap dan tindakan Dr. Mahathir dulu.... semasa beliau kuat dan hebat. Tetapi perangai dan stail itu tidak mungkin dilakukan sekarang ini. Waktu ini taring dan kukuhnya semakin tumpul dan staminanya sudah berkurangan. Jadi apa sahaja tindakan dan keputusan yang hendak dibuat beliau terpaksa bertanya orang dikanan dan kirinya terlebih dahulu. Setiap tindakan yang bakal diambil beliau kena toleh depan dan belakang dahulu. Kalau dia tidak berbuat demikian silap-silap dia juga akan menerima nasib sama seperti Ghafar, Sanusi, Rahim dan Hussein Serama.

Kuasa politik Dr. Mahathir hari ini tak ubah seperti pelita minyak yang sudah berada di hujung malam. Bila-bila masa sahaja ia boleh padam!

Itulah punca menyebabkan Dr. Mahathir tertangguh-tangguh untuk melantik Sanusi Junid menggantikan Osman Arof. Bukan beliau tidak mahu, tetapi beliau bimbang kepada implikasi yang bakal menghentak dirinya. Saya nampak Dr. Mahathir sekarang ini berada dalam musim bertenang dan berehat. Baginya dia tidak lagi memikirkan soal pergaduhan politik. Yang dia fikir ialah ketenangan dan kedamaian dirinya.

Untuk apa dia bersusah payah menangkis serangan politik. Dalam saat-saat menanti musim persaraan lebih baik dia berehat. Melantik Sanusi menjadi MB Kedah bermakna dia mengundang musuh politik untuk bergaduh dengannya. Mahathir sudah tidak larat. Benarlah kata seorang ketua bahagian di Kedah, "*buat*

*apa menyokong lembu tua lagi, kalau kita sudah ada lembu muda."*

Sewaktu berjumpa dengan Datuk Sanusi pada suatu hari, saya mengibaratkan Dr. Mahathir hari ini seperti orang tua yang bersiap sedia untuk berangkat menunaikan fardu Haji di Mekkah. Beliau sudah memanggil seluruh anak pinaknya berhimpun dan berpesan agar menguruskan segala harta bendanya selama dia berada di tanah suci. Orang tua itu sudah pun berpesan, kalau dia mati di Makkah uruslah harta ini dengan sebaik mungkin, dan kalau dia balik pun, dia akan menjadi seorang tua yang baik, dan tidak lagi akan aktif dalam menjaga dan mengurus harta bendanya.

"Jadi dengan keadaan itu, saya rasa dia tidak akan mempedulikan nasib Datuk. Untuk apa dia memikirkan soal Datuk. Yang lebih dia pentingkan, dia akan fikirkan mengenai nasib dirinya serta anak beranakannya selepas ini. Dia lebih mengutamakan soal-soal peniagaan anak-anaknya daripada menjaga kerjaya Datuk." kata saya kepada Datuk Sanusi.

Entah benar entah tidak, berhubung dengan kes Sanusi ini Mahathir tidak berani untuk bertindak kerana disudah diberi *warning* awal-awal lagi. Kononnya Anwar Ibrahim sudah memberi *signal* kepada Dr. Mahathir, jika Mahathir lantik Sanusi menjadi MB Kedah maka akan perang besarlah mereka berdua. Anwar mengugut akan cabar kedudukan Dr. Mahathir?

Sama ada benar ataupun tidak perkhabaran itu, hanya Mahathir dan Anwar sahaja yang tahu. Tetapi.... kalaulah benar, takkan Anwar jadi begitu pengecut

dan benci sekali kepada Sanusi. Kalau dilihat kepada perkembangan hari ini, khabar itu ada munasabahnya. Memang patut kalau Mahathir perlu merasa kecut perut, kerana popalariti Anwar semakin meningkat sedang rputasinya semakin menurun.

Tetapi soalnya kenapa begitu sekali Anwar sanggup bersikap demikian? Kenapa beliau harus takut seperti orang takut kepada ular sawa dewasa ini kepada Sanusi? Apa hendak takutkan kepada Sanusi. Bukanlah beliau tidak mempunyai apa-apa jawatan? Kalau dalam keadaan Sanusi tangan kosong Anwar masih juga takut, itu menunjukkan Sanusi benar seorang yang hebat. Bagaimanapun dalam hal ini saya tidak nampak Anwar benar-benar takut kepada Sanusi, tetapi yang jelas Anwar benci dan dendam.

Ini satu lagi yang menghiriskan hati kita apabila mengenangkan perbalahan diantara dua orang tokoh bangsa Melayu ini. Sesuatu yang sungguh mendukacitakan dan merugikan agama, bangsa dan negara. Mereka tidak sepatutnya berada disaf berlainan sebaliknya duduk dalam satu saf. Tenaga, idea, semangat dan idealisme mereka sangat diperlukan oleh negara. Sungguh hairan kenapa mereka berdua ini masih belum boleh merobohkan tembok sengketa mereka. Padahal Jerman Barat dan Jerman Timur sudah lama merobohkan Tembok Berlin yang menjadi lambang persengketaan kedua buah negara itu.

Sebenarnya Sanusi bukannya orang yang patut ditakuti oleh Anwar. Sanusi bukan seorang manusia yang menjatuhkan orang lain. Tidak ada *track record* menunjukkan Sanusi mengkhianti orang lain. Apa yang menjadi prinsip Sanusi ialah taat dan bertanggung-

jawab kepada ketua. Itu jenis Sanusi.

Sepanjang beliau menjadi ahli UMNO selama 32 tahun, menjadi ahli parlimen 21 tahun, menjadi Menteri dan Timbalan Menteri 18 tahun, Sanusi tidak pernah sekali pun mencabar kedudukan sesiapa. Sepanjang tempoh itu beliau berkhidmat penuh kesetiaan dan tanggungjawab dan mempertahankan sesiapa juga yang menjadi ketua.

Dan hakikat ini dapat dilihat apabila boleh dikatakan sepanjang penglibatannya dalam UMNO beliau menjadi Setiausaha; tahun 1963 menjadi Setiausaha Pergerakan Pemuda UMNO Cawangan, tahun 1964 menjadi Setiausaha UMNO Cawangan, tahun 1965 menjadi Setiausaha Pergerakan Pemuda Bahagian, tahun 1966, menjadi Setiausaha UMNO Bahagian, tahun 1968 menjadi Setiausaha Perikatan London dan hingga tahun 1984 menjadi Setiausaha Agung UMNO.

Dan begitu juga dengan Sanusi, Anwar bukan orang yang patut beliau cemburui. Anwar patut dibantu dan disokong. Apa lagi Anwar adalah sahabat dan 'adik'nya sejak di College Melayu Kuala Kangsar (MCKK) lagi. Sekiranya Anwar ditakdirkan menjadi Perdana Menteri, Sanusi harus merasa bangga kerana sahabatnya sendiri berjaya menjadi pemimpin.

Berbalik kepada agenda asal tadi, Sanusi adalah menjadi satu petanda kepada kita semua. Sekiranya Dr. Mahathir masih juga meneruskan agendanya terhadap Sanusi dalam keadaan katanya beliau sudah tidak ada kekuatan (*grip*), itu menunjukkan Dr. Mahathir tidak akur dengan kehendak Anwar. Ia membuktikan kesetiaan seorang Dr. Mahathir.

Sebaliknya kalau Dr. Mahathir membiarkan Sanusi teroleng-oleng sendiri dalam lautan kekecewaan itu, maka jelaslah Dr. Mahathir seorang ahli politik yang mementingkan diri sendiri dan ketakutan pada gelombang arus "anwarisme" sudah mengoncang jiwa raganya.

Kalau itu berlaku, tepatlah saranan saya kepada Sanusi sebaik sahaja beliau kalah di Langkawi, pada 29 September lalu. Dalam kesempatan itu saya menasihatkan Datuk Sanusi. Kata saya;

*"Sekiranya Mahathir tidak lantik Datuk jadi MB Kedah, maka jelaslah beliau ingin membunuh politik Datuk. Sudah tidak ada guna Datuk bersamanya lagi. Apa guna kita menjadi hidung tak mancung, pipi tersorong-sorong. Mulai sekarang marilah kita mulakan agenda baru. Kita canang ke seluruh negara, biar Anwar lawan Dr. Mahathir. Sama-sama pula kita tengok macam mana Dr. Mahathir kecundang di tangan Anwar. Walaupun kemenangan Anwar dan kekalahan Dr. Mahathir nanti tidak memberi apa-apa erti kepada kita (Datuk), sekurang-kurangnya kita dapat release rasa kekecewaan kita."*

Sdr Daud Ibrahim dan Zaharin Mohd Yasin menjadi saksi kepada kata-kata saya.



## **SLAPA PIMPIN PEMUDA 1996?**

---

**S**ATU lagi agenda yang tidak dapat ditinggalkan apabila membicarakan masalah UMNO ialah pertandingan merebut jawatan Ketua Pemuda. Jawatan yang dikosongkan oleh Tan Sri Rahim Tamby Chik dan dipangku oleh Datuk Nazri Aziz itu akan menjadi perebutan hangat. Bunga-bunga menunjukkan perebutan jawatan itu akan berlaku dan sengit, telah pun berkembang. Riak dan ombak-ombak awal jawatan itu menjadi rebutan sudah mula dirasakan hari ini.

Mereka yang berminat untuk merebut jawatan itu telah pun menunjukkan belang masing-masing. Keadaan mula jelas apabila Pemangku Ketua Pemuda, Datuk Nazri Aziz membayangkan yang beliau akan berundur dari hirarki kepemudaan. Sudah dua kali Nazri membuat pengumuman itu. Apa alasannya tidak pula dinyatakan dengan jelas. Dari gerak laku Nazri itu boleh dibayangkan, mungkin beliau sudah merasa jemu kerana terlalu lama duduk dalam pemuda.

Nazri mula melibatkan diri dalam pemuda sejak



zaman Datuk Suhaimi Haji Kamaruddin menjadi ketua lagi. Sejak dari itu beliau telah menjadi Exco pemuda. Bermakna beliau telah berketua kepada empat orang; Suhaimi, Anwar, Najib dan Rahim Tamby Chik. Pada satu segi si Nazri ini sama hebat dengan Tun Ghafar Baba, yang menjadi ahli parlimen dibawah empat Perdana Menteri.

Apabila bercakap pasal Nazri timbul sedikit rasa terkilan, kenapa beliau tidak mencuba untuk memimpin pemuda. Padahal suatu ketika dahulu beliau merupakan tokoh pemuda yang popular. Hakikat ini terbukti apabila beliau merupakan tokoh pemuda yang mendapat undi terbanyak (777) untuk jawatan ahli Majlis Tertinggi UMNO pada tahun 1990.

Peluang terbaik untuk Nazri menjadi Ketua Pemuda ialah pada tahun 1993. Kekosongan yang ditinggalkan oleh Najib patut dipenuhinya, apa lagi beliau ketika itu ialah, Timbalan Ketua Pemuda. Tetapi kerana *bossnya* - Anwar Ibrahim ada agenda lain untuknya, maka peluang itu terlepas begitu sahaja.

Menurut Datuk Ahmad Zahid Hamidi, waktu itu Nazri telahpun disuruh untuk memimpin pemuda! Tetapi kerana beliau mementingkan kepada kemenangan *bossnya* daripada kedudukannya sendiri, beliau menolak peluang terbuka itu. Dan hakikat ini ternyata tepat seperti mana saya tuliskan dalam buku *Siapa Ketua Pemuda Ke 10*, Nazri Aziz ada strategi tersendiri kenapa beliau tidak bertanding jawatan ketua.

Lantaran melihat kepada keadaan itu, maka timbul pula tanda tanya apakah Nazri ikhlas untuk berundur daripada dunia pemuda yang membesar dan banyak

memberi pengalaman politik kepadanya itu? Apakah kenyataan beliau itu juga sebagai gimmik dan mempunyai motif disebaliknya? Alasannya kerana beliau ingin membuktikan tanpa jawatan beliau boleh berkhidmat kepada parti dikira kurang konkrit. Inilah yang menjadi tanda tanya dan teka teki apabila kita berbicara pasal pemuda. Apa lagi Nazri juga terkenal sebagai *politician* yang licit dan sanggup hipokrit kerana tidak mahu bergaduh dengan sesiapa.

Bagaimanapun... kalau dilihat kepada reputasi serta nilai politik beliau sendiri sejak akhir-akhir ini, Nazri bukan senang untuk menang. Kalau dia bertanding jawatan Ketua Pemuda, belum tentu beliau boleh menang dengan mudah. Ini kerana imej dan kewibawaan Nazri sebagai pemimpin kebelakangan ini turun secara mendadak.

Dalam penelitian saya, tidak banyak perubahan yang Nazri lakukan ke atas pemuda yang dipimpinya hari ini. Nampaknya pemuda tidak dapat berdiri di atas *standnya* sendiri dan lebih banyak menjadi jurucakap dan *rubber stamp* kepada pihak tertentu. Pergerakan Pemuda tidak mempunyai pendirian yang tuntas dalam sesuatu isu. Pemuda juga kelihatan penakut dan lembek. Kegemilangan pemuda sudah hilang. Pemuda menjadi seperti "ikan lapam" di bawah pengkalan menyambut baik setiap kenyataan yang dikeluarkan oleh *boss* mereka - Anwar dan Dr. Mahathir. Pemuda gagal untuk memainkan peranan menyuarakan suara generasi baru.

Selama berada dalam pemuda amnya dan memangku jawatan pemuda khasnya, Nazri nampaknya

gagal untuk membawa apa-apa perubahan baik untuk menggilapkan batang tubuh pemuda, apa tah lagi untuk kepentingan negara. Pemuda banyak terlibat dengan isu-isu yang murahan yang bertujuan meletakkan pemuda dalam pemerhatian umum sahaja. Isu-isu global gagal ditangani oleh pemuda dengan baik. Pemuda di era Nazri sama dengan pemuda di zaman Najib yang mandul dan penyalak busut yang tidak berhantu.

Banyak isu-isu yang berlabel nasional, tetapi tidak dipedulikan oleh pemuda. Misalnya isu mengenai bahasa Melayu, pendidikan dan keruntuhan moral dikalangan remaja. Isu-isu itu amat sesuai untuk dibangkitkan oleh pemuda kerana ia menjadi tanggungjawab mutlaknya.

Polimek mengenai bahasa Melayu sepatutnya ditangani oleh pemuda. Pemuda harus mempertahankan status dan kedudukan bahasa Melayu dengan serius dan bukan menyinggungunya ala kadar seperti orang melepas batuk ditangga.

Demikian juga dengan masalah pendidikan. Ke-riuhan mengenai cadangan untuk mengkorporatkan IPT, seolah tidak terdengar oleh pemuda. Pemuda sepatutnya tampil ke depan menyuarakan pandangan mereka. Masalah pendidikan bukan seperti masalah longkang tersumbat yang boleh dibiarkan begitu sahaja. Pendidikan penentu kepada kecemerlangan generasi akan datang.

Begitu juga halnya dengan keruntukan moral di kalangan remaja yang turut sama melibatkan pemuda. Pemuda sepatutnya bangkit membentangkan agen-

danya untuk mengatasi masalah ini, bukannya sekadar menjadi pemerhati bisu. Apakah perancangan dan agenda pemuda untuk mengatasi masalah ini? Dimanakah letaknya peranan dan tugas pemuda sebagai pembela bangsa?

Apabila kita melihat kelemahan itu tidak syak lagi, hasrat Nazri untuk berundur ialah kerana beliau sememangnya tidak berkeupayaan untuk memimpin pemuda? Beliau ketandusan idea dan kegersangan minda untuk meletakkan pemuda menjadi *skwad* hadapan dalam mempertahankan martabat bangsa dan negara. Lantaran itu langkah Nazri itu sangat tepat dan patut sekali dialu-alukan. Kita tidak mahu satu *force* yang begitu besar tidak dipergunakan dengan sebaiknya untuk membangun bangsa dan negara.

Beberapa tokoh yang menunjukkan belang untuk memenuhi kekosongan yang bakal ditinggalkan oleh Nazri nanti, nampaknya semua mempunyai kelayakan dan qualiti yang tersendiri. Disegi zahirnya, masing-masing sesuai untuk memimpin pemuda. Semuanya mempunyai semangat watan dan idealisme canggih!

Antara mereka yang disebut-sebut ialah Datuk Annuar Musa, Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, Ketua Penerangan Pemuda UMNO Malaysia, Datuk Tengku Adnan Mansor, ahli MT UMNO. Dalam pada itu bekas calon Ketua Pemuda Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad juga disebut-sebut akan mencuba nasib sekali lagi. Itulah empat orang tokoh yang disebut akan bertanding untuk merebut jawatan Ketua Pemuda.

Bagaimanapun di sini saya tidak berminat untuk

mengulas dan menyorot Tan Sri Mohd Isa atau lain-lain tokoh selain dari tiga orang itu. Mohd Isa, pada saya sudah cukup sekali mencuba dan beliau sepatutnya mencuba jawatan lain. Kejayaan Mohd Isa menafikan majority 2/3 Rahim Tamby Chik dalam pertandingan tahun 1993 merupakan satu sejarah buat dirinya.

Annuar dan Zahid seakan sudah jelas akan ikut serta dalam pertandingan itu. Kedua mereka sudah membuat pengumuman awal-awal lagi. Jika benar Nazri akan menarik diri, ini bermakna keduanya seperti sudah sah akan bertanding!

Waima Zahid ataupun Annuar Musa, keduanya memerlukan jawatan itu. Mereka memerlukan *post* tersebut untuk menggilap imej politik masing-masing. Menerusi jawatan itu mereka berkesempatan menunjukkan kewibawaan diri masing-masing sebagai bakal pemimpin utama masa depan.

Pengalaman masa lalu dimana kebanyakan mereka yang memegang jawatan Ketua Pemuda akan menjadi pemimpin besar, juga telah merangsang mereka untuk mendapat jawatan itu. Antara bekas-bekas Ketua Pemuda yang berjaya mencipta nama, Datuk Harun Indris, Anwar Ibrahim, Allahyarham Tun Hussein Onn, Allahyarham Syed Jaffar Albar dan lain-lain.

Jawatan itu juga perlu untuk dijadikan benteng politik mereka. Lebih-lebih lagi kepada Annuar Musa. Dalam gelombang politik diambang transisi sekarang, Anwar sangat memerlukan kepada satu kekuatan *force* ataupun wadah bagi menjamin kesenimbangan hayat politiknya. Keadaan Annuar Musa sekarang ini agak

terdesak sedikit.

Dalam kemelut dan pergeseran diantara Dr. Mahathir dengan Anwar Ibrahim, Annuar Musa merasakan dirinya kurang selamat. Annuar Musa mungkin sudah dapat menduga masa depan politiknya kabur jika Anwar berkuasa nanti. Sebab beliau dianggap bukan dari jemaah *Anwariyah* walaupun kebetulan nama mereka sama ertinya.

Apa yang sudah pasti akan berlaku, kalau Anwar naik nanti senario kepimpinan UMNO Kelantan akan berubah. Harapan Annuar Musa untuk terus memimpin UMNO Kelantan dan menjadi jagoh di negeri Tok Janggut itu sudah tipis. Anwar Ibrahim sudah tentu akan melantik orang-orangnya untuk mengendali dan menguruskan UMNO Kelantan. Nama-nama seperti Kamaruddin Mohd Nor, Kamaruddin Jaffar, Hashim Shafin, Ahmad Shahibuddin Mohd Nor, Mansor Salleh dan lain-lain tentu akan diutamakan oleh Anwar. Sekarang ini pun mereka itu sedang sibuk memasang jerangkap samar untuk memerangkap Annuar! Inilah yang digeruni oleh Annuar Musa.

Itulah sebab musabab kenapa Annuar Musa sangat memerlukan jawatan pemuda. Beliau mahu jadikan jawatan itu sebagai kuasa tawar menawar. Dengan adanya jawatan itu dia boleh membuat tuntutan? Dan Anwar Ibrahim juga tidak mudah untuk mēnafikan kewujudannya di Kelantan.

Jika bukan kerana itu Annuar tidak sepatutnya bertanding. Beliau tidak perlu sibuk-sibuk mencampuri urusan pemuda sebab tugasnya di Kelantan sungguh banyak dan mencabar. Agenda untuk merampas Kelan-

tan masih belum terlaksana. Janji-janji dalam manifesto khas, dalam pilihanraya lalu belum ditunaikan lagi. Saya ada membangkitkan perkara ini kepada beliau ketika berjumpa dengannya suatu hari. Kata saya, "*Datuk tidak perlu bertanding Ketua Pemuda. Datuk harus selesaikan dahulu tugas Datuk untuk rampas Kelantan dari Pas. Tugas itu lebih penting dari merebut jawatan Ketua Pemuda...*"

Tetapi beliau cepat-cepat memotong kata-kata saya itu. Katanya beliau memerlukan jawatan Ketua Pemuda, kerana jawatan itu akan digunakan untuk merampas Kelantan. Bagaimanapun beliau tidak menghurai lanjut maksud kata-katanya itu. Apa yang dapat saya tanggapi... Annuar mahu menjadikan jawatan Ketua Pemuda sebagai lambang kekuatannya di luar Kelantan. Dan apabila beliau sudah ada kekuatan itu, maka dikira mudahlah untuk beliau melakukan sesuatu di Kelantan. Dalam konteks ini Annuar dikira bijak kerana pandai membaca budaya politik orang Kelantan, dimana seseorang yang ingin menjadi wira di Kelantan mesti membuktikan kekuatannya di luar Kelantan terlebih dahulu.

Bagaimanapun pada saya langkah itu masih boleh dipertikaikan. Untuk menawan Kelantan bukan semestinya seseorang itu kena menjadi 'gadebe' (hero). Untuk rampas Kelantan cukup dengan menawan hati orang Kelantan dengan berbuat baik kepada mereka. Kotakan apa yang dikatakan... itu saja. Laksanakan apa yang dijanjikan dalam manifesto khas dalam pilihanraya dulu.

Demikian juga dengan Tengku Adnan Mansor.

Beliau juga sangat memerlukan jawatan itu untuk meletakkan dirinya dalam (bulatan politik negara). Dengan jawatan itu nanti beliau akan menjadi seorang yang penting.

Tengku Adnan juga dalam hal ini terdesak seperti Annuar. Beliau belum ada apa-apa kuasa dan jawatan yang boleh mengampungkan kedudukannya dalam UMNO kini. Kegagalan beliau dipilih menjadi calon dalam pilihanraya lepas menyebabkan dia merasakan dirinya kerdil dalam UMNO. Walaupun kini beliau adalah seorang MT UMNO, tetapi *post* itu tidak berapa *glamour*. Empayar ekonomi yang dikuasainya juga ternyata tidak menjamin kedudukannya dalam politik UMNO.

Jadi nawaitu Tengku Adnan dan Annuar Musa hampir sama, mahukan jawatan itu untuk dijadikan sebagai mahkota masa depan politik mereka.

Dalam hal ini saya nampak nawaitu Zahid berbeza dengan nawaitu Tengku Adnan dan Annuar. Tujuan Zahid menawarkan diri bertanding Ketua Pemuda bukan terdesak dan memerlukan jawatan itu untuk mengampungkan dirinya. Beliau tidak merasa gusar dengan masa depan politiknya. Justeru itu langkah Zahid bukan kerana hendak menjaga kepentingan dirinya, tapi dilihat lebih untuk mengimplimentasikan agendanya.

Zahid ingin mereformasikan pergerakan itu dengan menjadi akhlak, ilmu dan ekonomi sebagai asasnya. Dengan pengalaman dan profesionalisme yang ada kepadanya dalam bidang korport dan mempunyai asas agama, Zahid mampu melaksanakan semua itu.



Kejayaan Zahid memajukan Bank Simpanan Nasional (BSN) setanding dengan bank-bank lain membuktikan kemampuan Zahid dalam bidang tersebut dan juga ekonomi.

Jadi niat untuk mengukuhkan kedudukan dengan jawatan itu tidak timbul kepada Zahid. Zahid tidak perlu memikirkan sangat mengenai masa depan politiknya. Beliau dikenali sebagai "Khalid Ibnu Walid" kepada Anwar Ibrahim. Zahid adalah pembawa bendera hitam dalam jemaah *Anwariyah*. Kedudukannya dalam herarki UMNO sudah terjamin apabila Anwar menjadi Presiden kelak?

Kalau diukur dan dibandingkan diantara ketiga-tiga tokoh itu, semuanya mempunyai kelebihan dan kelemahan tersendiri. Masing-masing ada agenda untuk dibentangkan apabila menjadi Ketua Pemuda nanti.

Annuar Musa tidak perlu disebut lagi seorang tokoh muda yang sudah dikira matang dalam politik. Pengalaman pahit maung dalam pilihanraya serta kesempatan membesar dalam kancah percaturan politik Kelantan yang unit dan tidak ada rehat menyebabkan Annuar menjadi seorang ahli politik yang tahan lasak dan boleh diuji.

Dalam usia yang begitu muda beliau telah diberikan kepercayaan untuk menangani pelbagai masalah UMNO Kelantan. Antara krisis dan masalah UMNO yang melibatkan Annuar ialah krisis istana dan perbalahan antara Ku Li dengan Mahathir. Manakala tugas besar yang dipikul olehnya ialah untuk memulihkan UMNO Kelantan selepas kalah teruk, (dimana tugas itu sampai kini masih belum lendik molek lagi) dan

juga berhadapan dengan Angkatan dalam pilihanraya.

Annuar juga seorang pemidato yang baik. Anugerah itu boleh dipergunakan untuk merangsang dan menggerakkan minda pemuda serta mengembalikan semangat patriotisme yang menipis di kalangan pemuda.

Selain itu Annuar seorang yang terbuka dan bersedia mendengar teguran dan kritikan terhadapnya. Beliau tidak segan-segan untuk melakukan perubahan positif dalam menjamin kecemerlangan politiknya. Ini merupakan satu keistimewaan kepadanya. Saya mempunyai pengalaman dalam hal ini.

Dalam buku-buku saya, bila saya mengulas mengenai perkembangan politik Kelantan saya tidak pernah meninggalkan nama Annuar. Saya selalu mengkritik dan menasihati beliau yang mana ada kalanya boleh memanasakan telinga yang mendengarnya. Tetapi... bila terserempak ataupun berjumpa dengannya, beliau secara *gentlemen* mengakui apa yang saya katakan itu.

Banyak teguran dan kritikan saya tentang pendekatan politiknya di Kelantan diambil perhatian. Perubahan yang berlaku ke atas dirinya sekarang, membuktikan Annuar seorang pemimpin yang fleksible dan boleh ditunjuk ajar dan dengar kata.

Annuar Musa tidak sama dengan Anwar Ibrahim. Dalam soal ini, pada saya Annuar Musa lebih baik daripada Anwar Ibrahim. Anwar Ibrahim tidak boleh menerima kritikan secara rasional, beliau akan melenjing bila dikritik dan menganggap dirinya *perfect* dan memandang rendah kepada idea orang lain. Annuar

juga seorang yang berani dalam mengeluarkan pandangan. Dalam hal ini beliau tidak peduli sama ada pandangan itu diterima ataupun tidak, ataupun boleh menjadikan dirinya tidak popular, yang penting beliau tidak mengsia-siakan amanah rakyat kepadanya selaku pemimpin. Sikap inilah juga menyebabkan Dr. Mahathir yakin kepadanya.

Cuma satu kelemahan Annuar Musa beliau tidak ramah dan pandai mengambil hati orang. Air mukanya sahaja sudah cukup menunjukkan Anwar seorang yang serius. Beliau mengakui sendiri mengenai *natural face* ini. Mungkin didikan di Maktab Tentera menyebabkan beliau kelihatan sombong dan ego.

Manakala Tengku Adnan pula mempunyai kelebihan disegi kewangan. Sekiranya kekayaan menjadi kriteria untuk menjadi Ketua Pemuda, Tengku Adnan paling layak. Kerana kekayaan itu juga menjadikan Tengku Adnan lebih sesuai menjadi taukeh daripada seorang pemimpin parti politik.

Disegi keperibadian serta akal budi Tengku Adnan orang ramai tidak banyak mengetahuinya. Kehidupan beliau sebagai ahli korporat dan *patner* kepada Vincent Tan serta ada pertalian diraja, menyebabkan pergaulannya terbatas dikalangan elit sahaja.

Lantaran itu kalau dibandingkan disegi kesesuaian untuk menjadi pemimpin rakyat (UMNO), ternyata Zahid dan Annuar Musa lebih tepat dan mempunyai banyak kelebihan dan lebih popular berbanding dengan Tengku Adnan.

Secara umum Zahid dilihat mempunyai peluang yang cerah. Kedudukannya sebagai Ketua Penerangan

Pemuda memudahkan beliau menguasai pemuda. Kedudukan ini juga memberi *advantage* kepadanya. Lagipun pemuda dikatakan sudah sepakat untuk memberi laluan kepadanya jika Nazri berundur.

Sementara Annuar menghadapi kesulitan untuk mendekati pemuda. Ini kerana beliau agak terasing dengan pergerakan itu. Annuar tidak banyak bergelumang dalam dunia kepemudaan. Dalam usia yang begitu muda, 29 beliau sudah memikul tanggungjawab memimpin bahagian. Annuar hanya sempat berkecimpung dalam pemuda ketika Anwar Ibrahim menjadi ketua, apabila beliau dilantik duduk dalam beberapa biro. Kalau hendak dibandingkan satu segi Annuar lebih dahulu menyertai pemuda berbanding Zahid.

Sekiranya ketiga mereka benar-benar berentap tahun hadapan, tentu mereka akan menggunakan kelebihan dan senjata yang ada pada diri masing-masing. Tengku Adnan sudah tentu akan menggunakan wang sebagai senjata ampuhnya. Annuar Musa pula tentu akan menjadikan kedudukannya sebagai menteri Pembangunan Luar Bandar sebagai aset utamanya untuk menarik sokongan.

Zahid pula sudah tentu akan menjadikan keperibadiannya serta status sebagai ahli korporat sebagai modal kempennya.

Kesimpulannya agenda pemuda tahun 1996 akan dapat menyaksikan satu persaingan sengit dan hebat. Satu perkara yang tidak dapat dielakkan, pertandingan pemuda 1996 turut sama akan melibatkan kem dan kumpulan tertentu. Yang pastinya nanti akan adalah

*AGENDA 1996*

calon Anwar dan calon Mahathir. Melihat kepada realiti politik hari ini menampakkan Zahid adalah 'calon Anwar' manakala Annuar Musa atau Tengku Adnan calon Dr. Mahathir.

## APA AGENDA SANUSI SELEPAS KALAH?

---

**K**EGAGALAN Datuk Seri Sanusi Junid mempertahankan jawatan Ketua UMNO Bahagian Langkawi pada 29 September, 1995 lalu, disambut dengan pelbagai reaksi dan perasaan. Mereka yang mengagumi Sanusi amat-amat kecewa dengan kekalahan itu. Dr. Mahathir sendiri melahirkan rasa 'kecewanya' dari jauh sewaktu beliau berada di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Berlainan pula dengan mereka yang membenci dan anti Sanusi. Kekalahan itu disambut dengan kenduri kesyukuran! Dengan kekalahan itu mereka berharap akan berakhirnya riwayat politik tokoh rakyat marhain yang tidak pernah mengenal penat dan lelah itu.

Ketika saat-saat Sanusi hendak dikafankan tempoh hari saya berada di Langkawi, mengikut perkembangan kempen terakhir beliau di Grand Continental. Melihat pada hadirin pada malam terakhir itu saya sudah merasa cemas dengan kedudukan Sanusi. Yang hadir pada malam itu lebih kurang separuh daripada

perwakilan seramai 158 orang. Para pengkagum Sanusi sungguh merasa sesak nafas melihat keadaan itu.

Selepas mendengar kata-kata Sanusi yang berbunyi;...*"yang hadir pada malam ini kira-kira 85 orang perwakilan, dan insya-Allah kita akan menang besok..."* baru saya merasa lega. Dapat menarik nafas panjang. Saya tidak merasakan dakwaan itu sebagai gurauan ataupun cakap politik Sanusi pada malam itu. Dalam suasana begitu saya tidak rasa beliau bergurau.

Sewaktu beliau berjalan meninggalkan majlis saya sempat berjabat tangan denganya. Dari raut muka beliau malam itu tidak menampakkan keceriaannya seperti selalu. Hati saya menjadi resah dan 'gobar' semula.

Sesuatu yang menyentuh perasaan dalam ucapannya pada malam itu ialah apabila beliau berkata; *"apakah saya akan kalah besok? Sekiranya saya kalah maka sayalah Mahsuri kedua, tetapi jantan. Dan kalau saya kalah sahabat-sahabat saya dari tanah besar akan membawa balik jenazah saya.."*

Berderau darah saya mendengar kata-kata emotional itu. Dari situ dapat saya menyelami perasaan Sanusi yang sudah merasakan orang Langkawi tidak mahukan kepadanya lagi. Getar suaranya tidak dapat menyembunyikan keresahan jiwanya pada malam itu.

Keesokan harinya selepas Jumaat saya turut sama menghadiri perasmian yang dilakukan beliau sendiri. Pada mulanya Tun Daim dijangka merasmikannya, tetapi tidak jadi. Sekali lagi perasaan saya cemas dan sebak melihat suasana dalam majlis tersebut. Kekalahan Sanusi semakin jelas terbayang. Ini dapat

dikesan apabila reaksi para perwakilan terhadap ucapan Sanusi yang banyak menghentam "Yusuf Kamaruddin" tawar dan hambar saja. Tidak ada tepukan dan gambaran wajah yang marah kepada Yusuf Kamaruddin. Mereka yang menempuk tangan apabila sesekali Sanusi membuat kelakar ataupun meninggikan nada suaranya, tidak sampai separuh.

Saya yang duduk tercorot di belakang, merasa lemah gemulai dan semakin diulik rasa cemas.

Pukul 5.00 petang kekalahan Sanusi sudah dapat diduga apabila beliau bersama isterinya meninggalkan hotel tempat persidangan itu. Menurut seorang penyokong kuatnya Datuk Sanusi ingin balik sembahyang Asar.

Selepas menunaikan solat Maghrib dan jamak dengan Isyak, saya sekali lagi ke hotel tempat persidangan. Saya bersama Daud Ibrahim, Pak Deris dan seorang lagi kawan menaiki taksi. Perjalanan dari tempat penginapan kami ke hotel persidangan itu hanya 10 minit sahaja dirasakan terlalu jauh. Perasaan ingin tahu yang membedal-bedal pintu hati menjauhkan perjalanan kami.

Sebaik sahaja taksi yang kami naiki menghampiri perkarangan hotel tempat persidangan, saya ternampak Mat Yahaya (Naib Ketua Bahagian Wangsa Maju) sedang sibuk menelefon. Dalam pada itu juga tangannya tergua-gai menahan taksi yang kami naiki. Mat Yahaya dan kawan-kawanya ingin pulag ke tempat penginapannya? Melihat gelagak Mat Yahaya, hati saya semakin kencang berdebar.

Sebak taksi berhenti, Daud cepat-cepat turun mendapatkan Mat Yahaya. Melalui cermin saya



nampak muka Daud dan Mat Yahaya sebam sahaja. Sesuatu yang tidak baik sudah berlaku, bisik hati saya.

"*Bagaimana, Daud..?*" tanya saya menghampiri Daud tidak sabar. Mat Yahya dan beberapa orang rakannya sudah memasuki taksi sebaik kami semua turun.

"*Sanusi kalah... 8 undi!*" beritahu Daud antara keluar dengan tidak keluar sahaja suaranya.

"*Aku dah... kata...!*" keluh saya dan menghampiri sekelompok penyokong Sanusi. Dari situ saya dapat tahu yang Sanusi kalah 12 undi. Dengan longlai saya melangkah masuk ke dewan..

Di luar Dewan, Datuk Abu Bakar Taib ditemani oleh Othman Abdul...sedang dikerumini wartawan. Beliau sedang memberi kenyataan akhbar...dan merayakan kemenangan!

Demikianlah Sanusi pada malam kekalahan itu. Ia sungguh melukakan. Suatu kenyataan yang diduga akan terjadi benar-benar terjadi... walaupun semua mereka yang mengkaguminya tidak mahu ianya terjadi. Tetapi seperti kata Sanusi pada malam kempen terakhirnya... "*apa yang bakal terjadi esok Tuhan telah tentukan. Kita hanya ikhtiar sahaja...*"

Apapun kekalahan itu sesuatu yang amat getir buat Sanusi. Satu kekalahan yang memalukan! Beliau bukan tidak pernah kalah sebelum ini. Tahun 1985 beliau kalah dalam pertandingan Naib Presiden. Tahun 1993, juga kalah sebagai Naib Presiden. Tetapi kekalahan itu tidak sepahit kekalahan di Langkawi itu.

Walaupun kalah tahun 1993, tetapi Sanusi boleh merasa menang, kerana perlawanan beliau ketika itu ibarat kata, seorang lawan seribu dengan team wa-

wasan. Tetapi kekalahan di Langkawi ini adalah kekalahan satu sama satu, dimana kekalahannya dengan seorang budak yang sebelum ini menjadi 'lembu tuntunanya.'

Justeru itu kekalahan di Langkawi meninggalkan parut penderitaan, kekecewaan dan kekesalan yang mendalam buat beliau.

Kekalahan beliau di Langkawi, menunjukkan kualiti kepimpinan, ketokohan seseorang tidak laku lagi di zaman ini. Apa yang dinilai berapa banyak seseorang itu dapat hulurkan ke dalam poket, itu lebih penting.

Apa yang Dr. Mahathir katakan sewaktu mengulas kekalahan Sanusi itu adalah benar. Ahli UMNO cetek... kerana tidak dapat membezakan diantara kebaikan dengan keburukan. Tetapi soalnya disini siapa yang mengajar dan meminta agar ahli UMNO berminda cetek?

Kekalahan Sanusi... bukan sahaja meninggalkan parut luka dan kecewa yang mendalam, tetapi ia juga meninggalkan tanda tanya kepada kita, ke mana Sanusi selepas ini? Jika beliau dilantik menjadi MB Kedah selepas perhimpunan ini... bermakna Sanusi ada persinggahan sementara. Beliau boleh aktif dan berpolitik dengan jawatan itu. Tetapi kalau itu tidak menjadi kenyataan... apakah jadi kepada Sanusi?

Sukar untuk kita membaca arah dan juga nasib politik Sanusi. Jika tidak ada pertolongan ajaib daripada Dr. Mahathir, maka terbuanglah Sanusi dari gelanggang politik negara. Tidak mungkin dalam keadaan sekarang beliau dapat berjalan dan berlari sendiri. Negara akan kehilangan seorang tokoh yang

kreatif sebelum sampai masanya beliau patut hilang.

Apakah beliau akan memulakan agenda baru seperti mana yang dibayangkan iaitu menjadi seorang penulis untuk merakam segala suka duka selama berjuang dalam UMNO? Disamping menguruskan perniagaanya? Atau Sanusi akan jadi seperti Tan Sri Musa Hitam yang dilantik menjadi Duta Khas ke Bangsa-Bangsa Bersatu. Ataupun akan jadi seperti Tun Ghafar Baba?

Apabila bercakap pasal Sanusi ini maka teringat saya kepada tulisan saya sebelum ini. Sebelum ini banyak saya memperkatakan tentang politik Sanusi dan masa depannya. Saya sering menyinggung soal ketidak sebuluan beliau dengan Anwar?

Apabila saya membaca kembali ulasan dan sorotan saya terhadap beliau... ternyata banyak yang menjadi kenyataan. Dan sebagai nostalgia di sini saya petikkan satu bab yang khusus mengenai Sanusi dalam buku -'Antara Anwar, Dolah dan Sanusi - TUHAN PILIH SIAPA?' dibawah tajuk 'Seandai Ghafar Mati - Sanusi Paling Merana?'

\*\*\*\*\*

**BAGAIMANA** pula keadaan politik UMNO kalau tiba-tiba Ghafar Baba yang meninggal dunia ataupun berhenti, bukannya Mahathir Mohamad. Macam manakah dengan kedudukan hirarki kepimpinan dalam UMNO. Apakah Anwar Ibrahim terus akan memangku jawatan Timbalan Perdana Menteri. Dan bagaimana pula nasib orang yang bergantung nyawa dengan Ghafar Baba. Bagaimana dengan Sanusi Junid?

Sudah barang tentu kehilangan Ghafar dalam percaturan UMNO hari ini, bagi Sanusi seperti terpadamnya matahari di langit siang atau jatuhnya bulan di malam hari. Wajah politiknya akan suram dan gelap gulita kalau tiba-tiba sesuatu yang tidak diinginkan terjadi kepada Ghafar.

Sanusia tidak bergantung harap kepada sesiapa dalam UMNO kecuali kepada Ghafar Baba. Beliau tidak pernah termimpi mengharapkan Mahathir mengasihinya seperti orang lain mengharap simpati dan menagih ehsan dari Mahathir. Sanusi tidak rapat dengan Datik Siti Hasmah, isteri Mahathir untuk dia mengadu apa-apa keinginannya. Walaupun tidak renggang dengan keluaraga Mahathir, tetapi Sanusi liat untuk ke Seri Perdana, kalau ada apa-apa majlis diresidensi PM itu.

Kenapa begitu sikap Sanusi kita tidak tahu. Dia berlainan dengan menteri lain. Orang lain berlumba untuk ke rumah PM, bercakap-cakap, makan dan bermesra, tetapi dia tidak. Mungkin sifatnya yang tidak suka berfoya, bodek dan ampu menyebabkan dia jarang kelihatan bermesra dengan PM dan keluarganya.

Orang jenis Sanusi ini, orang yang tidak yakin orang lain boleh membantu dirinya. Dia tidak percaya nasib seseorang itu boleh diubah oleh manusia. Dia yakin kepada dirinya sendiri dan Allah. Dia sendirilah yang boleh membantu dirinya.

Pun begitu, realiti dan rasional politik hari ini menampakkkan dia kelihatan agak rapat dengan Ghafar Baba. Seperti diantaranya mempunyai sesuatu yang amat rahsia. Dan keintiman inilah juga menyebabkan orang mendakwa dia menjadi pilihan Ghafar sekiranya

Ghafar naik nanti.

Kita tidak tahu apakah keduanya ada "sesuatu" pakatan? Tetapi kalau melihat kepada sejarah hidup mereka yang hampir sama, menyebabkan kita akan tahu kenapa mereka agak rapat, akrab dan senonim dalam banyak hal. (*Persamaan terbaru mereka ialah kalah dalam pertandingan merebut ketua bahagian*).

Barangkali persamaan sejarah hidup mereka berdua sewaktu kecillah yang memesrakan mereka. Yang menyebabkan mereka tanpa banyak meluahkan janji atau bersumpah, mereka dapat memahami hati masing-masing. Mereka sama-sama menjadi anak yatim sedari kecil lagi, ketika berusia 12 tahun. Masing-masing kehilangan kasih sayang ayah dan mengalami pahit maung dalam kehidupan sejak dari kecil lagi.

Sanusi seperti juga Ghafar, terpaksa berkerja dari kecil lagi untuk diri sendiri dan membantu keluarga. Sanusi pernah berkerja membasuh pinggan mangkuk di sebuah restoran, dan menjual songkok di Pekan Yan, dan seterusnya menjadi *caddy* (pemungut bola golf). Demikian juga Ghafar Baba terpaksa berjuang untuk hidup sedari kecil lagi. Ghafar terpaksa menjual nasi lemak, ais skrim dan kayu api untuk menampung perbelanjaan sekolahnya. Ghafar juga jadi budak pemungut bola golf.

Demikian juga rona-rona perjuangan mereka dalam UMNO. Keduanya naik bukan kerana diangkat oleh sesiapa, tetapi di atas usaha sendiri. Mereka berjaya ke tempat seperti hari ini diatas usaha gigih mereka. Tidak ada sesiapa yang mengendong mereka masuk ke dalam rumah UMNO kemudian diletakkan di atas mana-mana kerusi antik seperti mana yang

berlaku pada Anwar Ibrahim dan Dollah Badawi. Mereka naik dari bawah. Jadi tidak hairanlah kalau kita lihat, komitmen, wawasan dan juga penekanan perjuangan mereka berdua, mengutamakan soal-soal kepentingan rakyat bawahan dari soal-soal global yang lunak.

Mungkin keadaan dan persamaan itulah menyebabkan kedua tokoh UMNO ini nampak seperti akrab dan intim. Dan lebih serius lagi menyebabkan orang ramai beranggapan diantara mereka seperti ada satu ikatan janji yang tersimpul mati untuk saling berkerjasama dan tolong menolong antara satu sama lain demi bangsa dan negara.

Begitulah yang orang nampak. Tetapi apakah hakikatnya begitu? Kita tidak mengetahui sejauh mana keintiman dan kalau pun ada kerjasama sehingga mana mereka akan berkerjasama? Cuma... kalau berpandukan kepada kulit luar, memang diantara keduanya terdapat banyak persamaan, persefahaman dan keserupaan dalam cita-cita perjuangan.

Sungguhpun begitu dari beberapa tindakan politik yang Ghafar lakukan ada menunjukkan dia "ngam" dengan Sanusi. Sewaktu berlakunya pertandingan untuk merebut jawatan Naib Presiden UMNO 1990, Ghafar Baba dikatakan telah menyokong Sanusi dari jauh. Beliau dikatakan telah mengarahkan orang-orangnya agar memastikan kemenangan Sanusi Junid. Dan satu tindakan serius Ghafar dalam hal ini, dengan kuasa yang ada kepadanya sebagai Timbalan Presiden parti beliau telah melarang pegawai tingkat A melibatkan diri dalam politik.

Banyak orang beranggapan arahan Encik Ghafar

itu sebagai hendak menolong Sanusi, dan mengurangkan undi Anwar. Kerana kebanyakan pegawai tingkat A yang terlibat dalam politik terdiri daripada guru sekolah. Sementara guru sekolah pula sudah tentu akan mengundi Anwar Ibrahim?

Bukan setakat itu sahaja untuk menjamin kemenangan Sanusi, katanya beliau setiap hari menghubungi Sanusi untuk mengetahui kedudukan dan peluang Sanusi dalam pertandingan itu.

Mungkin dari sinilah orang bertambah yakin bahawa keduanya begitu erat dan saling bantu membantu. Dan keamatan itu menyebabkan yang beranggapan kalau Encik Ghafar naik menjadi Perdana Menteri dia akan mengambil Sanusi sebagai timbalannya.

Kalau benar segala andaian dan telahan itu, maka hari ini jelas kepada kita, sekiranya Encik Ghafar Baba mati ataupun pamit lebih awal pada UMNO, Sanusi Junidlah orang yang paling kecewa. Sanusi Junidlah orang yang akan merasakan terkilan dan terharu dengan kehilangan, ataupun kematian Encik Ghafar Baba.

Kerana sudah pasti kalau Encik Ghafar tiada, harapannya untuk menjadi Timbalan Perdana Menteri adalah tipis sekali. Pada adatnya kehilangan Encik Ghafar Baba nanti, adalah kehilangan jawatan lumayan itu bagi Sanusi.

Mungkin kerana itu Sanusi kini disamping sedang mendoakan kesejahteraan dirinya, turut mendoakan kesejahteraan diri Babuji Ghafar Baba agar 'gasing' itu terus berpusing dan sentiasa tegak diatas paksinya!

Disini apa yang menarik dan elok kalau kita sama-sama fikirkan, tentang nasib Sanusi selepas kehilangan

Ghafar nanti. Apakah Sanusi akan terus berhenti? Rasanya tidak begitu, kerana tindakan itu bodoh. Bukankah Sanusi Junid sendiri pernah mengatakan dia hanya mempercayai kepada Tuhan daripada manusia?

Kehilangan Ghafar bukan sahaja menyebabkan jiwa Sanusi muram dan sedih. Tetapi lorong-lorong politiknya dalam UMNO juga turut menjadi gelap dan sempit. Apa lagi kalau dia bercita-cita untuk menjadi TPM, cita-cita itu akan tinggal cita-cita sahaja. *(Hakikat ini sudah nampak jelas apabila baru-baru ini Datuk Seri Sanusi gagal untuk mempertahankan jawatan Ketua UMNO Bahagian Langkawi).*

Seperti dikatakan tadi, ketiadaan Ghafar... sebaliknya membawa berkat kepada Anwar. Bila Anwar sudah naik di atas, maka Sanusi tidak mungkin akan berada di bawah Anwar. Mungkin Dollah Badawi boleh berbuat demikian, tetapi tidak bagi manusia Sanusi ini. Ada sesuatu yang melucukan kalau Sanusi berada di bawah Anwar, apa lagi kalau menjadi orang ketiga. Kelucuan ini tidak mungkin dapat diterima oleh Sanusi walaupun dia seorang *humorist!* *(Langkah Sanusi bertanding di DUN Kuah ialah untuk mengelakkan daripada berada di bawah Anwar. Dengan "lari" ke Langkawi sekurang-kurangnya beliau sempat menghindarkan daripada kerap berjumpa dengan Anwar di parlimen dan mesyuarat kabinet).*

Lainlah kalau dia berada ditempat kedua selepas Anwar, iaitu jawatan Timbalan Perdana Menteri. Keadaanya lain sedikit meskipun Sanusi berat untuk menerimanya, alasan sebagai kompromi dan demi perpaduan Melayu dia dapat menerimanya, kerana jawatan itu akan menghampirkan dia kepada takhta



singgahsana impian kalbu.

Tapi adakah kemungkinan Anwar akan mengambil Sanusi. Bersediakan untuk Anwar memaafkan kesalahan dan dosa-dosa Sanusi kepadanya? Sejak tahun 1974 Anwar sudah terkilan dengan Sanusi. Anwar marah di atas sikap Sanusi yang dikatakan hipokrit kepadanya. Ceritanya begini;

Dalam tahun 1974 Anwar dan kawan-kawannya terlibat dengan demonstrasi membela rakyat miskin. Rakan Anwar telah ditahan oleh polis. Anwar yang baru balik dari Indonesia terus berjumpa dengan Sanusi. Mahu minta tolong agar Sanusi berusaha membebaskan rakan-rakannya itu. Masa itu Sanusi dikira dapat berbuat demikian kerana beliau seorang ahli parlimen (Jerai).

Sanusi bersetuju. Dia membawa Anwar ke balai Polis Jalan Bandar untuk menguruskan penahanan rakannya itu. Sesampai di balai polis Jalan Badar, lain pula jadinya, Anwar telah ditahan oleh polis di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA). Kejadian ini dikatakan sungguh mengejutkan dan mengilankan kawan-kawan Anwar. Kawan-kawan seperjuangan Anwar yang sudah tidak secocok dengan Sanusi telah membuat fitnah kononnya Sanusi main kayu tiga. Yang anehnya, Anwar juga termakan dengan dakwaan dan fitnah itu.

Bermula di sinilah menyebabkan Anwar tidak mempercayai Sanusi. Dia terkilan dengan sikap Sanusi. Dan api sengketa ini semakin hari semakin marak dan menyala bila kedua-dua pihak hari ini saling mengatasi dan berlumba diantara satu sama lain untuk berkuasa sejak dari dalam ABIM lagi.

Pihak Sanusi Junid katanya ada balada tersendiri kenapa ia terkilan dengan Anwar. Cerita ini telah acap kali didendangkan. Dalam buku *Anwar Ibrahim: Mimpi & Realiti* pun saya telah dendangkan.

Kesimpulannya kedua orang ini payah untuk berbaik. Walaupun mereka menjadi khazanah negara kata Zakry Abadi (Allahyarham) yang sangat berguna, namun khazanah ini tidak akan dapat berkerjasama diantara satu sama lain. Masing-masing tetap akan berdendam dan saling curiga mencurigai diantara satu sama lain. Lainlah kalau Mahathir tegas dan sanggup untuk memanggil keduanya agar berbaik dan bekerjasama, mungkin dapat. Yang saya nampak ialah Mahathir patut serahkan jawatan PM dan TPM kepada mereka. Pastikan hanya merekalah yang akan mewarisi takhta kekuasaan UMNO pada masa akan datang!

Selagi mereka tidak didamaikan, maka selama itulah mereka akan berbalah. Dan perbalahan mereka boleh menimbulkan kesan yang tidak baik dalam UMNO. Perbalahan mereka boleh menyebabkan UMNO huru-hara. Kerana masing-masing ada bala tentera yang sanggup berkorban nyawa.

Misalnya selepas Ghafar Baba, Anwar naik, Sanusi sama sekali tidak akan duduk diam. Dia akan bertindak dan melakukan sesuatu. Satu-satu cara dengan membina kekuatan melawan Anwar dalam perhimpunan Agung UMNO. Takdir Anwar jadi TPM pada tahun ini, dalam tahun 1993 sudah pasti Sanusi akan tentang Anwar. (*Ramalan ini kini sudah hampir menjadi kenyataan. Sanusi dikatakan telah pun membentuk pasukan untuk melawan Anwar Ibrahim.*)

*Tun Daim Zainuddin dan Datuk Najib Tun Razak dikatakan regu terbaru Sanusi selepas Tun Ghafar kalah?).*

Dia akan mencari regunya untuk menggoncangkan kedudukan Anwar. Kalau Dollah tidak mahu ikut bersamanya, sesuatu yang diluar dugaan boleh dilakukan oleh Sanusi. Dia ni terkenal dengan tokoh yang serba boleh dan radikal. Dia boleh melakukan apa yang orang tidak fikir, ataupun mentiadakan apa yang orang sedang fikirkan.

Sanusi boleh memanggil Tengku Razaleigh Hamzah untuk bersamanya. Perkara ini tidak mustahil dalam politik. Dia berpakat dengan Ku Li. Untuk itu dia terlebih dahulu akan usahakan agar Ku Li masuk UMNO. Ataupun jika Ku Li enggan masuk kerana Mahathir masih ada ataupun kerana sebab-sebab lain, Sanusi boleh minta orang-orang Ku Li dalam UMNO menyebelahnya dengan syarat-syarat tertentu.

Rasanya kalau idea dan *palanning* ini dikemukakan Ku Li tidak keberatan untuk menerimanya. Ku Li juga pasti mahu melihat karier politik Anwar musnah. Ku Li tentu ada alasan sendiri nanti kenapa dia harus sokong Sanusi, walaupun secara moral. (*Menjelang pilihanraya umum lalu ... (1995) terdengar desas desus kononnya Sanusi ada berjumpa dengan Ku Li. Perjumpaan yang dibuat dalam kapal terbang itu dikatakan masih menjadi tanda tanya hingga kini?.*)(*Rumour terbaru mengatakan Ku Li akan mengganti tempat Anwar sebagai Timbalan Perdana Menteri. Bagaimana teori dan formula ini berkembang masih kabur*).

Ku Li boleh menolong Sanusi. Dia boleh meng-

gunakan pengaruhnya untuk mempengaruhi golongan veteran dalam UMNO supaya berpihak kepada Sanusi Junid. Peratus golongan veteran, yang seangkatan dengan Tengku Razaleigh masih ramai dalam UMNO.

Kalau ini berlaku kedudukan Anwar boleh goyah. Kalau pun dia tidak terus kalah, tentu undi yang akan diperolehi nanti tidaklah sebanyak jumlah undi sebelum ini.

Takdirilah bayangan ini menjadi kenyataan, pertarungan Sanusi - Anwar, maka ini pertandingan terakhir bagi Sanusi. Pertandingan bagi menentukan nasib hidup dan matinya dalam politik UMNO. Seandainya dia kalah, dia akan menjadi debu yang berterbangan. Sebaliknya kalau dia menang dia akan jadi arang yang akan menanti masa juga untuk patah dan hancur. Lainlah kalau kemenangan itu dapat diterima oleh Anwar?

Demikianlah kemungkinan yang akan berlaku sekiranya Encik (Tun) Ghafar tiada dalam UMNO nanti. Nasib Sanusi menjadi begitu buruk sekali. Dalam erti kata lain, ketiadaan Encik Ghafar Baba, akan mengerhanakan masa depan politik Sanusi Junid, yang tempiasnya juga akan turut mengelabukan perjalanan politik Yusuf Nor, Mohamad Rahmat, Dollah Badawi, Rafidah Aziz dan beberapa orang lagi termasuk anaknya sendiri Tamrin bin Ghafar.

Dan ketiadaan Ghafar juga nanti akan membuktikan apakah Sanusi seorang politikus tulen ataupun tidak. Sekiranya selepas Ghafar dia masih wujud seperti hari ini, terus menaburkan bakti kepada nusa dan bangsa tanpa mempedulikan apa tohmahan orang kepadanya, maka terbuktiilah Sanusi Junid adalah

*AGENDA 1996*

“Pejuang Rakyat” yang unik dan bukan gila kuasa  
untuk meyenangkan diri dan kaum keluarganya!

## CALON NAIB PRESIDEN 1996

---

**P**ERGOLAKAN dalam UMNO hari ini akan menyebabkan pertandingan jawatan Naib Presiden turut sama menjadi hangat. Secara automatik perebutan tiga jawatan Naib Presiden akan menjadi satu agenda yang maha penting.

Lagipun dalam sejarah UMNO tidak pernah mencatatkan jawatan itu dimenangi tanpa bertanding. Ianya dipertandingkan apabila setiap kali UMNO mengadakan pemilihan pucuk pimpinan. Berpandukan kepada sejarah itu maka dalam perhimpunan tahun depan, pasti kedudukan tiga Naib Presiden sekarang akan dicabar. Tidak mungkin mereka akan diberikan kemenangan secara percuma!

Dari dahulu lagi jawatan itu dipertandingkan dan menjadi perebutan hangat. Ada ketikanya ia merupakan klimek dalam perhimpunan UMNO apabila tidak ada pertandingan untuk jawatan Timbalan Presiden dan Presiden. Dalam pemilihan tahun 1993 misalnya pertandingan Naib Presiden menjadi perhatian apabila

tidak ada pertandingan diperingkat Presiden dan Timbalannya. Dalam erti kata lain jawatan Naib Presiden tidak menjadi tradisi yang tidak dilawan, sebaliknya menjadi tradisi dipertandingkan.

Kenapa jawatan itu menjadi rebutan sengit, kerana jawatan itu penting. Sesiapa yang menduduki dikerusi itu dikira tokoh ketiga selepas Timbalan Presiden dan Presiden. Mereka yang duduk di kerusi itu dianggap bakal menjadi Timbalan dan Presiden pada masa-masa akan datang.

Bagaimana pun tidak semua mereka yang menjadi Naib Presiden bintangnya cerah dan bersinar. Sudah ramai naib presiden kecewa dan terpaksa 'mati' beragama. Ada sesetengahnya hanya sepenggal sahaja menjadi Naib Presiden, lepas itu jatuh tergolek macam angka busuk.

Tengku Razaleigh Hamzah, Tengku Ahmad Ritahuddeen Tengku Ismail, adalah antara mereka yang pernah menjadi naib presiden. Mereka adalah diantara tokoh yang dikira berwibawa untuk menjadi Timbalan Presiden. Tetapi nasib tidak menyebelahi mereka.

Tengku Razaleigh yang mencatat sejarah sebagai naib presiden termuda, dalam usia 35 dan menjadi Naib Presiden hampir 10 tahun, kemudian terpaksa turun apabila Dr. Mahathir menjadi Presiden. Dr. Mahathir menyekat perjalanan politiknya apabila merestui Datuk Musa Hitam agar merebut jawatan Timbalan Presiden pada tahun 1981 yang secara lisannya sudah menjadi milik Ku Li. Tengku Ahmad Ritahuddeen juga terpaksa akur dengan gelombang perdana dalam UMNO dan akhirnya terpaksa berundur dengan terhormat. Jawatan itu merupakan jawatan

tertinggi baginya.

Selain mereka, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, Datuk Seri Sanusi Junid, Datuk Abdullah Ahmad Badawi... pernah menjadi Naib Presiden. Pak Lah berjaya mengekalkan jawatan itu selama dua penggal. Wan Mokhtar dikira Naib Presiden bertitle ulama paling lama, dan akhirnya terpaksa juga tunduk kepada ketuaan dan kelemahan dirinya sendiri, apabila tersingkir dalam tahun 1990. Dan Sanusi pula hanya sempat sepenggal sahaja menjadi Naib Presiden, kemudian kedudukannya 'disenjah' turun oleh pasukan wawasan.

Jawatan Naib Presiden satu jawatan yang sungguh mencabar. Kerusinya sentiasa panas dan diidamkan oleh sesiapa yang merasakan dirinya popular dan banyak pengaruh. Ini kerana kedudukan itu dikira 50 - 50 untuk seseorang itu mara menduduki jawatan nombor dua. Jawatan ini juga menjadi penentu kepada seseorang itu sama ada akan terus naik ataupun turun dalam politik!

Bagaimana dengan pemilihan tahun hadapan - 1996? Macam mana dengan kedudukan tiga Naib Presiden yang ada sekarang; Tan Sri Muhyiddin Yasin, Tan Seri Muhammad Taib dan Datuk Najib Tun Razak? Mereka ini adalah tiga sekawan yang memiliki kerusi-kerusi tersebut apabila menang serentak menerusi pasukan wawasan. Bagi Muhyiddin kemenangan itu dicapai setelah percubaannya tahun 1990 gagal. Manakala bagi Mat Taib dan Najib kemenangan itu adalah hasil percubaan pertama mereka.

Tahun 1993 lalu mereka bertiga telah menyingkir



Pak Lah dan Sanusi serta memenuhi satu kekosongan yang ditinggalkan Anwar apabila peminat lagu Hindi itu bertanding Timbalan Presiden.

Pertandingan tahun 1993 sungguh sengit dan dramatik. Ia juga dianggap pertandingan berat sebelah. Pertandingan yang sungguh tidak adil. Dimana Pak Lah dan Sanusi terpaksa mempertahankan jawatan mereka dengan serba kekurangan dan dalam keadaan Pak Lah dan Sanusi hanya bermodalkan air liur dan kewibawaan mereka sebagai pemimpin.

Manakala mereka bertiga itu menyerang secara berpasukan dengan menggunakan pelbagai senjata dan taburan wang ringgit yang sungguh dasyat. Dengan mengadakan *road show* demi *road show* ke seluruh negara.

Pemilihan tahun depan menarik untuk dinilai ekoran pasukan wawasan kini sudah tidak ada lagi. Pasukan yang dibentuk untuk menghancurkan tokoh-tokoh nasionalis dan berprinsip telah hancur berkecai. Pasukan itu telah pecah dan para jeneralnya dikatakan membawa haluan masing-masing. Ada yang ditinggalkan terkontang kantung seorang diri, dan ada yang merintih menghitung hari-hari terakhir dalam politik.

Pertandingan tahun depan tidak secara berpasukan lagi. Setiap mereka yang bertanding akan mempertaruhkan ketokohan mereka sendiri. Pertandingan tahun depan ialah secara gentelmen. Dengan adanya kod etika dan larangan politik wang, para calon tidak dapat lagi membeli undi? Kekayaan dan kemewahan hidup seseorang tokoh tidak menjadi ukuran lagi. Sesiapa yang mempunyai kekuatan sejati, maka orang

itulah akan menang.

Jesteru itulah pertandingan tahun hadapan sungguh mencabar. Bagi mereka yang bertanding dengan menumpang tuah orang sebelum ini dan bergantung kepada longgokan wang dan taburan janji-janji projek mewah, benar-benar akan teruji. Pertandingan tahun menentukan siapa yang berwibawa dan tidak. Siapa yang layak menjadi pemimpin ataupun tidak. Pertandingan tahun depan benar-benar akan menguji pengaruh masing-masing.

Macam mana dengan nasib pemilik kerusi-kerusi tersebut? Kini sudah terdengar desas desus mengatakan ada diantara Naib Presiden yang sudah seram sejuk. Mula diserang demam panas takut jawatan mereka melayang. Mereka dikatakan sudah mencari pelbagai penawar dan bomoh untuk memastikan kedudukan mereka kekal. Tetapi satu perkara yang pasti terjadi ialah, tidak mungkin ketiga mereka akan kekal. Sekurang-kurangnya salah seorang daripada mereka akan hanyut!

Siapakah agaknya diantara tiga Naib Presiden itu bakal hanyut? Menurut para pemerhati mereka yang akan hanyut ialah sama ada Mat Taib ataupun Muhyiddin. Najib pula diramalkan dapat mempertahankan kedudukannya dengan mudah? Mereka mengirakan, Najib tidak akan tenggelam tahun hadapan? Bintang Najib terus bersinar dan gemilang.

Andaian ini mungkin berpandukan kepada populariti ketiga tokoh itu. Ianya diukur kepada pengaruh mereka didalam UMNO. Ternyata Najib memang popular berbanding dengan Mat Taib dan Muhyiddin. Apa yang menyebabkan Najib seperti menguasai

'padang' ialah kerana posisinya. Kedudukannya sebagai Menteri Pendidikan menyebabkan Najib lebih terkenal. Kalau diibaratkan pasukan bola sepak, Najib adalah *striker*... manakala Muhyiddin dan Mat Taib sebagai pemain sayap (*wing*).

Misalnya sebagai menteri besar, Mat Taib tidak banyak turun padang. Kerana itu pergerakan Mat Taib dilihat sebagai terbatas. Lagipun Mat Taib seperti tidak ada kerja dalam UMNO. Ia tidak diberi kerja seperti Najib yang dilantik menjadi Pengerusi jawatankuasa tambah keahliah UMNO.

Begitu juga dengan Muhyiddin... posisi beliau sebagai Menteri Belia dan Sukan menyebabkan beliau tidak terkenal. Kementerian itu tidak berjaya mempopularkan Muhyiddin. Malah satu segi kementerian itu menyebabkan prestasi Muhyiddin merosot apabila ianya dianggap sebagai kementerian budak-budak *rock*.

Selain itu ada anggapan Najib sebagai anak emas baru Dr. Mahathir juga menyebabkan beliau terkenal. Media massa telah memberi liputan yang lebih kepadanya dan itulah sebab beliau dilihat sebagai *famous*. Dr. Mahathir dikatakan akhir-akhir ini banyak memberi ruang dan menonjolkan Najib. Perlantikan Najib menjadi menteri pendidikan, dilihat untuk menonjolkan Najib. Bagi Dr. Mahathir pula penonjolan itu ada motif disebaliknya! Kenapa Mahathir berbuat begitu, almaklumlah....

Tetapi soalnya kini apakah keisitmewaan dan populariti Najib itu akan menjadi kriteria dan ukuran dalam pemilihan nanti. Apakah perwakilan akan mengambil kira segala itu untuk memilih Najib? Apakah syarat-syarat dan asas-asas lain seperti, akhlak,

keperibadian, prinsip, latar belakang budaya dan pendidikan dan komitmen kepada agama dilupakan begitu sahaja?

Populariti Najib itu memang tidak terlawan oleh Tan Sri Muhyiddin. Walaupun dalam pertandingan tahun 1993, Muhyiddin mendapat undi terbanyak, (1,413) tetapi bekas MB Johor itu tidak terkejar Najib. Dengan undi terbanyak itu sepatutnya Muhyiddin dapat meletakkan dirinya sebagai Naib Presiden paling popular. Lagipun pada asasnya Muhyiddin mempunyai aset yang cukup baik berbanding Najib dan Muhammad Taib.

Aset yang ada kepada Muhyiddin ialah mengenai personaliti beliau. Beliau pemimpin yang ada asas pendidikan Islam. Bapanya seorang ulama disegani di Johor. Setakat ini Muhyiddin juga tidak dilaporkan terlibat dengan sebarang skandal dan penyelewengan. Dirinya dikira masih bersih. Itulah juga sebabnya mengapa Muhyiddin mendapat undi terbanyak walaupun pencalonan yang diterimanya kurang berbanding Najib dan Mat Taib. Tetapi kelebihan itu tidak pandai diambil oleh Muhyiddin. Masalah kurang senyum mungkin menjadi penyebab!

Perpindahan Muhyiddin dari Johor ke Kuala Lumpur sedikit sebanyak menjejaskan kedudukannya. Perpindahan itu merupakan cabaran baru kepadanya. Walaupun sebelum ini beliau pernah berkhidmat di pusat sebagai Timbalan Menteri, tetapi pengalaman itu tidak banyak membantu Muhyiddin. Perlantikan beliau ke Kementerian Belia dan Sukan juga menyebabkan prestasinya agak lembab.

Sehingga ini tidak ada apa yang dilakukan Muh-

yiddin di kementerian itu. Tidak ada agenda besar yang dibentangkan. Hanya yang beliau cuba lakukan ialah memperbetulkan program rakan muda yang ditinggalkan oleh Gahni Othman. Muhyiddin cuba memperbetulkan program itu yang banyak unsur-unsur negatif.

Sepatutnya Muhyiddin tidak hanya memperbetulkan kepincangan program tersebut. Sebaliknya beliau harus mempunyai perancangan tersendiri. Muhyiddin kena kemukakan idea sendiri untuk memajukan para belia menjadi masyarakat *madani* seperti mana yang dikehendaki Anwar. Selari dengan kedudukan negara kita menjadi pemacu kebangkitan Islam, elok benar kalau Muhyiddin mengemukakan satu agenda mereformasikan prinsip, sikap dan budaya para para belia kita. Pendekatan secara Islam untuk menangani belia juga patut dititik beratkan.

Muhammad Taib walaupun dikatakan mengalami nasib sama, tetapi beliau mempunyai sedikit kelebihan berbanding dengan Muhyiddin. Orang tidak akan kata Mat Taib lemah, kerana kedudukan beliau sebagai Menteri Besar. Sekiranya UMNO ingin mengekalkan status quo... mahu seorang menteri besar menjadi Naib Presiden, maka Muhammad Taib di kira lebih selamat berbanding dengan Muhyiddin.

Seperti dikatakan tadi pertandingan merebut jawatan Naib Presiden tahun hadapan hangat. Sudah tentu *incumbent* akan mempertahankan kedudukan mereka habis-habisan. Sehingga kini ada beberapa nama yang disebut-sebut akan beradu nasib di jawatan itu. Sesuatu yang menarik perhatian ialah, khabarnya Datuk Abdullah Ahmad Badawi akan kembali mencuba merampas

balik tempatnya itu. Kehadiran Pak Lah ... dikira sudah tentu akan mencabar kedudukan salah seorang *incumbent*.

Kalau Pak Lah masuk, peluang beliau kali ini dikira cerah. Dalam situasi team wawasan sudah pecah dan ketokohan peribadi yang menjadi perhitungan, Pak Lah dapat menarik perhatian. Perubahan mood dan kondisi pertandingan memberi kelebihan kepada anak ulama itu. Apa lagi kalau Pak Lah diajak masuk dalam jemaah *Anwariyah*... maka peluang Pak Lah semakin bertambah cerah.

Apabila soal kewibawaan dan personaliti menjadi ukuran, Pak Lah mempunyai banyak kelebihan. Apa lagi dalam kekemelutan dan gelombang golongan muda yang ghairah hari ini, kehadiran Pak Lah sangat-sangat diperlukan untuk menjadi pendamai. Dengan personaliti dan akhlak yang mulia, serta pendekatan politik yang *tawadduk*, Pak Lah dikira dapat meredakan keadaan. Pak Lah boleh menjadi biduk di tengah-tengah kiambang. Dapat meredakan sedikit ketangangan dalam UMNO dewasa ini. Kemasukan Pak Lah sudah tentu beliau dapat mengembalikan semula semangat patriotik yang dikatakan sudah terhakis dalam diri ahli UMNO.

Selain itu Tan Sri Mohd Isa Samad juga dikatakan berminat untuk bertanding Naib Presiden. Beliau yang tewas tipis kepada Tan Seri Rahim Tamby Chik dalam pertandingan merebut kerusi Ketua Pemuda tidak lagi berminat untuk mencuba jawatan itu sekali lagi.

Kehadiran Isa juga tidak boleh dipandang ringan. Sekiranya akhlak dan latar belakang pendidikan di ambil kira, Isa mempunyai rputasi yang baik. Walau-

pun Isa tidak cemerlang dalam pentadbiran, tetapi keperibadian Isa amat sesuai untuk menjadi pemimpin di era kebangkitan Islam. Isa adalah diantara Menteri Besar yang terbersih daripada sebarang skandal dan maksiat. Tidak pernah terdengar beliau terlibat dengan apa-apa penyelewengan di negerinya. Politik Negeri Sembilan adalah paling tenang.

Setakat ini Isa masih belum membuat apa-apa kenyataan. Beliau sedang memerhati, *post* manakah yang hendak ditandingi. Ada juga desas desus mengatakan beliau akan merebut jawatan Ketua Pemuda sekali lagi, sekiranya Zahid tidak bertanding!

Seorang lagi menteri besar, yang berminat untuk mencabar Naib Presiden ialah Tan Sri Ramli Ngah Talib. Katanya Ramli sudah pun bersiap sedia awal-awal lagi. Ramli pernah tewas dalam percubaan pertamanya.

Antara persiapan yang dikatakan sedang dilakukan, seorang *proxinya* telah membeli sebuah majalah berita yang hidup segan mati tidak mahu untuk mempromoknya. Majalah itu akan digunakan sepenuhnya untuk 'menjual' Ramli.

Menteri Pertahanan Datuk Syed Hamid Albar juga dikatakan ingin mencuba nasib bertanding Naib Presiden. Beliau yang dianggap orang kepercayaan Dr. Mahathir akan menyertai pakej Najib Tun Razak. Syed Hamid terliur barang kali kerana merasakan dirinya tidak ada apa-apa masalah untuk bertanding.

Jika Syed Hamid benar masuk kali ini harapannya dikira tipis. Siang-siang lagi anak singa UMNO itu akan kecundang. Selain beliau terpaksa bersaing dengan Muhyiddin - sama-sama dari Johor, sikap dan

kelonggaran prinsip dirinya juga menjadikan peluangnya kabur. Penarikan dirinya daripada bertanding Ketua Pemuda disaat akhir, pada tahun 1993, menyebabkan beliau kehilangan banyak penyokong. Orang sudah tidak yakin dengan Syed Hamid yang tidak ada prinsip serta lebih menjaga kepentingan dan kedudukannya daripada mengambil kira perasaan orang lain, khususnya para penyokongnya.

Selain itu sikap kedekutnya sering kali disebut boleh menghalangnya mencapai kejayaan. Banyak para pegawainya yang selama ini bertungkus lumus menggilap politiknya sudah berjauhan dengannya dan berhenti. Sikap tidak menghormati pengorbanan orang lain adalah menjadi punca kenapa mereka meninggalkan Syed Hamid. Syed Hamid juga dikatakan ego dan tidak yakin orang lain boleh membantu kemenangannya. Beliau pernah menulis surat kepada seorang kawannya... mengatakan beliau tidak memerlukan pertolongan sesiapa kerana beliau sudah ada Tuhan.

Seandainya semua tokoh yang disebut-sebutkan itu bertanding, bermakna pertandingan Naib Peresiden tahun depan melibatkan empat penentang dan tiga yang mempertahankan kedudukan. Penentang itu ialah Mohd Isa, Syed Hamid, Abdullah Ahmad Badawi dan Ramli Ngah Talib.

Bagaimana pun masih terlalu awal untuk diramalkan apakah keempat tokoh itu akan bertanding ataupun akan ada lagi calon-calon lain. Apa lagi mereka semua masih belum membuat pengumuman. Dalam masa sebulan dua ini tentu mereka sedang membuat perhitung rapi sama ada untuk bertanding ataupun



tidak, khususnya Mohd Isa, Ramli Talib dan Syed Hamid. Pak Lah dikira sudah hampir pasti akan bertanding memandangkan ramai permintaan agar beliau berbuat demikian.

Apabila dihitung peluang mereka yang bakal-bakal bertanding itu, kita sudah dapat membayangkan siapa yang akan menang dan kalah. Dikalangan pemegang jawatan sekarang, (*incumbent*) Najib sudah tentu akan menang dengan mudah. Banyak faktor menyokong Najib. Bayangan Dr. Mahathir yang dikatakan melingkarinya, menjadi penyebab utama.

Muhyiddin... juga mempunyai peluang. Sekiranya soal-soal keperibadian, ketokohan serta diri seseorang pemimpin yang menjadi kriteria utama. Pelung untuk beliau mengekalkan kedudukannya lebih cerah berbanding dengan Muhammad Taib. Cuma yang menjadi tanda tanya apakah beliau mampu meraih undi terbanyak ataupun tidak? Memandangkan kepada sikap dan perwatakan Muhyiddin yang tidak banyak berubah, maka sukar untuk Muhyiddin mendapat undi terbanyak. Apa lagi pertandingan tahun depan benar-benar bergantung kepada kewibawaan dan personaliti seseorang.

Bagi Mat Taib percapaiannya semakin merosot. Popularitinya juga semakin menurun. Ketokohan Mat Taib sebagai pemimpin peringkat nasional tidak menyerlah. Beliau dianggap sebagai *local material*. Untuk memimpin Selangor... iya... tetapi untuk Malaysia Mat Taib nampaknya sedikit kekok. Tidak ada gagasan dan idea besar yang dibentangkan oleh beliau, melainkan mengenai pentafsiran Melayu Baru... itu pun ditafsirkan oleh penulis upahannya.

Sebelum ini pun beliau tidak mempunyai apa-apa keisitimewaan. Orang kenal Mat Taib bukan kerana kehebatan beliau membangun Selangor, tetapi kerana beliau berjaya membawa lari puteri sultan Selangor Tengku Puteri Zahariah berkahwin di Takbai, Thailand.

Kemajuan yang dicapai oleh Selangor bukan sangat kerana wibawa Mat Taib, tetapi kerana kebetulan Selangor berada sebelah dengan Kuala Lumpur. Pembangunan yang pesat di Kuala Lumpur telah melimpah ke Selangor. Jadi Mat Taib hanya tumpang semangkuk!

Berdasarkan itu untuk Mat Taib mengekalkan kedudukannya tipis sekali. Apa lagi kalau pemilihan tahun depan benar menjadikan soal moral, personaliti dan prinsip sebagai ukuran utama, maka Mat Taib terpaksa mengaku kalah awal-awal lagi. Masih banyak perkara-perkara yang bergelumang disekeliling Mat Taib yang belum diselesaikan. Tuntutan mutuah oleh Ku Yah ke atasnya pun masih belum diberes lagi?

Dikalangan pencabar pula hanya Pak Lah dirasakan dapat menembusi sisa kubu pasukan wawasan. Syed Hamid dan Ramli Ngah Talib dikira hanya boleh meletihkan badan sahaja. Demikianlah senario pertandingan Naib Presiden tahun hadapan. Yang pastinya mana-mana calon yang menawarkan diri untuk bertanding tidak akan dapat mengelakkan diri daripada melibatkan dengan kem tertentu. Sungguhpun tahun hadapan pertandingan secara berpasukan tidak lagi berlaku, tetapi kem dan kumpulan masih wujud.

Najib Tun Razak, Syed Hamid dan Abdullah

*AGENDA 1996*

Badawi sudah tentu akan dikaitkan dengan kem Dr. Mahathir. Manakala Muhyiddin, Ramli Ngah Talib, Muhammad Taib ataupun Mat Isa, akan dikaitkan dengan Anwar Ibrahim.

## HIKAYAT PERBALAHAN MAHATHIR - ANWAR

---

**DALAM** politik banyak perkara yang terbalik - penafian terhadap sesuatu perkhabaran dianggap sebagai satu pengesahan. Penafian belum tentu boleh mematikan sesuatu perkhabaran! Ada kalanya, makin banyak penafian dibuat, lagi teballah anggapan orang terhadap sesuatu berita itu. Penafian tidak membawa banyak kebaikan dalam dunia politik. Sebaliknya penafian boleh meluaskan lagi sesuatu perkara. Kalau diibaratkan kepada kain yang mula caritnya sedikit, setelah dibuat penafian, carit itu akan menjadi lebih luas.

Lantaran itu dalam politik mendingankan diri lebih baik daripada bercakap, apa lagi kalau terlalu banyak cakap, seperti Sanusi Junid boleh merosakan diri. Tetapi kalau terlalu pendiam sangat seperti Yusuf Noor pun tidak baik juga. Lama-lama ghaib begitu saja.

Tegasnya penafian tidak boleh membunuh sesuatu spekulasi itu, sebaliknya kalau tidak kena gaya ia menambahsuburkan lagi spekulasi itu.

Demikian dengan kerenggangan ataupun perselisihan faham diantara Dr. Mahathir dengan Anwar Ibrahim. Telah banyak penafian dibuat, tetapi ia tidak bisa mengambuskan tanggapan umum, yang mereka benar-benar berkrisis. Malahan kini perselisihan faham itu sudah menjadi satu agenda yang diperdebatkan di merata tempat, dari tempat-tempat eksklusif di *conference room* korporat hinggalah di kedai-kedai kopi di tepi jalan. Dari kalangan ahli UMNO hinggalah kepada ketua bahagian dan ahli majlis tertinggi. Daripada parti Melayu Islam - Pas sampailah kepada parti *chauvinis* China - DAP.

Orang kampung saya juga tidak terlepas daripada isu itu. Suatu hari ketika saya balik kampung dan masuk ke dalam sebuah kedai kopi, salah seorang pengunjung tetap kedai kopi itu melontarkan persoalan itu kepada saya;

*"Aa... orang Mahathir, bila balik. Lagu mana dengan Mahathir dan Nwar. Benar ke demo dua itu balah?" (Orang kampung saya anggap saya orang Dr. Mahathir sebab saya duduk di Kuala Lumpur).*

*Tercengang saya mendengar pertanyaan itu. Tak sangka isu sudah masuk kampung. Saya ingat hanya dikalangan orang bandar sahaja memperkatakan masalah Anwar dan Mahathir.*

*"Pak Chu tau... mana. Dia dua tu balah?" saya memulangkan pertanyaan kepadanya (Namanya Pak Chu Che Amat) sambil tarik kerusi dan duduk selepas bersalam dengan semua yang ada dalam kedai.*

"Ah... tak sah tusuklah. Bakal gajah tak leh nak tusuk dengan daun atap. Kita dah rasa orang dua ni tak tahan lama. Yak... dulu lagi kita dah nampak.... tak dan boleh anak tiga, mereka akan cerai..." Pak Chu tersenyum sambil mengunyah kuih cek mek ubi setelor. Mereka yang lain yang terlompong mendengar celoteh Pak Chu ketawa berderai. Saya hanya tersenyum.

"Orang muda dengan orang tua tak sama. Mahathir orang tua... Nwar orang muda. Mestilah balah. Mahathir nak pesen ni, Anwar nak pasen ni. Macam orang muda kahwin dengan tua. Orang tua nak cara tua, orang muda nak cara muda. Jadi bila dua-dua keras, maka lama-lama ba'lahlah..." kata Pak Chu lagi sambut dengan derai ketawa. Mereka faham benar dengan istilah yang Pak Chu pakai itu.

"Dak.. eh... cerita gat sikit lagu mana mereka dua tu. Gomol sungguh ke? Orang Kala Lumpo tentu lebih arif", rayu Pak Chu bila tengok saya membisu.

"Tak tahu amba, kalau Pak Chu kata gomol, gomollah... tu...", kata saya cuba mengelak.

"Apa puncanya? Tentu ada punca? Takkan tak ada apa-apa boleh balah?" kata Pak Chu lagi ingin mengetahui padangan saya. Tetapi saya tidak berkata apa-apa.

Selepas membayar (belanja) semua yang ada dalam kedai, saya keluar. Sambil berjalan saya berfikir, bahawa krisis Anwar - Mahathir sudah sampai ke tahap itu. Tidak boleh diselindung lagi. Sampai orang

kampung pun sudah tahu.

Dan disebut coffee house.... ceritanya juga hampir sama. Cuma wataknya terdiri daripada orang cerdik pandai. Seorang ketua bahagian yang baru menang, seorang penyokong Tun Ghafar Baba, saya dan seorang yang lain.

*"I fikir PM baik retired.... kedudukan Anwar kini sudah teguh.... sudah menyeluruh? Pm sudah overstay", kata ketua bahagian baru.*

*"Betul ke...?" celah saya ingin mencari hujungnya. "Betul... you percaylah, Sayuti.... dari Pantai Timur hingga ke Selatan..Utara.. You tahu hampir semua MB sudah sokong Anwar... " katanya sambil mengangguk-angguk sendiri.*

*Penyokong Tun Ghafar hanya membisu. Dia lebih banyak mendengar malam itu.*

*"You jangan sedap sangat.... I tak fikir PM diam. You tak tahu.. politik Dr. Mahathir... dia bijak. Sekejap sahaja dia boleh lumpuhkan jentera Anwar...." kata seorang lagi.*

*"Nak... lumpuh macam mana lagi? Hah.... kalau PM buat tak endah juga akhirnya dia akan malu... dia akan diturunkan dengan kehinaan. Macam Pak Ghafar!"*

*"Sejauh mana mereka berdua bergaduh...?" akhirnya saya menyuntik pertanyaan yang terbuka di hati sekaligus mengelek polemik mereka berdua.*

*"Sejauh mana.... kalau dibaratkan kepada jarak sudah sejauh dari Kuala Lumpur ke Bangkok...." jelas bekas penyokong Ghafar yang tadi diam.*

*"Krisis Anwar dan PM... tidak ada ubat dah..."*

*tidak ada penawar paling mujarab setakat ini, seperti penyakit Aids... kecuali PM kena berhenti..."* balas ketua bahagian baru itu beriya. *Saya tersenyum sendiri.*

Demikianlah dua cerita dan dua realiti tentang Anwar dan PM. Perbalahan mereka sudah diketahui umum. Tetapi apakah punca menyebabkan Anwar dan Mahathir krisis? Seperti kata Pak Chu orang kampung saya itu, tentu ada sebab. Dan sebab inilah yang menjadi tanda tanya dan buruan orang.

Dalam hal ini bermacam-macam andaian yang dibuat oleh umum. Ada bermacam versi mengenai krisis Dr. Mahathir - Anwar ini. Ada diantaranya sukar untuk diterima tentang kelogikannya dan ada juga yang dirasakan munasabah.

Ada beberapa versi ataupun kes menyebabkan hubungan PM dan TPM itu tengang. Terpulanglah kepada kita semua untuk mengambil versi mana sebagai punca. Ataupun semua versi ini tidak berlaku dan hanya satu rekaan dan fitnah. Tetapi.... inilah versi-versi yang popular dalam hikayat 'perang saudara Mahathir - Anwar' ini.

### **Versi Pertama.**

Menurut pemimpin sebuah parti politik yang sebelum ini seorang hero UMNO punca yang menyebabkan hubungan Mahathir - Anwar, renggang dan retak menanti belah ialah kerana wujudnya orang ketiga dalam perhubungan mereka itu. Ibarat kepada orang sedang berkasih, kehadiran orang ketiga, baik lelaki



atau perempuan, ia memusnahkan keintiman dan memecahkan asyik mansyuk mereka.

Orang ketiga yang dimaksudkan itu ialah Tun Daim Zainuddin. Pada mulanya Daim memang bersetuju sangat Anwar dilantik menjadi Menteri Kewangan menggantikan beliau dengan harapan Anwar bukan sahaja Menteri Kewangan Malaysia, sebaliknya menjadi Menteri Kewangan dia juga. Daim mahu Anwar memudahkan segala urusan perniagaannya. Tetapi malang si Anwar tidak melayan segala kehendak Daim. Salah sangka dari jangka. Dikatakan Anwar bukan sahaja tidak bersedia menjadi hamba Daim, sebaliknya dengan kuasa yang ada kepadanya dia menyekat banyak pergerakan dunia dagang bekas taukeh garam itu.

Salah satu tindakan Anwar yang benar-benar mengecewakan Daim ialah apabila Anwar enggan meluluskan permohonan permit kewangan (Finance) kepada Daim. Alasan Anwar ialah kerana Daim sudah ada satu permit kewangan.

Itulah puncanya bagaimana bermulanya cerita Daim tidak senang Anwar.

Dan apa pula sebabnya Anwar tidak senang dengan Daim ialah, banyak urusan-urusan kementerian kewangan termasuk soal membuat keputusan dicampuri oleh Daim. Daim yang pandai-pandai membuat keputusan bersama Mahathir. Ada kalanya Anwar hanya terpaksa ikut, walaupun beliau tidak setuju dengan cara yang Daim buat.

Misalnya kes kerugian bank negara kerana pasaran wang hadapan RM25 bilion yang ditanggung oleh Anwar. Menurut cerita arahan untuk terlibat dengan

pasaran hadapan itu ialah Mahathir. Segala memo dan arahan lisan Mahathir dalam simpanan Anwar. Tetapi apabila berlaku kerugian ianya ditunding dan dipertanggungjawabkan kepada Anwar seorang. Inilah menyebabkan Anwar makan hati berulam jantung.

Ekoran tidak ikut prosedur itulah menyebabkan Anwar mula bertindak sendiri tanpa merujuk kepada Daim. Dan tindakan inilah menyebabkan Dr. Mahathir mula tidak menyenangi Anwar dan menyifatkan Anwar sudah menjadi kadok naik junjung.

### **Versi Kedua.**

Langkah Anwar mencabar kedudukan Tun Ghafar Baba pada tahun 1993 dikatakan menjadi punca pergaduhan Anwar - Mahathir. Tindakan Anwar mencabar Ghafar itu katanya tidak disenangi oleh Dr. Mahathir. Walaupun Mahathir tidak 'melarang' tetapi sikap terbuka Mahathir ketika itu dilihat sebagai bersikap suruh pun tidak, larang pun tidak.

Namun sikap Dr. Mahathir itu seolah Anwar sedikitpun tidak cuba memahami sehinggakan beliau melawan Ghafar Baba. Kekalahan Ghafar menyebabkan Mahathir jadi berdiri bulu tengkuk. Dan mulai bimbang dengan kehebatan dan kelicitan politik Anwar. Dr. Mahathir takut apa yang menimpa Ghafar itu akan turut sama menimpa dirinya.

Sikap degil Anwar itu ditafsirkan oleh orang-orang Mahathir, Anwar sebagai rakus. Dan kebetulan pula, Dr. Mahathir menerima label demikian. Justeru itu beliau harus bertindak mengurangkan kehebatan Anwar termasuk memecahkan team wawasan dan

sebagainya. Dr. Mahathir sudah dapat merasakan gelombang itu boleh menelannya suatu hari, dan beliau bertindak sebelum ular lidi menjadi ular sawa.

### **Versi Ketiga.**

Punca keretakan hubungan sutera diantara Anwar - Mahathir juga dikatakan berpunca daripada satu insiden yang berlaku secara tidak sengaja. Kononnya telah berlaku satu kejadian Anwar tidak melayan kehadiran seorang anak lelaki Dr. Siti Hasmah Mohd Ali ke pejabatnya. Anak lelaki Siti Hasmah itu datang atas urusan bisness. Entah macam mana ketika anak lelaki Siti Hasmah itu hadir, Anwar kebetulan sedang dikunjungi tetamu lain.

Jadi Anwar tidak sempat hendak melayan anak lelaki Siti Hasmah itu dengan sepenuh layanan sesuai sebagai anak seorang pembesar. Maka kembalilah anak lelaki itu mengadukan hal itu kepada bundanya. Apa lagi bundanya tersangat marah lalu mengkhabarkan perkara itu kepada suaminya seorang Perdana Menteri.

Sudah tentu sewaktu Dr. Siti Hasmah memaklumkan kepada Dr. Mahathir adalah tokoh tambah bagi memastikan Dr. Mahathir marahkan kepada Anwar diatas apa yang terjadi itu.

### **Versi keempat.**

Kritikan Anwar secara diam-diam terhadap dasar pemerintahan Dr. Mahathir juga dikatakan menjadi punca menyebabkan hubungan mereka mulai keruh. Anwar dengan diam-diam telah mengkritikan dasar

Dr. Mahathir yang *super* liberalisme dan sekularisme. Ada kalanya kritikan ini dibuat oleh pihak-pihak tertentu bagi pihak Anwar secara terang-terangan.

Ada kalanya Anwar tidak dapat menahan geramnya mengkritik dasar Mahathir secara berkias. Per-canggahan pendapat dan kenyataan diantara Anwar dengan Mahathir memperjelaskan perkara ini. Selain itu katanya peranan kawan-kawan Anwar yang ber-janggut sejempit turut sama mengeruhkan hubungan baik. Kawan-kawan Anwar ini yang tidak sabar-sabar mahukan Anwar menjadi PM, yang bertindak lebih sudu daripada kuah, untuk membolehkan Anwar melaksanakan agenda perjuangan sewaktu dalam ABIM dahulu.

Puncak kemarahan Dr. Mahathir kepada Anwar apabila, terdedah satu *line-up* susunan kabinet yang disusun oleh pihak kawan-kawan Anwar ini yang kebanyakannya 'janggut sejempit'. Dari situlah Mahathir sudah merasakan bahawa Anwar sudah tidak sabar-sabar lagi untuk menjadi PM.

Itulah empat versi yang popular mengenai hikayat perbalahan Mahathir - Anwar. Kalau dilihat kepada empat versi itu semua ianya melibatkan orang ketiga. Orang ketigalah yang menjadi punca pergaduhan mereka berdua. Orang ketiga pertama, ialah Daim, orang ketiga kedua, Siti Hasmah Mohd Ali, orang ketiga ketiga, kawan-kawan Anwar dan orang ketiga keempat ialah Ghafar.

Kalau diperhatikan apa yang menjadi punca perselisihan faham mereka ialah kerana wang - merebut kebendaan. Mereka bergaduh kerana hendak memenuhi kehendak peribadi. Bukannya bergaduh untuk rakyat

*AGENDA 1996*

dan negara. Begitulah adanya... hikayat Dr. Mahathir bergaduh dengan Anwar. Walaahualam.

*Selesai pada 31hb. Oktober, 1995.  
Terima kasih kepada - Ernny dan Im.*



***BERITA PERTAMA - Akhbar melaporkan tidak ada selisih faham diantara Dr. Mahathir dengan Anwar. Kita tunggu selanjutnya. Dengan Tan Sri Musa Hitam dulu... Dr. Mahathir beberapa kali menafikan yang mereka tidak ada selisih faham. Akhirnya Musa mengumumkan perletakkan jawatan sebagai TPM***



***BERITA KEDUA - Dr. Mahathir mengumumkan tidak ada pertandingan untuk jawatan Presiden dan Timbalan Presiden. Ramai orang tidak percaya. Perlembagaan UMNO tidak boleh halang pertandingan. Dan orang juga tidak yakin Anwar akur begitu saja. Agenda 1996 mesti jalan, kecuali UMNO pinda perlembagaan untuk menghalangnya!***



**BERITA KETIGA** - Anwar memberi jaminan untuk tidak lawan Dr. Mahathir. Boleh percaya ka? Anwar mungkin tidak lawan Dr. M kalau Dr. M memenuhi beberapa tuntutannya. Kalau tuntutannya tidak dipenuhi... Anwar tidak ada cara lain lagi melainkan tentang Dr. M. Keratan akhbar ini menjadi saksi siapa bohong dan siapa benar.



**BUKU-BUKU MOHD SAYUTI OMAR YANG  
TELAH TERBIT**

JODOL	TAHUN
1. RAHSIA ASHAARI TERBONGKAR DI LUAR NEGERI.	1989
2. MERDEKA KEDUA	1989
3. ANWAR IBRAHIM - MIMPI & REALITI	1990
4. KELANTAN SELEPAS PANTANG (100 HARI USTAZ NIK AZIZ JADI MB)	1991
5. ANTARA, ANWAR, DOLLAH DAN SANUSI - TUHAN PILIH SIAPA	1991
6. TRADISI DAN TRAGEDI DALAM PERHIMPUNAN AGUNG UMNO 1993	1993
7. MUJADDID ALAM MELAYU (HARAPAN DAN IMPIAN DARUL ARQAM)	1993
8. SIAPA KETUA PEMUDA KE 10?	1993
9. TUANKU ISMAIL PETRA - IDEALISME & KEPRIHATINAN KEPADA AGAMA, BANGSA DAN NEGARA	1995
10. DELIMA POLITIK KELANTAN (MAMPUKAH BN GUGAT ANGKATAN)	1994
11. ANALISIS PILIHANRAYA 1995	1995
12. AGENDA 1995 - ANWAR LAWAN MAHATHIR	1995

